Hasil penyelidikan yang berjaya dikomersialkan memenangi anugerah di Majlis SIRIM - Industri pada 21 November 2011



Penulisan rencana dan artikel dalam media yang berperanan untuk mempromosi hasil penyelidikan, penyebaran maklumat mengenai kaedah-kaedah pengurusan hutan dan biodiversiti serta promosi kepakaran penyelidik-penyelidik FRIM. Contoh penerbitan artikel di dalam Utusan Malaysia bertarikh 7 Mac 2011



Perundingan yang diadakan di antara FRIM dan industri sebelum persetujuan dasar dengan terma-terma komersialisasi ditentukan dan perjanjian perlesenan dimeterai

penerbitan rencana dan artikel membantu meningkatkan imej dan kecemerlangan FRIM. Pada tahun 2011, sebanyak 133 rencana atau artikel telah diterbitkan oleh media arus perdana yang berkaitan dengan promosi hasil penyelidikan FRIM.

LANGKAH SETERUSNYA

Pelbagai langkah dan strategi telah dirancang dan dilaksanakan untuk memastikan komersialisasi dan promosi hasil penyelidikan dapat dilakukan dengan berkesan. Antaranya meliputi kerjasama dengan Agensi Inovasi Malaysia (AIM) melalui Memorandum Persefahaman dan *Industrial Business Opportunities* yang dilancarkan oleh YAB Perdana Menteri pada 16 Oktober 2012. Pendekatan ini memberikan nafas baharu dalam mengurangi jurang mencari pelabur dan industri berpotensi untuk mengkomersialkan hasil R&D FRIM. Penyelidik FRIM sentiasa digalakkan untuk mendaftar pendedahan rekacipta yang dihasilkan melalui aktiviti penyelidikan mereka. Hasil-hasil penyelidikan yang berpotensi untuk pemfailan paten akan dikenalpasti dan diberikan tumpuan sewajarnya untuk dipromosikan. Selain itu, penyelidik juga digalakkan menjalankan pemindahan teknologi dan kepakaran melalui projek-projek perundingan. Unit Perniagaan Strategik juga akan ditubuhkan untuk memberi fokus kepada industri-industri baharu serta keupayaan dalam teknologi pintar dan kompetitif.

Untuk tujuan promosi hasil penyelidikan, FRIM akan mengenal pasti warga kerja editorial media utama di Malaysia serta pasaran khusus (*niche market*) mereka bagi meningkatkan penerbitan oleh media untuk bahan-bahan yang dicadangkan. Selain itu, hebahan media yang tepat, pantas dan terperinci akan dipastikan supaya aktiviti FRIM, sama ada aktiviti penyelidikan, kejayaan para penyelidik, pengiktirafan industri atau pihak berkepentingan, atau aktiviti ekopelancongan disiarkan. Tumpuan kepada penyebaran maklumat FRIM melalui laman sesawang dan media baharu juga akan diberikan. Pada masa yang sama, para penyelidik FRIM akan dilengkapi dengan kemahiran untuk memahami media dan menulis mengikut keperluan media yang berlainan.

YBHG. DATUK PROF. SR DR. ABDUL KADIR BIN TAIB KETUA PENGARAH JABATAN UKUR DAN PEMETAAN MALAYSIA (JUPEM)

HIGHLIGHTS 2011

PENCAPAIAN 2011

100%

- 1 Memberi Khidmat Ukuran Hak Milik yang Lebih Efisien
(Bilangan Lot Disiapkan Pengukuran dalam Tempoh 2 Bulan/Kurang)

SASARAN

16,000 Lot

(30% daripada Jumlah
Bilangan Lot yang
Diukur Setahun)

PENCAPAIAN

16,410 Lot



- 2 Penerbitan Peta Topografi

SASARAN

400
Lembar

PENCAPAIAN

438
Lembar



- 3 Menentu, Menanda, Mengukur dan Menyenggara
Sempadan Antarabangsa

SASARAN

25.7 km

PENCAPAIAN

45.0 km



HIGHLIGHTS 2012

- 1 Memberi Khidmat Ukuran Hak Milik yang
Lebih Efisien
(Bilangan Lot Disiapkan Pengukuran dalam
Tempoh 2 Bulan/Kurang)

SASARAN

19,000 Lot (40% daripada Jumlah
Bilangan Lot yang Diukur Setahun)

- 2 Penerbitan Peta Topografi

SASARAN

400 Lembar

KPI 2012

KRA / KPI	Pencapaian 2011	Pencapaian Setengah Tahun 2012			Sasaran 2012	Sasaran Outcome	Catatan
		Sasaran	Pencapaian	Status			
KPI FOKUS							
1. Memberi Khidmat Ukuran Hak Milik yang Lebih Efisien							
1.1 Ukuran untuk penyediaan dokumen bagi tujuan penyediaan hak milik tanah	54,730 lot (sasaran = 54,000 lot)	23,750 lot	25,483 lot		47,500 lot	Mempercepatkan proses pengukuran hak milik tanah	
1.2 Menyiapkan ukuran dalam tempoh 2 bulan berbanding 2 tahun sebelum ini	16,410 lot (30% daripada 54,000 = 16,200)	9,500 lot	9,518 lot		19,000 lot	Mempercepatkan proses pengukuran hak milik tanah	40% daripada 47,500
KPI AGENSI SECARA SPESIFIK							
1. Penerbitan Peta Topografi							
1.1 Penerbitan peta topografi	438 lembar (sasaran 400 lembar)	200 lembar	195 lembar		400 lembar	Membekalkan maklumat yang terkini untuk kegunaan pelbagai pihak	
2. Menentu, Menanda, Mengukur dan Menyenggara Sempadan Antarabangsa dan Antara Negeri							
2.1 Pengukuran/ penyelenggaraan sempadan antarabangsa	45.0 km	24.65 km	28.1 km		49.3 km	Memastikan kepentingan dan kedaulatan negara terjamin	17.1 km – Semenanjung Malaysia, 7.0 km – Sarawak & 4.0 km – Sabah
2.2 Pengukuran sempadan antara negeri	Ukuran tidak dapat dilaksanakan kerana menunggu tandatangan MoU antara negeri	8.53 km	-	-	25.6 km	Memastikan kepentingan setiap negeri yang bersempadanan terjamin	Kontrak Perkhidmatan Helikopter untuk Projek Penandaan, Pengukuran dan Penyelenggara-an Sempadan Negeri Terengganu dan Negeri Kelantan (JUPEM T10/2012) masih belum dimuktamadkan lagi.

PENCAPAIAN 2011

Memberi Khidmat Ukuran Hak Milik yang Lebih Efisien

Bagi membantu mempercepat sistem penyampaian pentadbiran tanah, Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia (JUPEM) di bawah Rancangan Malaysia Ke Sembilan (RMKe-9) telah membangunkan Sistem eKadaster bagi membantu mempercepat proses kerja ukuran hak milik tanah dari 2 tahun ke 2 bulan.

Pada tahun 2011, dengan menggunakan sistem eKadaster, JUPEM telah berjaya menyiapkan sejumlah 16,410 lot dalam masa tempoh 2 bulan. Jumlah ini adalah 30% daripada jumlah lot yang telah diterima oleh JUPEM bagi tujuan pengukuran hak milik tanah. Bagi membolehkan JUPEM memberikan khidmat ukur hak milik yang lebih berkesan, peratusan menyiapkan kerja-kerja ukuran hak milik dalam tempoh 2 bulan dibuat secara berperingkat sehingga tahun 2015 bagi mencapai sasaran 100%.



Aktiviti Pengukuran Sempadan Tanah

Bagi tahun 2012, dianggarkan sebanyak 47,500 lot yang akan diterima dan dari jumlah ini sebanyak 40% iaitu 19,000 lot akan disiapkan proses pengukurannya di dalam tempoh 2 bulan.

Penerbitan Peta Topografi

Aktiviti pemetaan dijalankan untuk memetakan Negara dengan menghasilkan pelbagai jenis peta terutamanya Peta Topografi Siri Baru untuk kegunaan pelbagai pihak bagi tujuan perancangan, pembangunan, keselamatan, pembelajaran, pemuliharaan alam sekitar, pengurusan sumber asli, penyelidikan, rekreasi, pelancongan, pentadbiran dan lain-lain lagi. Jabatan menyasarkan percetakan peta topografi pelbagai siri ini sebanyak 400 lembar setiap tahun.

Menentu, Menanda, Mengukur dan Menyenggara Sempadan Antarabangsa

JUPEM bertanggungjawab di dalam menentu, menanda, mengukur dan menyenggara sempadan antarabangsa secara bersama dengan negara-negara jiran seperti Indonesia, Thailand, Brunei dan Singapura. Sempadan Antarabangsa yang telah dimuktamadkan akan dapat memastikan kedaulatan, kepentingan dan keselamatan negara dipelihara dan terjamin. Ia juga dapat mengelakkan daripada berlakunya pertelingkahan di persempadanan, dapat mencegah pencerobohan & penyeludupan di persempadanan, penguatkuasaan undang-undang di persempadanan dapat dilaksanakan dengan berkesan dan pembangunan di persempadanan dapat dilaksanakan dengan teratur.

Jumlah jarak untuk diukur dan disenggarakan akan ditetapkan berdasarkan kepada persetujuan bersama di antara Malaysia dan negara jiran yang bersempadan.

LANGKAH SETERUSNYA

JUPEM akan meneruskan usaha-usaha untuk memantapkan sistem penyampaiannya dengan lebih berkesan. Bagi sistem eKadaster yang digunakan untuk pengukuran hak milik tanah, ia amat bergantung kepada Pangkalan Data Ukur Kadaster (*National Digital Cadastre Database*) atau NDCDB. Justeru,



Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Bersama Malaysia-Indonesia bagi Penandaan dan Pengukuran Sempadan Antarabangsa Malaysia (Sabah dan Sarawak) dan Indonesia (Kalimantan Timur dan Barat)

Jabatan telah mengambil tindakan untuk memperkasakan pangkalan data ini dengan melengkapkan maklumat yang tepat dan maklumat tambahan daripada ukuran yang lama seperti ukuran Kelas Ketiga dan Ukuran Demarkasi. Pemantapan NDCDB ini antara lainnya akan dapat membantu mempercepatkan proses pengukuran hak milik tanah. Matlamat JUPEM adalah semua lot-lot dapat disiapkan proses pengukurannya kurang daripada 2 bulan.

Jabatan juga merancang untuk membuat Peta 1 Versi untuk kegunaan awam. Peta ini adalah sama dengan Peta Topografi Terhad tetapi Peta 1 Versi ini tidak mengandungi maklumat-maklumat sekatan Y dan R (Tempat Larangan dan Kawasan Larangan). Justeru, peta ini boleh diperolehi dengan lebih cepat dan terus tanpa melalui tapisan keselamatan.

Manakala, bagi penentuan, penandaan, pengukuran dan penyelenggaraan sempadan antarabangsa, JUPEM akan sentiasa mengadakan perbincangan dengan negara jiran melalui mesyuarat-mesyuarat di peringkat Pengarah Projek Bersama, Jawatankuasa Teknikal Bersama dan juga Jawatankuasa Bersama Kawasan Penandaan, Pengukuran dan penyelenggaraan sempadan ini akan ditetapkan secara bersama melalui mesyuarat-mesyuarat yang telah ditetapkan setiap tahun.

YBHG. DATO' YUNUS BIN ABDUL RAZAK

KETUA PENGARAH JABATAN MINERAL DAN GEOSAINS (JMG)

HIGHLIGHTS 2011

PENCAPAIAN 2011

100%

- 1 Pembangunan Bekalan dan Sistem Air Bawah Tanah

SASARAN 6 Telaga

PENCAPAIAN 8 Telaga



- 2 Pemetaan Geologi Terain

SASARAN 150 km²

PENCAPAIAN 224 km²



- 3 Pemetaan Geologi Cerun Berisiko Tinggi

SASARAN 1 Tapak

PENCAPAIAN 12 Tapak

HIGHLIGHTS 2012

- 1 Penggerudian dan Pembangunan Sistem Bekalan Air Bawah Tanah di Kawasan *Water Stressed*

SASARAN 8 Telaga

- 2 Pembinaan Telaga Tiub di Kawasan Kebakaran Gambut

SASARAN 8 Telaga



YBHG. DATO' YUNUS BIN ABDUL RAZAK
Ketua Pengarah Jabatan Mineral dan Geosains (JMG)

KPI 2012

5 Pencapaian 95% dan ke atas	3 Pencapaian 85% hingga 94.9%	0 Pencapaian 84.9% dan ke bawah
5 KPI	3 KPI	0 KPI

KRA / KPI	Pencapaian 2011	Pencapaian Setengah Tahun 2012			Sasaran 2012	Sasaran Outcome	Catatan
		Sasaran	Pencapaian	Status			
KPI FOKUS							
1. Bilangan Penemuan Penyelidikan Dikomersialkan (High End Product)							
1.1 Mempaten dan mendaftarkan hasil R&D	KPI Baru				2	Lebih banyak industri berasaskan mineral mendapat faedah hasil R&D mineral yang didaftarkan bagi pengkomersialan	i) formulasi pellet kaca kristal ii) rekabentuk reaktor prototaip untuk menghasilkan PCC.
KPI AGENSI SECARA SPESIFIK							
1. Pembangunan Telaga Air Tanah							
1.1 Penggerudian & pembangunan sistem bekalan air bawah tanah di kawasan <i>water stressed</i>	3	4	3		8	Lebih ramai penduduk kawasan yang menghadapi masalah air mendapat bekalan air bersih	KPI <i>Centrally Guided Initiatives RMKe-10</i> - Inisiatif 63 (Pengurusan Sumber dan Bekalan Air)
1.2 Pembinaan telaga tiub di kawasan kebakaran gambut	2	4	4		8	Lebih luas kawasan kebakaran gambut dapat diselamatkan	
2. Pemetaan Geologi Kejuruteraan Kawasan Berisiko Bencana Geologi							
2.1 Pemetaan Geologi Terrain	224 km ²	260	292		470	Untuk mengurangkan kejadian bencana geologi	Pencapaian 2011 melebihi sasaran asal kerana: 1) Permintaan khas kerajaan Sabah akibat keruntuhan tanah di Kundasang (10 Tapak) 2) Permintaan Khas Kerajaan Sarawak lanjutan kejadian tanah runtuh di Santubung (1 tapak)
2.2 Pemetaan Tanah Gambut	40 km ²	20	25		25		
2.3 Pemetaan Cerun Berisiko Geologi	12 tapak	2	2		2		
3. Pembangunan Sumber Mineral							
3.1 Liputan Eksplorasi Mineral Berlogam (MBL)	188 km ²	150	139		299	1. Rancang kegunaan tanah dengan lebih mudah & berkesan 2. Lebih ramai pelaburan swasta/ asing berlumba mengusaha sumber mineral 3. Sumber negara yang strategik dapat dimanfaatkan	
3.2 Liputan Eksplorasi Mineral Perindustrian (MPI)	83 km ²	100	124		213		

PENCAPAIAN 2011

Pembangunan Telaga Air Bawah Tanah

Pembangunan telaga air bawah tanah adalah usaha Jabatan Mineral dan Geosains (JMG) untuk membekalkan sumber air kepada penduduk kawasan luar bandar dan pendalaman yang tidak mendapat bekalan air bersih. Pembangunan sumber air bawah tanah melibatkan aktiviti penggerudian dan pembinaan telaga, ujian dan pensampelan bagi menentukan kualiti serta pembangunan telaga meliputi sistem rawat dan bekal kepada pengguna.

Pada tahun 2011, JMG telah membangunkan 8 buah telaga air bawah tanah yang memberi faedah kepada lebih 10,000 orang penduduk luar bandar dan pendalaman terutama di Sabah dan Sarawak.

Selain daripada bekalan air bawah tanah, JMG juga membina telaga tiub air bawah tanah bagi tujuan membantu mencegah kebakaran di kawasan tanah gambut yang sering terbakar. Aktiviti ini dilaksanakan di bawah Program Pengurusan Tanah Gambut untuk Mengatasi Jerebu yang dipengerusikan oleh YB Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar.

Pada tahun 2011, JMG telah membina 2 buah telaga tiub iaitu di Sarawak dan Pahang. Operasi pengepaman air bawah tanah daripada telaga tiub ke dalam saluran dan perparitan di sekitar kawasan tanah gambut telah berjaya membantu menaikkan paras air tanah dan seterusnya mencegah lapisan gambut menjadi kering dan terbakar.

Pemetaan Geologi Kejuruteraan Kawasan Berisiko Bencana Geologi

Bagi memantapkan pengurusan geobencana dalam penilaian perancangan pembangunan bersepadu, JMG melalui Kajian Geobencana menjalankan program pemetaan geologi terain di kawasan sensitif alam sekitar (KSAS) termasuk kawasan lereng bukit, pulau-pulau, bukit batu kapur dan kawasan tanah gambut.

Pada tahun 2011, JMG telah berjaya melaksanakan pemetaan terain di kawasan seluas 224 km², pemetaan kawasan gambut 40 km² dan siasatan tapak di 12 tapak cerun berbahaya dan berisiko geobencana.



Sistem Penapisan Air Bawah Tanah Ringkas (SPATR): meninjau tangki bekalan air bersih untuk penyaluran



Runtuhan tanah di Kundasang, Sabah

Kesedaran terhadap kepentingan input geosains dalam pembangunan infrastruktur meningkat selaras dengan penguatkuasaan *One Stop Centre* (OSC) di peringkat Pihak Berkuasa Tempatan (PBT). Pada tahun 2011 sahaja JMG telah menerima sebanyak 4,954 permohonan berbanding pada tahun 2009 dan 2010 masing-masing iaitu 2,561 dan 4,276 ulasan. Aktiviti ini dijangka terus meningkat selaras dengan pelaksanaan OSC di semua PBT seluruh negara.

Laporan dan peta-peta tematik yang dihasilkan membantu pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan Kerajaan Negeri dalam pengurusan geobencana yang lebih mantap dan perancangan guna tanah yang lebih efektif, efisien dan lestari. Ia selaras dengan komitmen negara terhadap *Hyogo Framework for Action 2005-2015: Building the Resilience of Nations and Communities to Disasters*, dan *World Summit Outcome 2005 on Human Security: Freedom from Fear and Freedom from Want*.

Pembangunan Sumber Mineral

Pembangunan sumber mineral melibatkan eksplorasi mineral bagi mengenalpasti rizab dan melengkapkan data mineral berlogam, mineral perindustrian dan mineral tenaga Negara. Bagi komoditi mineral berlogam seperti emas, besi, mangan, timah dan tungsten, aktiviti dijalankan di bawah kajian penilaian sumber mineral berlogam. Manakala bagi komoditi seperti silika, lempung, pasir binaan, barit, ilmenit, feldspar, batuan berkalsium tinggi, batuan silika dan lempung marin, eksplorasi dijalankan di bawah kajian penilaian sumber mineral perindustrian.

Liputan kawasan kajian pada tahun 2011 masing-masing bagi kajian sumber mineral berlogam dan sumber mineral perindustrian ialah 188 km² dan 83 km².

Pada tahun 2011 sahaja bilangan permohonan yang diterima daripada pelbagai aktiviti carigali, perlombongan, ulasan guna tanah dan pembebasan mineral telah bertambah sebanyak dua hingga empat kali ganda.

LANGKAH SETERUSNYA

Keperluan Bekalan Sumber Air Bersih

Masih terdapat penduduk kawasan luar bandar dan pendalaman tidak mendapat bekalan air bersih. Sumber air bawah tanah dikenalpasti sebagai salah satu sistem alternatif atau *conjunctive* sebagai *temporary measures* untuk pembekalan air bersih kepada penduduk pendalaman dan luar bandar yang terlalu jauh dari sumber bekalan air. Sumber air tanah perlu terus diteroka dan dinilai keupayaannya dari segi kualiti dan kuantiti bagi tujuan pengurusan sumber air Negara dan bersedia bagi menghadapi kemarau akibat keadaan iklim yang tidak menentu.



Eksplorasi geokimia : mendulang bagi mendapatkan konsentrat mineral berat (*heavy mineral concentrates*)

Mengurangkan Risiko Bencana di Kawasan Sensitif Geologi

Pembangunan yang tidak terancang dan terkawal seperti pembinaan kawasan perumahan di kawasan bercerun, pembalakan dan pertanian mendedahkan kepada risiko bencana dan kualiti alam sekitar akan terus merosot. Pemetaan Geologi Kejuruteraan Kawasan Berisiko Bencana Geologi perlu dipertingkatkan bagi menyediakan maklumat kepada pihak perancang dan Pihak Berkuasa Tempatan dalam melaksanakan pemantauan dan penilaian projek pembangunan.

Keperluan Mineral yang Berterusan

Permintaan bahan mineral terutama sektor pembinaan dan pembuatan dijangka meningkat menjelang 2015 terutama kaca dan produk kaca, produk seramik refraktori, dawai serta besi asas dan keluli. Pembangunan sumber mineral perlu dipergiatkan supaya lebih efisien, bertanggungjawab dan mampan di samping mengoptimumkan penggunaan sumber-sumber mineral selaras dengan Dasar Mineral Negara 2 (DMN2) untuk mempertingkatkan sumbangan sektor mineral dalam pembangunan sosioekonomi.

HIGHLIGHTS 2011

PENCAPAIAN 2011

100%

- 1 Melaksanakan Pengiktirafan Pematuhan Standard *Malaysia Criteria and Indicator* (MC&I) 2002 di Semenanjung Malaysia

SASARAN

6 hingga 7 Negeri
Mengekalkan Pengiktirafan
MC&I (2002)

PENCAPAIAN

8 Negeri Berjaya
Mengekalkan Pengiktirafan
Pematuhan Standard
MC&I (2002)

- 2 Penanaman Pokok di Semenanjung Malaysia di bawah Kempen Penanaman 26 Juta Pokok

SASARAN

3.2 Juta Pokok (8.8 Juta Pokok
Kumulatif dari Tahun 2010)

PENCAPAIAN

4,708,482 Pokok
(10,463,691 Juta Pokok
Kumulatif dari Tahun 2010)



HIGHLIGHTS 2012

- 1 Melaksana Operasi Pemantauan/Pencegahan Secara Intensif dan Bersepadu di Kawasan *Hot Spot* dalam Mengekang Kejadian Pembalakan Haram di Semenanjung Malaysia

SASARAN

Mengurangkan Sehingga 50%
Bilangan Kes Pembalakan Haram
Berbanding Tahun 2011 yang
Melibatkan Lebih 12,000 Bilangan
Operasi Penguatkuasaan
di Semenanjung Malaysia



- 2 Melaksanakan Pengiktirafan Pematuhan Standard *Malaysia Criteria and Indicator* (MC&I) 2002 di Semenanjung Malaysia

SASARAN

8 Negeri Mengekalkan
Pengiktirafan MC&I (2002)

- 3 Penanaman Pokok di Semenanjung Malaysia di bawah Kempen Penanaman 26 Juta Pokok

SASARAN

3.2 Juta Pokok
(13,663,691 Juta Pokok
Kumulatif dari Tahun 2010)

6 Pencapaian
95% dan
ke atas

0 Pencapaian
85% hingga
94.9%

0 Pencapaian
84.9% dan
ke bawah

6 KPI

0 KPI

0 KPI

KPI 2012

KRA / KPI	Pencapaian 2011	Pencapaian Setengah Tahun 2012			Sasaran 2012	Sasaran Outcome	Catatan
		Sasaran	Pencapaian	Status			
KPI FOKUS							
1. Pengurangan Kes Pembalakan Haram							
1.1 Melaksanakan operasi pemantauan/ pencegahan secara intensif dan bersepadu dikawasan "Hot Spot" dalam mengekang kejadian pembalakan haram	Kes Pembalakan Haram Pada Tahun 2011 sebanyak 25 Kes melibatkan 9,826 operasi pemantauan/ pencegahan	6,000 operasi pemantauan/ pencegahan	Sehingga kini terdapat sebanyak 11,142 operasi pemantauan/ pencegahan telah dilaksanakan		12,000 operasi pemantauan/ pencegahan melibatkan 50% bilangan kes pembalakan haram dikurangkan	Kes Pembalakan Haram dikurangkan pada kadar 50% daripada kes semasa	Kumulatif Kes Pembalakan Haram sehingga Jun 2012 : 2 Kes (masing-masing 1 kes di Perak dan terengganu)
KPI AGENSI SECARA SPESIFIK							
1. Sumber Hutan Diurus Secara Berkekalan							
1.1 Melaksanakan pengkalan pengiktirafan pematuhan standard MC&I (2002) di Negeri-negeri (FMUs)	8 Negeri (FMUs) mengekalkan pengiktirafan pematuhan standard MC&I (2002)	Lapan (8) Audit Dalam Pematuhan MC&I (2002) tahun 2012 bagi lapan (8) FMU	Telah dilaksanakan sepenuhnya Audit Dalam bagi lapan (8) FMU		8 Negeri (FMUs) mengekalkan pengiktirafan pematuhan standard MC&I (2002)	Komitment <i>best forest practice</i> dilaksana dengan baik	Pelaksanaan mengikut Jadual
2. Masyarakat Karbon Rendah (Low Carbon Society)							
2.1 Melaksanakan penanaman pokok di bawah Kempen Menanam 26 Juta Pokok sehingga tahun 2014 untuk Semenanjung Malaysia (tidak termasuk Sabah dan Sarawak)	Pencapaian 2011: 4,708,482 pokok (6,143.32 ha) Kumulatif sehingga Disember 2011: 10,463,691 pokok	960,000 (1,800 ha)	Januari 2012 sehingga Jun 2012: 913,943 pokok (2,125.74 ha)		3.2 juta pokok (6,000 ha) Kumulatif sasaran Disember 2012: 13,663,691 pokok	Menambah litupan kawasan ber hutan di Semenanjung Malaysia	Kumulatif dari April 2010 sehingga Jun 2012: 11,377,634 pokok (11,426.45 ha)
3. Inventori Hutan Nasional ke-5 (IHN5)							
3.1 Melaksanakan kerja IHN5 di lapangan di Semenanjung Malaysia	263 Petak persampelan	128 Petak persampelan	157 unit pensampelan		190 unit persampelan	Persampelan Inventori Hutan Nasional ke-5 dimuktamadkan	82.6% dari unit pensampelan yang disasarkan pada tahun 2012 telah siap dibanci sepenuhnya. Bancian akan diteruskan pada bulan Julai 2012 melibatkan 16 unit pensampelan IHN-5.
4. Indeks Pematuhan Piagam Pelanggan/Norma Kerja							
4.1 93% akuan penerimaan aduan yang diterima oleh JPSM dalam tempoh 3 hari bekerja dari tarikh diterima	96.3% (77 daripada 80 aduan)	97%	100%		93%	Pengendalian aduan awam bertambah cepat, pantas dan berkesan serta lebih diyakini oleh masyarakat	44 bilangan aduan diterima (100%)
4.2 50% penyelesaian aduan JPSM dalam tempoh 15 hari bagi perkara yang tidak melibatkan dasar	65.5% (38 daripada 58 aduan)	75%	88.6%		50%		39 bilangan aduan diselesaikan daripada 43 aduan (88.6%)

PENCAPAIAN 2011

Melaksanakan Pengiktirafan Pematuhan Standard *Malaysia Criteria and Indicator (MC&I) 2002* di Negeri-negeri Semenanjung Malaysia

Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar (NRE) melalui Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM) telah melaksanakan Pensijilan Pengurusan Hutan berdasarkan standard *Malaysia Criteria and Indicators for Forest Management Certification [MC&I (2002)]*. Pensijilan ini dilaksanakan bertujuan untuk memastikan *Best Forest Practice* di bawah pelaksanaan amalan Pengurusan Hutan Secara Berkekalan (PHSB) terus diamalkan dalam pengurusan dan pembangunan Hutan Simpanan Kekal (HSK) di Unit Pengurusan Hutan (*Forest Management Units – FMUs*) di lapan (8) negeri di Semenanjung Malaysia iaitu Johor, Kedah, Kelantan, Negeri Sembilan, Pahang, Perak, Selangor dan Terengganu. Selain itu, ia juga bagi memastikan penggunaan sumber hutan dapat dilaksanakan dengan penekanan yang seimbang diberikan terhadap penstabilan alam sekitar, ekologi, biodiversiti, sosial dan ekonomi dengan berasaskan prinsip dan kriteria *Forest Stewardship Council (FSC)* yang diiktiraf di peringkat antarabangsa.

Pelaksanaan standard MC&I (2002) ini juga dapat memberi impak yang positif terhadap perdagangan kayu-kayan negara di peringkat antarabangsa selain memenuhi komitmen negara dalam melaksanakan objektif ITTO 2000, di mana kayu-kayan yang didagangkan hendaklah dihasilkan dari HSK yang diuruskan secara PHSB.

Pada akhir tahun 2011, kesemua lapan (8) FMU di Semenanjung Malaysia iaitu Johor, Kedah, Kelantan, Negeri Sembilan, Pahang, Perak, Selangor dan Terengganu yang melibatkan sejumlah 4.58 juta hektar HSK telah berjaya mengekalkan Sijil Pengurusan Hutan mengikut standard MC&I (2002) oleh Badan Pensijilan Bebas iaitu SIRIM QAS International Sdn. Bhd. dan SGS (Malaysia) Sdn. Bhd.

Sungguhpun Pensijilan Pengurusan Hutan yang dilaksanakan kini lebih menjurus untuk memenuhi tuntutan dan kehendak pasaran pengguna antarabangsa (*International Consumer Demand*)



Auditan pematuhan standard - *Malaysia Criteria and Indicator (MC&I) 2002* di Semenanjung Malaysia menjadi penanda aras kepada pelaksanaan amalan Pengurusan Hutan Secara Berkekalan (PHSB) di Semenanjung Malaysia.

dan penyertaan JPSM dalam Pensijilan Hutan (*Forest Certification*) pula adalah secara sukarela, namun penyertaan JPSM dan semua Jabatan Perhutanan Negeri dalam konteks ini adalah bertujuan untuk memperkukuh komitmen murni terhadap kepentingan pengekalan peranan dan sumbangan sumber hutan negara, terutamanya kawasan-kawasan HSK di bawah amalan PHSB untuk dimanfaatkan oleh generasi masa kini dan masa hadapan.

Penanaman Pokok di Semenanjung Malaysia di bawah Kempen Menanam 26 Juta Pokok

Sempena Sambutan Hari Bumi Sedunia pada 22 April, JPSM bersama-sama semua empat belas (14) Jabatan Perhutanan Negeri melalui NRE secara serentak telah melancarkan Kempen Menanam 26 Juta Pokok dengan tema “Hijaukan Bumi: Satu Warga, Satu Pokok (*Greening the Earth :One Citizen, One Tree*)”. Kempen ini merupakan salah satu aktiviti dalam membantu NRE untuk merealisasikan hasrat Kerajaan bukan sahaja untuk mewujudkan suasana persekitaran semula jadi yang hijau, segar malah meningkatkan kesedaran bahawa menghijau dan memelihara alam sekitar adalah tanggungjawab semua pihak serta memupuk minat menanam pokok dan mencintai alam sekitar bagi rakyat Malaysia. Kerajaan juga bersungguh-sungguh melalui pelaksanaan aktiviti menanam pokok secara sukarela seumpama ini adalah untuk mencapai indikator penyerap karbon serta pengurangan pelepasan Gas Rumah Hijau (GHG).

Penanaman pokok ini adalah merupakan usaha memperkasakan komitmen Malaysia selaras untuk mengekalkan sekurang-kurangnya 50% daripada keluasan tanah negara dengan kawasan berhutan dan litupan hijau seperti mana yang dinyatakan semasa Persidangan Kemuncak Bumi di Rio de Janeiro tahun 1992. Pada akhir tahun 2009, jumlah keluasan kawasan berhutan negara adalah 56.4%. Daripada peratusan keluasan tersebut, sejumlah 18.3% adalah kawasan berhutan Semenanjung Malaysia. JPSM akan melaksanakan kempen menanam pokok ini dalam tempoh 5 tahun iaitu bermula tahun 2010 hingga 2014 bagi mencapai sasaran 26 juta pokok. Oleh itu, melalui Kempen Menanam 26 juta pokok ini dan disokong dengan pelaksanaan amalan PHSB yang diamalkan secara berterusan, pemanasan global dan perubahan iklim yang menjadi isu semasa antarabangsa dijangka dapat ditangani secara berkesan memandangkan hutan mampu berfungsi sebagai penyerap karbon.

Semenjak kempen ini dilaksanakan, Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia telah berjaya menanam kawasan seluas lebih kurang 9,221.84 hektar melibatkan sebanyak 10,463,691 juta pokok berbanding disasarkan 9,000 hektar yang melibatkan 8 juta pokok pada akhir tahun 2011. Pada tahun 2012, kempen ini dirancang untuk dilaksanakan dengan sasaran penanaman kawasan seluas lebih kurang 15,221.84 hektar melibatkan sebanyak 13,463,691 juta pokok.

LANGKAH SETERUSNYA

Kerajaan sentiasa memandang serius dan komited dalam menjamin sumber hutan negara yang berkekalan serta memastikan khazanah hutan terus terpelihara demi kepentingan generasi masa kini dan akan datang. Sungguhpun kes pembalakan haram dan pencerobohan hutan di Semenanjung Malaysia berada dalam keadaan terkawal berbanding negara-negara jiran, namun kegiatan ini sukar untuk dibanteras sepenuhnya. Isu pencerobohan hutan dan pembalakan haram perlu diberi perhatian utama dalam memastikan biodiversiti, kualiti hutan dan alam sekitar serta kesejahteraan masyarakat terus terpelihara.



Kempen penanaman pokok merupakan salah satu inisiatif penting dalam mengurangkan pelepasan Gas Rumah Hijau (GHG) dan menambah litupan hijau di Malaysia

Selaras dengan ini, Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar (NRE) melalui Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia telah memberi fokus utama pada tahun 2012 bagi memantapkan usaha-usaha untuk memerangi kegiatan pembalakan haram. Sebanyak 25 kes pembalakan haram di Semenanjung Malaysia telah direkodkan pada tahun 2011. Pada tahun 2012, JPSM telah mensasarkan untuk mengurangkan kegiatan pembalakan haram kepada sekurang-kurangnya 50% daripada jumlah kes tahun sebelumnya.

Untuk memantapkan lagi usaha membanteras pembalakan haram, JPSM mempertingkatkan bilangan operasi penguatkuasaan secara bersepadu bersama agensi lain di bawah strategi *Blue Ocean Strategy* seperti Polis DiRaja Malaysia, Angkatan Tentera Darat, Agensi Maritim Malaysia, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia dan sebagainya. Aktiviti penguatkuasaan ini juga dijalankan menerusi pendekatan *Visible Enforcement Concept* di mana semua aktiviti penguatkuasaan akan dilakukan secara terang-terangan dan dihebahkan kepada umum bagi memberikan keyakinan kepada pihak awam akan kesungguhan Jabatan membanteras kegiatan tersebut.

PUAN HALIMAH BINTI HASSAN

KETUA PENGARAH JABATAN ALAM SEKITAR (JAS)

HIGHLIGHTS 2011

- 1 Bilangan Hari Udara Bersih dalam Setahun kecuali Apabila Berlaku Kejadian Jerebu Merentasi Sempadan (% Hari dalam Setahun)

SASARAN **95%**

PENCAPAIAN **99.7%**

- 2 Keputusan Laporan Penilaian Terhadap Alam Sekitar (EIA) Diberi dalam Tempoh Tidak Melebihi Lima (5) Minggu (% Pematuhan Piagam)

SASARAN **95%**

PENCAPAIAN **99%**

- 3 Penyiasatan dan Maklumbalas Aduan Diberi dalam Tempoh 15 Hari Bekerja

SASARAN **95%**

PENCAPAIAN **100%**



HIGHLIGHTS 2012

- 1 Bilangan Kenderaan Bermotor (Diesel) Diuji

SASARAN **200,000** Kenderaan

- 2 Jumlah Ahli Rakan Alam Sekitar

SASARAN **100,000** Ahli



PUAN HALIMAH BINTI HASSAN
Ketua Pengarah Jabatan Alam Sekitar (JAS)

KPI 2012

11 Pencapaian
95% dan
ke atas
11 KPI

1 Pencapaian
85% hingga
94.9%
1 KPI

0 Pencapaian
84.9% dan
ke bawah
0 KPI

KRA / KPI	Pencapaian 2011	Pencapaian Setengah Tahun 2012			Sasaran 2012	Sasaran Outcome	Catatan
		Sasaran	Pencapaian	Status			
KPI FOKUS							
1. Tempoh Masa Pemprosesan EIA							
1.1 Keputusan Laporan Penilaian Terhadap Alam Sekitar (EIA) diberi dalam tempoh tidak melebihi tiga (3) minggu (%pematuhan piagam)	KPI Baru	Sebaran kepada Perunding	Sebaran kepada Perunding selesai		Persediaan Perubahan sasaran dari 5 ke 3 minggu	Mempertingkatkan sistem penyampaian Jabatan Kerajaan kepada pelanggan	KPI baru yang memerlukan perubahan prosidur kerja, tanggungjawab perunding dan kefahaman petugas penilai
1.2 Keputusan Laporan Penilaian Terhadap Alam Sekitar (EIA) diberi dalam tempoh tidak melebihi lima (5) minggu (%pematuhan piagam)	94.4%	95%	100%		95%		
KPI AGENSI SECARA SPESIFIK							
1. Kualiti Udara Bersih							
1.1 Bilangan hari udara bersih dalam setahun kecuali apabila berlaku kejadian jerebu merentasi sempadan (% hari dalam setahun)	99.7%	96.2%	95.6%		98%	Meningkatkan kualiti hidup rakyat	
1.2 Pematuhan pelepasan asap dari kenderaan bermotor (% kenderaan ditahan dan diuji)	98.7%	98%	99%		98%		
1.3 Bilangan kenderaan bermotor (diesel) diuji	KPI Baru	96,000	177,619		200,000		
1.4 Pematuhan pelepasan asap dari kilang kelapa sawit (% pematuhan)	99.5%	96%	99.5%		98%		
1.5 Pematuhan pelepasan asap dari kilang getah (% pematuhan)	100%	97%	100%		99%		
2. Pematuhan Peraturan Kualiti Alam Sekeliling							
2.1 Pematuhan Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Premis yang Ditetapkan) (Minyak Kelapa Sawit Mentah), 1977	96%	95%	94%		97%	Meningkatkan kualiti hidup rakyat	
2.2 Pematuhan Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Premis yang Ditetapkan) (Getah Asli Mentah), 1977	100%	97%	99%		99%		
2.3 Perintah Kualiti Alam Sekeliling (Premis yang Ditetapkan) (Kemudahan Pengolahan dan Pelupusan Buangan Terjadual) 1989	92%	94%	99%		95%		
3. Program Pendidikan dan Kesedaran Alam Sekitar							
3.1 Jumlah ahli Rakan Alam Sekitar	50,266 ahli	75,000 ahli	64,962 ahli		100,000 ahli	Kesedaran rakyat terhadap pemuliharaan alam sekitar meningkat	
4. Pengurusan Aduan							
4.1 Penyiasatan dan maklumbalas aduan diberi dalam tempoh 15 hari bekerja	100%	97%	100%		95%	Mempertingkatkan sistem penyampaian Jabatan Kerajaan kepada pelanggan	

PENCAPAIAN 2011

Kualiti Udara Bersih

Pencemaran udara menyebabkan kemerosotan kualiti udara dan memberi kesan negatif kepada kualiti hidup rakyat terutama dari segi kesihatan, pelancongan dan sosioekonomi. Kualiti udara diukur berdasarkan kandungan bahan pencemaran dalam udara bagi sesuatu tempoh yang tertentu. Bilangan hari udara bersih dalam setahun (kecuali apabila berlaku kejadian jerebu merentasi sempadan) dipilih sebagai KPI kerana ianya dapat dicapai melalui pelaksanaan strategi dan pelan tindakan secara komprehensif, holistik dan inter-sektoral dalam Pelan Tindakan Udara Bersih yang telah digubal ke arah mempertingkatkan kualiti udara bagi kesejahteraan hidup rakyat. Bagi tahun 2011, peratusan bilangan hari udara bersih dalam setahun mencapai 99.7%, peratusan pengurangan pelepasan asap hitam dari kenderaan bermotor 98.7%, kilang kelapa sawit 99.5% dan 100% pencapaian pengurangan pelepasan asap hitam dari industri getah.



Pelepasan asap kilang

Pematuhan Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling

i) Kawalan Terhadap Kilang Kelapa Sawit dan Getah

Kilang memproses buah kelapa sawit mentah dan kilang memproses getah asli mentah adalah merupakan punca-punca pencemar air utama dari sektor perindustrian yang mencemarkan air sungai di negara kita. Pada tahun 2011, sebanyak 426 kilang kelapa sawit (KKS) dan 80 kilang getah (KG) sedang beroperasi. Bilangan KKS akan meningkat lagi kerana industri ini masih membangun terutamanya di negeri Sabah dan Sarawak. Pencapaian KPI bagi tahun 2011 adalah 96% pematuhan kepada Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Premis yang Ditetapkan) (Minyak Kelapa Sawit Mentah), 1977, 100% pematuhan kepada Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Premis yang Ditetapkan) (Getah Asli Mentah), 1977. Jabatan Alam Sekitar telah mengadakan pelbagai langkah bagi meningkatkan tahap pematuhan bagi kedua-dua jenis industri ini.



Siasatan aduan pelepasan effluen kilang kelapa sawit ke alur air secara haram

ii) Kawalan Terhadap Pengurusan Buangan Berbahaya

Sektor perindustrian, perubatan dan perdagangan menghasilkan pelbagai buangan termasuk buangan yang dikategorikan sebagai buangan toksik dan berbahaya. Buangan ini ditakrifkan sebagai buangan terjadual di bawah Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Buangan Terjadual) 2005. Buangan terjadual perlu dikendalikan dan dilupuskan dengan cara yang teratur dan sempurna bagi melindungi kesihatan dan keselamatan awam, kehidupan dan kesejahteraan alam sekitar. Dalam usaha menguruskan buangan berbahaya dengan berkesan, JAS telah membenarkan penubuhan pusat/premis pengolahan dan pelupusan buangan terjadual dengan tujuan bagi memastikan risiko yang berpunca daripada pengendalian buangan berbahaya terutamanya daripada kegiatan industri kepada kesihatan orang ramai dan keselamatan alam sekitar dapat dikawal. Bagi tahun 2011, pencapaian pematuhan kepada Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Buangan Terjadual) 2005 adalah 92%.

Pendidikan & Kesedaran Alam Sekitar

Bilangan Ahli Rakan Alam Sekitar Berdaftar

Penguatkuasaan yang sedang dijalankan serta aktiviti-aktiviti kesedaran alam sekitar yang telah dilaksanakan setakat ini oleh Jabatan Alam Sekitar tidak dapat menjangkau semua kumpulan sasaran untuk menghayati dan bersama-sama bertanggungjawab dalam memelihara alam sekitar. Program ini penting bagi melibatkan anggota masyarakat secara "hands-on" atau fizikal untuk membantu agensi-agensinya kerajaan dalam membanteras kegiatan-kegiatan yang mencemar dan merosakkan alam sekitar di semua kawasan, sekali gus dapat mengurangkan tekanan dan beban agensi Kerajaan dalam tugas-tugas pengawalan dan pencegahan berlakunya pencemaran alam sekitar. Usaha pemuliharaan alam sekitar adalah tanggungjawab bersama semua lapisan masyarakat dan tidak hanya usaha pihak kerajaan semata-mata. Peranan proaktif masyarakat adalah kunci kejayaan bagi usaha pemuliharaan alam sekitar di negara ini. Dalam tahun 2011 ini, program ini telah berjaya mencapai pendaftaran 50,266 Ahli Rakan Alam Sekitar yang terdiri daripada pelbagai lapisan masyarakat dan latar belakang. Sebanyak 57% terdiri daripada golongan remaja berumur 13-21 tahun dan 20% terdiri daripada golongan belia berumur 22-39 tahun.

Pematuhan Piagam Pelanggan

A. Laporan Penilaian Kesan Terhadap Alam Sekitar (EIA)

Tempoh pemprosesan laporan EIA oleh Jabatan Alam Sekitar telah dipendekkan daripada 3 bulan kepada 5 minggu bagi laporan EIA Awal dan daripada 5 bulan kepada 3 bulan bagi laporan EIA terperinci mulai 15 Julai 2007 atas ketetapan Jawatankuasa PEMUDAH. Ketetapan ini juga telah dibuat oleh YAB Perdana Menteri dalam Perutusan Belanjawan 2008. Pencapaian bagi tahun 2011 adalah 94.4% keputusan laporan kesan terhadap alam sekitar (EIA) diberi dalam tempoh tidak melebihi lima (5) minggu.

B. Pengurusan Aduan Rakyat

Peningkatan kesedaran rakyat pada masa kini mengenai kepentingan penjagaan alam sekitar serta tuntutan kepada keperluan satu alam persekitaran yang bersih dan selamat telah menyebabkan bilangan aduan daripada orang



Karnival Rakan Alam Sekitar (Kayuhan Hijau) di Batu Pahat, Johor



Program Rakan Alam Sekitar, aktiviti pembersihan pantai di Kampung Sepat, Kuantan, Pahang

awam mengenai kejadian-kejadian pencemaran alam sekitar yang diterima oleh Jabatan Alam Sekitar telah turut meningkat. Pada tahun 2011 JAS telah menerima 5,877 aduan mengenai pelbagai masalah alam sekitar. Setiap pengadu mempunyai ekspektasi bahawa aduannya adalah penting dan perlu diselesaikan oleh penjawat awam dengan serta merta. Oleh itu aduan-aduan awam yang diterima ini perlu dikendalikan dengan efektif dan serta merta atau sekurang-kurangnya dalam tempoh piagam yang telah ditetapkan. Dalam hubungan ini JAS telah mewujudkan satu sistem pengurusan aduan yang efisien bagi kepuasan hati pengadu. Bagi tahun 2011, 100% daripada aduan yang diterima telah disiasat dan diberi maklumbalas dalam tempoh 14 hari bekerja.

LANGKAH SETERUSNYA

Selaras dengan pelaksanaan pelan-pelan tindakan di dalam Pelan Strategik JAS 2011-2020, JAS akan terus meningkatkan keupayaan warga JAS, penambahbaikan mekanisme pelaksanaan, penyelarasan, pemantauan dan penilaian agar program yang dilaksanakan mencapai matlamat yang disasarkan.

YBHG. DATO' ABD RASID BIN SAMSUDIN

KETUA PENGARAH JABATAN PERLINDUNGAN HIDUPAN LIAR DAN TAMAN NEGARA (PERHILITAN)

HIGHLIGHTS 2011

PENCAPAIAN 2011

100%

- 1 Operasi Basmi Kera di Semenanjung Malaysia

SASARAN

67,000 Ekor

PENCAPAIAN

87,819 Ekor



- 2 Operasi Penguatkuasaan Penyeludupan dan Pemburuan Haram di Semenanjung Malaysia

SASARAN

160 Operasi

PENCAPAIAN

245 Operasi

HIGHLIGHTS 2012

- 1 Pengurangan Bilangan Aduan Jabatan

SASARAN

Pengurangan 25% Aduan

- 2 Operasi Basmi Kera di Semenanjung Malaysia

SASARAN

70,000 Ekor

- 3 Operasi Penguatkuasaan Penyeludupan dan Pemburuan Haram di Semenanjung Malaysia

SASARAN

160 Operasi



YBGH. DATO' ABD RASID BIN SAMSUDIN
Ketua Pengarah Jabatan Perlindungan Hidupan Liar
dan Taman Negara (PERHILITAN)

10

Pencapaian
95% dan
ke atas

0

Pencapaian
85% hingga
94.9%

0

Pencapaian
84.9% dan
ke bawah

10 KPI

0 KPI

0 KPI

KPI 2012

KRA / KPI	Pencapaian 2011	Pencapaian Setengah Tahun 2012			Sasaran 2012	Sasaran Outcome	Catatan
		Sasaran	Pencapaian	Status			
KPI FOKUS							
1. Pengurangan Jumlah Bilangan Aduan							
1.1 Pengurangan bilangan aduan jabatan	KPI Baru	Pengurangan 25% aduan	Pengurangan 25.2% (3,166 aduan)		Pengurangan 25% aduan	Pengurangan bilangan aduan awam dan meningkatkan persepsi positif awam terhadap Jabatan.	4,324 aduan pada Jan- Jun 2011.
KPI AGENSI SECARA SPESIFIK							
1. Prestasi Pengurusan Sumber Ekopelancongan di Kawasan Perlindungan							
1.1 Keupasan pelawat terhadap perkhidmatan kaunter dan perkhidmatan kemudahan di 6 destinasi ekopelancongan jabatan	90.7% pelawat berpuashati	90% pelawat berpuashati	93.9% pelawat berpuashati		90% pelawat berpuashati	Peningkatan kesedaran awam terhadap konservasi biodiversiti	
1.2 Peningkatan 5% kedatangan keseluruhan jumlah pelawat di 6 destinasi ekopelancongan jabatan	444,228 pelawat	Pertambahan 5% pelancong	Pertambahan 20% pelawat (255,996 pelawat)		Pertambahan 5% pelancong	Peningkatan kesedaran awam terhadap konservasi biodiversiti dan penjaanaan ekonomi ekopelancongan.	211,961 pelawat pada Jan- Jun 2011.
1.3 Menyelenggara jenut di Kawasan Perlindungan	KPI Baru	5 jenut	6 jenut		9 jenut	Peningkatan kunjungan hidupan liar dan peluang pelawat melihat hidupan liar	RHL Sungkai (3) & TN Pahang (3)
2. Meningkatkan Keupayaan Menangani Masalah Konflik Manusia-Hidupan Liar							
2.1 Bilangan gajah konflik yang ditangkap pindah	37 ekor gajah konflik telah ditangkap pindah.	13 ekor gajah konflik ditangkap pindah	21 ekor gajah konflik berjaya ditangkap		26 ekor gajah konflik ditangkap	Pengurangan aduan dan kerosakan harta benda akibat konflik gajah. Pengurusan & konservasi gajah dalam kawasan perlindungan	Kelantan (9) Perak (4) Pahang (3) Johor (3) Kedah (1) & Terengganu(1)
2.2 Operasi basmi kera di Semenanjung Malaysia	87,597 ekor kera dihapuskan	35,000 ekor kera dihapuskan	51,679 ekor kera dihapuskan		70,000 ekor kera dihapuskan	Pengurangan aduan dan kerosakan harta benda akibat konflik kera. Pengurusan kera dalam populasi terkawal.	
3. Bilangan Operasi Penguatkuasaan Penyeludupan dan Pemburuan Haram di Semua Negeri di Semenanjung Malaysia							
3.1 Bilangan operasi penguatkuasaan penyeludupan dan pemburuan haram di semua negeri di Semenanjung Malaysia	245 operasi	80 operasi	98 operasi		160 operasi	Pengurangan aktiviti penyeludupan dan pemburuan haram	
3.2 Kerjasama antara agensi kerajaan dalam penguatkuasaan bersepadu	KPI Baru	15 operasi	35 operasi		30 operasi	Pengurangan aktiviti menyalahi undang-undang serta pemilikan hidupan liar tidak sah.	
3.3 Program operasi penguatkuasaan kawalan di tiga (3) kawasan Taman Negara	KPI Baru	24 operasi	33 operasi		48 operasi	Pengurangan aktiviti pencerobohan dan melindungi biodiversiti negara dalam Kawasan Perlindungan	
4. Kesedaran Awam Konservasi Biodiversiti							
4.1 Pelaksanaan program kesedaran awam berkaitan konservasi biodiversiti (Program Pendidikan Biodiversiti dan Pameran)	KPI Baru	190 program	238 program		380 program	Peningkatan kesedaran masyarakat awam terhadap konservasi biodiversiti	Program Pendidikan Biodiversiti - 83; Pameran - 155

PENCAPAIAN 2011

Operasi Basmi Kera di Seluruh Semenanjung Malaysia

Sepanjang tahun 2011 sebanyak 8,031 aduan gangguan hidupan liar yang melibatkan pelbagai spesies telah diterima oleh Jabatan PERHILITAN di seluruh Semenanjung Malaysia. Aduan gangguan kera adalah yang tertinggi diterima iaitu sebanyak 4,913 aduan (61.18%), diikuti dengan gangguan gajah sebanyak 754 aduan (9.39%) dan gangguan babi hutan sebanyak 737 aduan (9.18%). Negeri yang tertinggi menerima aduan gangguan kera ialah Selangor dengan 1,507 aduan diikuti oleh Johor (862 aduan) dan Perak (513 aduan).



Operasi Penguatkuasaan Penyeludupan dan Pemburuan Haram di Semua Negeri di Semenanjung Malaysia

Sepanjang tahun 2011, melalui peruntukan pembangunan Rancangan Malaysia Ke-10, sebanyak RM1.5 juta telah dibelanjakan dalam Program Pengurusan Konflik Manusia-Hidupan Liar terutamanya yang melibatkan Operasi Basmi Kera di seluruh Semenanjung Malaysia. Lain-lain perbelanjaan termasuklah perolehan perangkap dan peralatan kawalan gangguan, penyelenggaraan perangkap hidupan liar, Program Pemandulan Kera, Program Bancian Populasi Kera dan Program Kesedaran Awam.

Dalam menjalankan operasi basmi kera konflik, pihak Jabatan telah menjalankan operasi bersepadu yang melibatkan pelbagai agensi lain seperti Angkatan Relawan Rakyat (RELA), Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan pihak Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK). Selain membasmi kera operasi ini turut melibatkan pembasmian musuh-musuh tanaman lain seperti tupai, lotong dan babi hutan. Sebanyak 543 operasi bersepadu telah dijalankan dan berjaya menghapuskan 25,022 ekor kera, 11,095 ekor tupai, 1,311 ekor babi hutan dan 679 ekor lotong. Hasil daripada perancangan menyeluruh yang dijalankan sebanyak 87,819 ekor kera konflik telah berjaya dihapuskan berbanding dengan 67,000 ekor yang disasarkan atau 31.1% melebihi sasaran yang ditetapkan.

Operasi Penguatkuasaan Penyeludupan dan Pemburuan Haram di Semua Negeri di Semenanjung Malaysia

Penguatkuasaan Akta Pemuliharaan Hidupan Liar 2010 [Akta 716] telah meluaskan skop penguatkuasaan kepada Jabatan PERHILITAN serta meningkatkan penalti dan hukuman kepada pesalah akta. Jabatan PERHILITAN telah meningkatkan usaha mengekang aktiviti penyeludupan dan pemburuan haram dengan mempergiatkan aktiviti penguatkuasaan dan perisikan serta menjalinkan kerjasama dengan agensi penguatkuasa yang lain di Malaysia. Perisikan dan corak penyiasatan juga telah dipertingkatkan melalui latihan-latihan dan kerjasama yang erat di antara agensi seperti Polis DiRaja Malaysia, Jabatan Kastam dan Eksais DiRaja Malaysia, Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia, Unit Pencegahan Penyeludupan dan MAQIS. Jabatan juga telah mempertingkatkan jaringan pemberi maklumat yang telah banyak membantu pihak Jabatan mengesan sindiket-sindiket penyeludupan hidupan liar.

Untuk rekod, daripada tahun 2006 sehingga tahun 2011 sebanyak 544 kes berkaitan penyeludupan dan pemburuan haram telah berjaya ditangani oleh Jabatan PERHILITAN. Sepanjang tahun 2011, sebanyak 245 operasi yang telah dijalankan iaitu melebihi sasaran sebanyak 160 operasi yang ditetapkan.



Pemeriksaan oleh Pegawai Penguatkuasa Jabatan PERHILITAN di restoran

Bagi tahun 2011, sejumlah 60 kes telah dituduh di mahkamah di mana kes yang melibatkan pemilikan hidupan liar secara tidak sah merupakan kes paling banyak terlibat. Jumlah denda mahkamah yang dikenakan di bawah kesalahan Akta 716 dan [Akta 686] (Akta Perdagangan Antarabangsa mengenai Spesies Terancam 2008) ialah sebanyak RM420,300. Nilai denda tertinggi yang dicatatkan ialah sebanyak RM100,000 manakala denda terendah ialah sebanyak RM300.

LANGKAH SETERUSNYA

Operasi membasmi kera konflik di Semenanjung Malaysia akan diteruskan pada tahun 2012 yang menyasarkan penakaian sebanyak 70,000 ekor kera. Pengurangan populasi kera konflik ini dijangkakan akan turut mengurangkan bilangan aduan gangguan hidupan liar secara keseluruhannya pada tahun 2012.

Operasi penguatkuasaan penyeludupan dan pemburuan haram di Semenanjung Malaysia juga akan diteruskan pada tahun 2012 dengan beberapa penambahan aktiviti penguatkuasaan. Aktiviti penguatkuasaan ini telah diperkukuhkan lagi dengan aktiviti membanteras penyeludupan dan pemburuan haram secara bersepadu antara agensi penguatkuasa dengan pelaksanaan 1 NRE *Enforcement Team* (1 NET). Manakala sasaran operasi bagi tahun 2012 adalah sebanyak 160 operasi.

YBHG. DATO' SRI AZEMI BIN KASIM

KETUA PENGARAH TANAH DAN GALIAN (JKPTG)

PENCAPAIAN 2011

94%

HIGHLIGHTS 2011

- 1 Penyelesaian Tunggakan Permohonan Pembahagian Pusaka Kecil

SASARAN ▶ 90% (16,924 Kes)

PENCAPAIAN ▶ 92% (17,306 Kes)



- 2 Memantau Pendaftaran Hakmilik Strata bagi Skim Bangunan Bertingkat oleh PTG WPKL

SASARAN ▶ 5 Skim

PENCAPAIAN ▶ 6 Skim



HIGHLIGHTS 2012

- 1 Mengemukakan Laporan Pengemaskinian Data Tanah Persekutuan

SASARAN ▶ 4 Laporan Sukuan

- 2 Penyelesaian Permohonan Baru Pembahagian Pusaka Kecil Kurang dari 5½ Bulan

SASARAN ▶ 60%

- 3 Memantau Pelaksanaan Pendaftaran Pindah Milik Tanah dalam Masa 1 Hari oleh Semua Pentadbiran Tanah di Semenanjung Malaysia

SASARAN ▶ 96%



YBHG. DATO' SRI AZEMI BIN KASIM
Ketua Pengarah Jabatan Tanah dan Galian (JKPTG)

9 Pencapaian 95% dan ke atas	0 Pencapaian 85% hingga 94.9%	2 Pencapaian 84.9% dan ke bawah
9 KPI	0 KPI	2 KPI


KPI 2012

KRA / KPI	Pencapaian 2011	Pencapaian Setengah Tahun 2012			Sasaran 2012	Sasaran Outcome	Catatan
		Sasaran	Pencapaian	Status			
KPI FOKUS							
1. Data Tanah Persekutuan							
1.1 Mengemukakan Laporan Pengemaskinian Data Tanah Persekutuan	KPI Baru	1 laporan sukuan	2 laporan		1 laporan tahunan	Perancangan pembangunan Kerajaan Persekutuan untuk kesejahteraan rakyat	Jumlah lot tanah PTP, lot tidak dibangun/ diceroboh
KPI AGENSI SECARA SPESIFIK							
1. Penyelesaian Permohonan Pembahagian Pusaka Kecil di Semenanjung Malaysia							
1.1 Penyelesaian tunggakan permohonan pembahagian Pusaka Kecil	92% (17,306 kes)	45%	74% Kes selesai: 15,035		90%	Penyelesaian pembahagian pusaka kecil	<u>Tunggakan 2011:</u> 20,306 kes
1.2 Penyelesaian permohonan baru pembahagian Pusaka Kecil kurang dari 5½ bulan	63% (20,825 kes)	25%	34.3% Kes selesai: 12,681		60%		
2. Perluasan Projek e-Tanah							
2.1 Pelaksanaan Projek e-Tanah di Melaka	95.72%	16%	0.24%			Integrasi sistem pentadbiran tanah melalui ICT	
2.2 Pelaksanaan Projek e-Tanah di Negeri Sembilan	95.83%	6%	0.5%				
3. Pendaftaran Pindah Milik Tanah di Semenanjung Malaysia							
3.1 Memantau Pelaksanaan Pendaftaran Pindah Milik Tanah Dalam Masa 1 Hari Oleh Semua Pentadbiran Tanah di Semenanjung Malaysia	96% (352,020)	96%	98.92%		96%	Urusan pentadbiran tanah mudah, cepat dan berkesan	
4. Memantau Penyelesaian Tunggakan Urusan Tanah di Semenanjung Malaysia							
4.1 Pendaftaran urusanniaga dan bukan urusanniaga	100% (5,926,829)	99%	99.99%		99%	Urusan pentadbiran tanah mudah, cepat dan berkesan	
4.2 Pemberi milikan tanah	92.04% (723,541)	90%	89.48%		90%		
4.3 Permohonan dan pendaftaran hakmilik strata	91.98% (12,116 skim) 90.38% (798,345 petak)	88% (skim / petak)	87.43% (skim) 88.65% (petak)		90% (skim & petak)		
4.4 Penukaran Hakmilik Sementara Kepada Hakmilik Tetap	87.11% (3,847,545)	88%	87.58%		90%		
5. Pemantauan Pendaftaran Hakmilik Strata bagi Bangunan Khas (Sebelum 1996)							
5.1 Memantau pendaftaran hakmilik strata bagi baki pembangunan strata yang belum memohon hakmilik strata di WPKL (Fasa I)	3,449 petak strata didaftarkan	50%	60% 1,140 hakmilik strata		100% 2,806 petak strata dilulus	Hakmilik strata diluluskan atas nama tuan tanah / pemaju	Jumlah petak: 4,676 (5 skim)

PENCAPAIAN 2011

Penyelesaian Tunggakan Permohonan Pembahagian Pusaka Kecil

Urusan pembahagian harta pusaka yang belum selesai merupakan isu dan cabaran penting yang harus ditangani oleh Seksyen Pembahagian Pusaka, Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian (Persekutuan). Kelewatan dalam urusan pembahagian pusaka akan memberikan impak kepada aspek sosial dan ekonomi terhadap masyarakat dan negara. Justeru itu, pelbagai program telah diatur bagi memupuk kesedaran kepada masyarakat bagi mengelakkan berlakunya masalah tersebut. Hasil program tersebut secara keseluruhannya pada tahun 2011 sebanyak 53,928 permohonan telah diterima dengan nilai harta RM6,921,108,483.14 dan jumlah pungutan *fee* yang berjaya dikutip ialah sebanyak RM10,217,099.60. Penyelesaian tunggakan permohonan pembahagian pusaka kecil adalah merupakan salah satu daripada KPI YB Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar (MKRA) bagi tahun 2011. Sasaran penyelesaian sebanyak 90% kes tunggakan dari jumlah keseluruhan 18,804 kes (sehingga 31 Disember 2010) telah diitetapkan di mana pencapaiannya ialah sejumlah 17,306 kes (92%) telah berjaya diselesaikan.



Bahan promosi JKPTG dalam meningkatkan kesedaran kepada waris



Program *Outreach* yang dilaksanakan JKPTG dalam menggalakkan permohonan pembahagian pusaka kecil dengan segera

Memantau Pendaftaran Hakmilik Strata bagi 6 Skim Bangunan Bertingkat oleh PTG WPKL

Isu kegagalan tuan tanah atau pemaju untuk memohon hakmilik strata telah dibangkitkan dalam beberapa mesyuarat yang diadakan oleh Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar dengan pentadbiran tanah negeri dan juga pertubuhan bukan kerajaan seperti Persatuan Pembeli Rumah (HBA), Persatuan Pemaju Hartanah dan Perumahan (REHDA) dan Majlis Peguam (*Bar Council*). Selaras dengan konsep Gagasan 1Malaysia : Rakyat Didahulukan Pencapaian Diutamakan, Kementerian ini dengan kerjasama PTG WPKL telah mengambil satu langkah proaktif dengan mewujudkan 1 projek perintis (*pilot project*) di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur untuk mendaftarkan hakmilik strata bagi 6 skim berkategori bangunan khas yang dipilih daripada 78 skim bangunan khas kesemuanya yang terdapat di Kuala Lumpur. Satu jawatankuasa telah dibentuk yang dipengerusikan oleh JKPTG dan ahli-ahlinya yang terdiri daripada PTG WPKL, Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia (JUPEM), DBKL dan wakil pemilik/pemaju bangunan yang terlibat bertujuan untuk membantu menyelesaikan isu skim kategori bangunan khas yang gagal memohon hakmilik strata. Pelaksanaan projek perintis ini telah menunjukkan hasilnya di mana kesemua 6 skim berkenaan telah berjaya didaftarkan hak milik strata oleh PTG WPKL walaupun sasaran pada awalnya sebanyak 5 skim untuk diselesaikan.



Penyelesaian pendaftaran hakmilik strata banyak membantu dalam menyelesaikan masalah yang berkaitan kepada pemaju/pemilik

LANGKAH SETERUSNYA

KPI Mengemukakan Laporan Pengemaskinian Data Tanah Persekutuan adalah merupakan KPI fokus YB Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar bagi JKPTG. Menyedari bahawa fungsi JKPTG adalah berkaitan dengan pengurusan tanah-tanah Persekutuan di seluruh negara, YB Menteri telah mengesyorkan agar satu laporan yang merangkumi data-data tanah Persekutuan dikemukakan kepada beliau secara berkala. Maklumat-maklumat yang disalurkan akan digunakan untuk membantu perancangan Kerajaan Persekutuan dalam menyampaikan perkhidmatan berkesan demi kesejahteraan rakyat.

Kelewatan urusan Pindahmilik Tanah (PMT) diberi perhatian berat oleh Kerajaan kerana ia telah menjejaskan kedudukan daya saing negara di peringkat global dari segi kemudahan menjalankan perniagaan. Bagi menjayakan PMT dalam masa 1 hari, Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) dengan kerjasama Jabatan Ketua Pengarah Tanah

dan Galian Persekutuan (JKPTG) telah memperkenalkan kepada pejabat tanah negeri kaedah *One Piece Flow* (OPF) bagi menggantikan kaedah proses secara berkumpulan yang sedang diamalkan di pejabat-pejabat tanah negeri. Kesannya, PMT dalam masa 1 hari telah berjaya mengurangkan tempoh masa pendaftaran pindah milik tanah daripada 144 hari pada tahun 2009 kepada tidak melebihi 60 hari pada tahun 2011 mengikut laporan bank dunia. Kejayaan ini telah meningkatkan kedudukan pendaftaran hartanah negara dari kedudukan ke 86 pada tahun 2010 kepada kedudukan 60 pada tahun 2011 dan 2012. Seterusnya kejayaan ini telah menyumbang kepada peningkatan kedudukan negara dari segi kemudahan menjalankan perniagaan iaitu dari kedudukan 23 pada tahun 2010 kepada kedudukan 21 pada tahun 2011 dan 18 pada tahun 2012.

TUAN IR. HAJI AHMAD JAMALLUDDIN SHAABAN

KETUA PENGARAH INSTITUT PENYELIDIKAN HIDRAULIK KEBANGSAAN MALAYSIA (NAHRIM)

HIGHLIGHTS 2011

PENCAPAIAN 2011

100%

- 1 Sistem Penuaian Air Hujan di Rumah Panjang Bair, Betong, Sarawak

SASARAN

Alternatif Air Bersih untuk Kegunaan Harian bagi Jangkamasa

18-21 HARI

PENCAPAIAN

Bekalan Air Bersih Dapat Digunakan Selama

25-28 HARI

- 2 Penyediaan Peta Inundasi Kesan Kenaikan Aras Laut

SASARAN

4 LOKASI

(Terengganu, Kota Kinabalu, Kuching & Kuala Kedah)

PENCAPAIAN

4 LOKASI

(Terengganu, Kota Kinabalu, Kuching & Kuala Kedah)

- 3 Pemindahan Hasil Penyelidikan Melalui Penerbitan

SASARAN

30 Penerbitan

PENCAPAIAN

83 Penerbitan



HIGHLIGHTS 2012

- 1 Pengujian Produk Inovasi Hidraulik di Tapak yang Dikenalpasti

SASARAN

3 PRODUK (SMADRAT, H-Block, Tropical Rainforest Cloud Juice)

- 2 Kajian Sambungan Bekalan Air Rumah Panjang Bair Sarawak

SASARAN

SPAH yang Dapat Menampung **30 HARI** Air Hujan



TUAN IR. HJ. AHMAD JAMALUDDIN SHAABAN
Ketua Pengarah Institut Penyelidikan Hidraulik
Kebangsaan Malaysia (NAHRIM)

7 Pencapaian
95% dan
ke atas

0 Pencapaian
85% hingga
94.9%

0 Pencapaian
84.9% dan
ke bawah

7 KPI

0 KPI

0 KPI


KPI 2012

KRA / KPI	Pencapaian 2011	Pencapaian Setengah Tahun 2012			Sasaran 2012	Sasaran Outcome	Catatan
		Sasaran	Pencapaian	Status			
KPI FOKUS							
1. Climate Change Model (Kajian)							
1.1 Model Sabah dan Sarawak	KPI Baru	50%	80%		1 model	1 model Unjuran Perubahan Iklim digunakan oleh semua pihak yang terlibat dalam merancang pembangunan negeri jangka panjang	
KPI AGENSI SECARA SPESIFIK							
1. Kajian Sambungan Bekalan Air Rumah Panjang Bair, Sarawak							
1.1 Kapasiti bekalan air hujan 30 hari kepada penduduk	KPI Baru	60%	70%		SPAH yang dapat menampung 30 hari bekalan air hujan	Mengurangkan kebergantungan penduduk pedalaman terhadap sistem bekalan air awam	
2. Penyelidikan Penilaian Impak Perubahan Iklim Terhadap Sumber Air							
2.1 Penyediaan Peta Inundasi Kesan Kenaikan Aras Laut	4 Lokasi (Terengganu, Kota Kinabalu, Kuching & Kuala Kedah)	50%	55%		2 Lokasi (Kelang, Selangor & Batu Pahat, Johor)	Peta boleh digunakan semua pihak dalam merancang, melulus dan melaksanakan perancangan pembangunan di kawasan kajian sehingga tahun 2100	Penyelidikan bergantung kepada peruntukan kewangan yang diterima
2.2 Penyelidikan berkaitan susupan tebing untuk bekalan air bersih (Bank Infiltration)	KPI Baru	50%	60%		1 Lokasi (Kg. Sungai Serai, Hulu Langat, Selangor)	Mengurangkan kos pembinaan infrastruktur baru bekalan air oleh operator air	Penyelidikan bergantung kepada peruntukan kewangan yang diterima
3. Penyelidikan & Pengujian Produk Inovasi							
3.1 Pengujian Produk Inovasi Hidraulik di tapak yang dikenalpasti	4 produk selesai ujian makmal (H-Block, SMADRAT, Nsoft & WQI)	50%	60%		3 Produk (SMADRAT, H-Block, Tropical Rainforest Cloud Juice)	Produk inovasi yang selamat, murah dan menepati ciri-ciri keperluan tempatan	
4. Pemindahan Hasil Penyelidikan Melalui Penerbitan							
4.1 Bilangan penerbitan teknikal dan bukan teknikal	83 penerbitan	15 penerbitan	20 penerbitan		50 penerbitan	Bahan penerbitan dijadikan rujukan penyelidikan	
5. Maklumbalas Pertanyaan Berkaitan R&D Air dan Persekitaran							
5.1 Maklumbalas awal pertanyaan berkaitan R&D air dan persekitaran dalam tempoh 3 hari bekerja	100% (23 pertanyaan)	98%	100%		98%	Meningkatkan kepuasan pelanggan terhadap jabatan	

PENCAPAIAN 2011

Penilaian Impak Kenaikan Aras Laut Susulan Perubahan Iklim

Penyelidikan penilaian impak kenaikan aras laut susulan perubahan iklim terhadap sumber air merupakan penyelidikan dan penyediaan inundasi yang menunjukkan kesan kenaikan aras laut. Bagi penyelidikan peta inundasi fasa pertama penyelidikan merangkumi 4 lokasi iaitu di Terengganu, Kota Kinabalu, Kuching dan Kuala Kedah sudah siap dijalankan. Peta Inundasi boleh digunakan semua pihak dalam merancang, melulus dan melaksana perancangan pembangunan di kawasan kajian sehingga tahun 2100. Melalui penyelidikan ini, ia mampu mengurangkan kos pembinaan infrastruktur baru bekalan air oleh operator air.



Peta Inundasi bagi Kuala Kedah, Kedah

Pemindahan Hasil Penyelidikan Melalui Penerbitan

Bagi tahun 2011, sebanyak 83 penerbitan telah dihasilkan oleh para penyelidik NAHRIM. Penerbitan NAHRIM merangkumi jurnal "*Malaysia Water Research Journal*" yang pertama telah berjaya diterbitkan. Penerbitan prosiding seminar berasaskan kepada bilangan seminar yang dianjurkan. Droplet, risalah dan brosur juga diusahakan sebagai promosi jabatan. Penyelidik NAHRIM juga aktif dalam menyumbang penulisan dalam jurnal-jurnal antarabangsa yang lain.

Maklumbalas Pertanyaan Berkaitan R&D Air dan Persekitaran

Sebagai sebuah pusat kajian air yang menasarkankan visi menjadi pusat rujukan sumber air yang unggul menjelang 2030, NAHRIM menetapkan memberi maklumbalas awal pertanyaan berkaitan air dan persekitaran dalam tempoh 3 hari bekerja. Sepanjang 2011, NAHRIM menerima 23 pertanyaan dan berjaya mencapai 100% sasaran dengan menjawab dan memberi maklumbalas dalam tempoh 3 hari sebagaimana disasarkan.

Penyelidikan dan Pengujian Produk Inovasi Hidraulik Sungai

Dua produk inovasi yang selamat, murah dan menepati ciri-ciri keperluan tempatan dikenalpasti dalam produk inovasi ini dan satu perisian telah dibangunkan dalam penyelidikan ini. SMADRAT merupakan perangkap sampah yang telah diuji keberkesannya di tapak kajian. NAHRIM dalam proses pendaftaran hakcipta untuk SMADRAT dan akan dikomersialkan sebagai produk inovasi NAHRIM. H-Block merupakan projek penstabilan tebing sungai. Produk telah difailkan untuk rekabentuk industri. 'NSoft' ialah akronim bagi 'Nahrim Software' yang telah dibangunkan khusus untuk kegunaan hidraulik dan hidrologi. Di dalam perisian ini, terdapat empat projek yang boleh dilaksanakan iaitu rekabentuk saluran, rekabentuk jambatan, anggaran hujan dan pengiraan kadar alir.



Pemasangan produk inovasi SMADRAT di lapangan



Majlis perasmian Sistem Penuaian Air Hujan (SPAH) di Bair, Sarawak pada 2 April 2011

LANGKAH SETERUSNYA

NAHRIM menasarkankan menjadi pusat penyelidikan yang unggul dalam bidang kualiti air dan persekitarannya menjelang 2030. Ke arah itu NAHRIM giat menjalankan usaha-usaha membina kepakaran dan peningkatan modal insan melalui program-program kerjasama dengan pihak luar sama ada IPTA/IPTS mahupun dengan syarikat-syarikat teknokrat yang ada di Malaysia. Hubungan dan jaringan antarabangsa juga diperkembangkan melalui perkongsian kepakaran dan maklumat dengan negara luar seperti China dan Korea juga sedang giat diusahakan. Terdapat penerusan projek-projek penyelidikan 2011 yang diteruskan pada 2012 seperti penyediaan peta inundasi diperluaskan ke Kelang, Selangor dan Batu Pahat Johor. Sistem Penuaian Air Hujan (SPAH) juga dikembangkan penyelidikan dari kemampuan simpanan air untuk bekalan selama 18 hingga 21 hari kepada kapasiti yang lebih besar menjangkau 30 hari. Penyelidikan Penilaian Impak Perubahan Iklim Terhadap Sumber Air juga dikembangkan dengan penyelidikan berkaitan susupan tebing untuk bekalan air bersih yang dijalankan di Kg. Sungai Serai, Hulu Langat, Selangor.

YBRS. DR. SUKARNO BIN WAGIMAN

KETUA PENGARAH JABATAN TAMAN LAUT MALAYSIA (JTLM)

HIGHLIGHTS 2011

PENCAPAIAN 2011

100%

- 1 Bilangan Program Meningkatkan Taraf Hidup Komuniti Setempat (*Community Alternative Livelihood*)

SASARAN

2 Program

PENCAPAIAN

3 Program



- 2 Bilangan Program Pendidikan dan Kesedaran Awam

SASARAN

30 Aktiviti

PENCAPAIAN

83 Aktiviti

HIGHLIGHTS 2012

- 1 Mengurangkan Pencerobohan ke Kawasan Terumbu Karang dengan Meningkatkan Penguatkuasaan dan Kawalseliaan

SASARAN

1,350
Aktiviti Rondaan



- 2 Bilangan Program Meningkatkan Taraf Hidup Komuniti Setempat (*Community Alternative Livelihood*)

SASARAN

8 Aktiviti







- 3 Bilangan Program Pendidikan dan Kesedaran Awam

SASARAN

50 Aktiviti



KPI 2012

KRA / KPI	Pencapaian 2011	Pencapaian Setengah Tahun 2012			Sasaran 2012	Sasaran Outcome	Catatan
		Sasaran	Pencapaian	Status			
KPI FOKUS							
1. Meningkatkan Pengawasan Terumbu Karang							
1.1 Mengurangkan pencerobohan ke kawasan terumbu karang dengan meningkatkan penguatkuasaan dan kawalseliaan	305 aktiviti	680 aktiviti	843 aktiviti		1350 aktiviti	Pengurangan ketidakpatuhan perundangan / pencerobohan Taman Laut	
KPI AGENSI SECARA SPESIFIK							
1. Pelaksanaan Pemuliharaan & Penggunaan Lestari Biodiversiti Marin di Taman Laut Malaysia							
1.1 Peningkatan litupan terumbu karang	Tiada peningkatan dari tahun 2010	Pelaksanaan <i>survey</i>	Survei telah dimulakan di Pulau Payar 22.02.12 untuk 3 stesen. untuk Pulau Payar: purata ' <i>hard coral</i> ' adalah 40%.		Analisis Data (Peningkatan 1%)	Peningkatan litupan terumbu karang sebanyak 1% (berdasarkan pelbagai usaha pemuliharaan oleh Jabatan)	Litupan tahun 2010: 38% Litupan tahun 2011: 38% Sebab: berlaku kelunturan karang dalam tahun 2010 dan memerlukan masa yang panjang untuk <i>recovery</i>
1.2 Bilangan aktiviti bagi program meningkatkan taraf hidup Komuniti setempat (<i>alternative livelihood</i>)	15 aktiviti	2 aktiviti	Sebanyak 7 aktiviti telah dilaksanakan		8 aktiviti	Peningkatan taraf hidup penduduk tempatan dari segi: a) Bilangan yang mendapat kerja b) Peningkatan pendapatan c) Peningkatan prestasi kerja	
1.3 Bilangan anak penyu dilepaskan ke laut	KPI Baru	3000	Bil. Anak Penyu yang telah menetas adalah sebanyak 5,699 ekor		9,000 ekor	Peningkatan kadar kemandirian penyu.	
2. Meningkatkan Kesedaran Awam							
2.1 Bilangan program pendidikan/ kesedaran awam	50 aktiviti	30 aktiviti	32 aktiviti		50 aktiviti	Peningkatan Tahap Kesedaran Awam	
3. Meningkatkan Amalan Mesra Alam '<i>Green Practices</i>'							
3.1 Bilangan boya penambat milik Jabatan di perairan Taman Laut	KPI Baru	Pelaksanaan pemasangan boya	Dalam proses pembekalan. dijangka selesai dalam bulan Ogos 2012		30 biji boya	Peningkatan kerjasama dengan pihak berkepentingan	

PENCAPAIAN 2011

Pelaksanaan Pemuliharaan & Penggunaan Lestari Biodiversiti Marin di Taman Laut Malaysia

Kejayaan pemuliharaan dan pengurusan biodiversiti marin juga bergantung kepada penyertaan komuniti (*community participation*) serta pihak berkepentingan *stakeholders*. Model pengurusan taman laut yang berjaya di dunia banyak memberi penekanan kepada aspek penglibatan komuniti. Selain itu, kelestarian pemuliharaan sumber marin serta sokongan terhadap inisiatif penjagaan taman laut akan dapat dicapai apabila kesejahteraan komuniti dan sosioekonomi mereka dapat dipertingkatkan. Bagi mencapai tujuan tersebut, JTLM telah mengadakan beberapa pendekatan terbaik dalam memperkasakan penduduk tempatan iaitu melalui tiga (3) program peningkatan taraf hidup komuniti setempat *alternative livelihood* di pulau-pulau taman laut yang berpenduduk. Antara program yang diadakan ialah (i) Penubuhan Koperasi, (ii) Pembangunan Kapasiti Penduduk Tempatan dan (iii) Penyediaan Kemudahan Ekopelancongan



Program Transformasi Masyarakat melalui kemahiran dengan kerjasama Jabatan Pembangunan Kemahiran di Taman Laut Pulau Tioman, Pahang



Program pembersihan pantai dan dasar laut

Meningkatkan Tahap Kesedaran Awam Mengenai Ancaman serta Usaha-usaha Pemuliharaan Ekosistem dan Biodiversiti Marin

Untuk memastikan keberkesanan pengurusan dan pemuliharaan biodiversiti marin secara menyeluruh, usaha untuk meningkatkan pendidikan dan kesedaran awam terus dipertingkatkan dan disebarluaskan. Pada tahun 2011, JTLM telah berjaya melaksanakan sejumlah 83 aktiviti pendidikan dan kesedaran awam di seluruh Malaysia berbanding sasaran KPI yang ditetapkan sebanyak 30 aktiviti. Aktiviti-aktiviti ini dijalankan menerusi Program Kesedaran Awam, Program Bersama Komuniti, Program Taman Laut Bersama Media dan Program Tanggungjawab Sosial Korporat.

LANGKAH SETERUSNYA

Pencapaian 2011 dalam merealisasikan sasaran KPI yang telah ditetapkan turut membuka kepada ruang-ruang penambahbaikan kepada JTLM dalam menggalas tanggungjawab memulihara dan menguruskan sumber marin di Taman Laut. Melangkah ke hadapan, terdapat keperluan dalam meningkatkan pengawasan terumbu karang melalui pengurangan pencerobohan dan penguatkuasaan serta kawalseliaan. Keberhasilan ini akan dapat dicapai dengan mempergiatkan aktiviti rondaan termasuk semasa musim tengkujuh dengan meletakkan sasaran yang tinggi iaitu peningkatan 300% berbanding tahun sebelumnya.



Bot peronda laju JTLM - PTL 3

Selain itu, program peningkatan taraf hidup komuniti setempat *alternative livelihood* akan diteruskan dengan adanya sumber kewangan yang diterima oleh JTLM menerusi Peruntukan Pembangunan. Komitmen JTLM terhadap keberterusan program ini adalah agar pemeraksanaan sosio-ekonomi komuniti tempatan serta sokongan dan penglibatan mereka dalam pemuliharaan Taman Laut dapat dikekalkan. Ini adalah sejajar dengan hasrat Negara dan agenda transformasi kerajaan dalam meningkatkan taraf kehidupan isi rumah berpendapatan rendah.

ENCIK LETCHUMANAN RAMATHA

KETUA PENGARAH JABATAN BIOKESELAMATAN (JBK)

PENCAPAIAN 2011

100%

HIGHLIGHTS 2011

- 1 Pendaftaran *Institutional Biosafety Committee* (IBC) Baru

SASARAN

10 IBC

PENCAPAIAN

20 IBC




- 2 Penyediaan *User's Guide* untuk Akta dan Peraturan Biokeselamatan

SASARAN

User's Guide Diterbitkan

PENCAPAIAN

User's Guide Diterbitkan



- 3 Aktiviti Pembinaan Kapasiti Mengenai Biokeselamatan

SASARAN

8 Aktiviti

PENCAPAIAN

16 Aktiviti



HIGHLIGHTS 2012

- 1 Membangunkan Dokumen *Standard Operating Procedures* (SOP) Biokeselamatan

SASARAN

Dokumen **SOP** Disiapkan

- 2 Penyediaan Garis Panduan Penilaian Risiko Alam Sekitar *Genetically Modified (GM) Plants*

SASARAN

Garis Panduan Diterbitkan

ENCIK LETCHUMANAN RAMATHA
Ketua Pengarah Jabatan Biokeselamatan (JBK)

KPI 2012

10 Pencapaian
95% dan
ke atas

10 KPI

0 Pencapaian
85% hingga
94.9%

0 KPI

0 Pencapaian
84.9% dan
ke bawah

0 KPI

KRA / KPI	Pencapaian 2011	Pencapaian Setengah Tahun 2012			Sasaran 2012	Sasaran Outcome	Catatan
		Sasaran	Pencapaian	Status			
KPI FOKUS							
1. Pembangunan Standard Operating Procedures (SOP)							
1.1 Menyediakan dokumen SOP yang lengkap	KPI Baru	SOP disatukan	Semua SOP telah disatukan		Dokumen SOP diterbitkan	Operasi Jabatan menjadi lebih cekap dan seragam	Proses semakan sedang berjalan
KPI AGENSI SECARA SPESIFIK							
1. Pelaksanaan Program Kesedaran Awam Mengenai Biokeselamatan							
1.1 Kajian tentang tahap kesedaran mengenai biokeselamatan	KPI Baru	Kajian selesai	Kajian telah selesai		Hasil kajian diterbitkan	Baseline data untuk tahap kesedaran terjana	Proses penyediaan laporan
2. Pelaksanaan Akta Biokeselamatan							
2.1 Mesyuarat Lembaga Biokeselamatan Kebangsaan (LBK)	2 kali bersidang	1	Telah bersidang 2 kali		2	Pelaksanaan undang-undang yang efektif dan keyakinan pihak berkepentingan meningkat	Masih berjalan
2.2 Mesyuarat Jawatankuasa Penasihat Pengubahsuaian Genetik (GMAC)	8 kali bersidang	3	Telah bersidang 6 kali		6		Masih berjalan
2.3 Bilangan aktiviti penguatkuasaan dan pemantauan	KPI Baru	2	2 aktiviti telah diadakan		4		Masih berjalan
2.4 Pendaftaran Institutional Biosafety Committee (IBC) baru	20 IBC didaftarkan	3	4 IBC didaftarkan		5		Masih berjalan
3. Pembinaan Kapasiti Biokeselamatan							
3.1 Bilangan latihan/bengkel berkaitan biokeselamatan	100% (16 aktiviti)	50%	75% (6 bengkel telah diadakan)		8 aktiviti	Peningkatan bilangan pegawai terlatih dalam bidang biokeselamatan	Masih berjalan
4. Penyediaan Garis Panduan Biokeselamatan							
4.1 Menyediakan Garis Panduan Penilaian Risiko Alam Sekitar GM Plants	KPI Baru	Draf garis panduan disemak	Draf telah disemak oleh panel dilantik		Garis panduan diterbitkan	Pemahaman orang ramai tentang Akta menjadi lebih mudah	Semakan akhir oleh Jabatan
4.2 Menyediakan Garis Panduan Penilaian Risiko GM Microorganism	KPI Baru	Draf garis panduan disemak	Draf telah disemak oleh panel dilantik		Garis panduan diterbitkan		Semakan akhir oleh Jabatan
4.3 Menyediakan Garis Panduan Confined Field Trial of GM Plants	KPI Baru	Draf garis panduan disemak	Draf telah disemak oleh panel dilantik		Garis panduan diterbitkan		Semakan akhir oleh Jabatan

PENCAPAIAN 2011

Pelaksanaan Akta Biokeselamatan 2007

Akta Biokeselamatan akan terus menyokong agenda negara yang termaktub dalam Dasar Kepelbagaian Biologi Kebangsaan (1998) dan juga Dasar Bioteknologi Kebangsaan (2005) khususnya dalam memastikan pembangunan bidang bioteknologi moden tidak memudaratkan kepelbagaian biologi negara. Sepanjang tahun 2011, Lembaga Biokeselamatan Kebangsaan (LBK) telah bermesyuarat sebanyak dua kali dalam mempertimbangkan satu permohonan kelulusan pelepasan organisma diubahsuaikan yang hidup (LMO) dan 2 pemberitahuan aktiviti kegunaan terkawal LMO. Jawatankuasa Penasihat Pengubahsuaian Genetik (GMAC) yang menasihati LBK dari segi teknikal telah bermesyuarat sebanyak lapan (8) kali dalam tahun yang sama. Dalam melaksanakan Akta ini, pendekatan *self guided regulatory mechanism* turut diguna pakai di mana setiap institusi yang menjalankan aktiviti penyelidikan dan pembangunan melibatkan LMO diwajibkan menubuhkan *Institutional Biosafety Committee* (IBC). Dalam tahun 2011, sebanyak 20 institusi penyelidikan telah menubuhkan IBC jika dibandingkan 10 yang disasarkan. Bagi memperkukuhkan aspek penguatkuasaan pula, LBK telah melantik Pegawai Penguatkuasa selaras dengan subseksyen 38(c) Akta.

Pembinaan Kapasiti Biokeselamatan

Latihan serta bengkel perlu disediakan untuk para saintis dan penyelidik tempatan bagi meningkatkan kapasiti mereka terutamanya dalam aspek penilaian dan pengurusan risiko LMO. Di samping itu, peningkatan kapasiti berkaitan bidang biokeselamatan perlu dibuat secara berterusan agar seiring dengan pembangunan bioteknologi moden. Selaras dengan matlamat tersebut, Jabatan Biokeselamatan telah mengadakan sebanyak 16 latihan/bengkel berkaitan biokeselamatan pada tahun 2011 berbanding lapan (8) yang disasarkan.

Penyediaan Dokumen-dokumen Biokeselamatan

Bagi memudahkan kefahaman orang ramai tentang keperluan Akta dan Peraturan



Mesyuarat Lembaga Biokeselamatan Kebangsaan



Sampel bijiran untuk ujian penyaringan LMO

Biokeselamatan, garis panduan yang jelas perlu disediakan. Perkara ini menjadi fokus utama Jabatan sepanjang tahun 2011 dan hasilnya *User's Guide to the Biosafety Act and Regulations* berjaya diterbitkan. Di samping itu, Jabatan juga berjaya menghasilkan video pendidikan mengenai biokeselamatan yang boleh menjadi sumber rujukan penting dan mudah terutamanya dalam memperkenalkan subjek ini kepada murid-murid di peringkat sekolah rendah dan menengah.



Aktiviti persampelan di pelabuhan

LANGKAH SETERUSNYA

Di samping memproses permohonan kelulusan dan pemberitahuan untuk pertimbangan LBK dan GMAC, tumpuan akan terus diberikan terhadap usaha-usaha untuk membina kapasiti serta meningkatkan kesedaran berkaitan biokeselamatan. Ini termasuklah mengadakan bengkel dan *road show* di universiti-universiti dan institusi penyelidikan serta seminar kesedaran dan penerbitan pelbagai bentuk bahan bacaan dan rujukan tentang biokeselamatan. Dalam melaksanakan aktiviti penguatkuasaan dan pemantauan pula, usaha bersepadu dan perancangan rapi melibatkan agensi-agensi penguatkuasaan lain yang berkaitan akan dirangka.

YBHG. DATO' HAJI MOHD SHAFIE BIN ARIFIN

PENGARAH INSTITUT TANAH DAN UKUR NEGARA (INSTUN)

HIGHLIGHTS 2011

PENCAPAIAN 2011

100%

- 1 Peratus Pelaksanaan Kursus Berdasarkan kepada Buku Program Latihan Tahunan INSTUN

SASARAN

90% daripada 138
Kursus yang Dirancang

PENCAPAIAN

101% - 139
Kursus berjaya dilaksanakan



- 2 Purata Skor Markah Penilaian Tenaga Pengajar

SASARAN

80%

PENCAPAIAN

85.2%



HIGHLIGHTS 2012

- 1 Bilangan Kursus Pemantapan Integriti kepada Semua Pegawai yang Terlibat dalam Pengurusan Tanah di Kementerian, Negeri dan Daerah

SASARAN

8
Kursus



- 2 Pelaksanaan Kursus Berdasarkan kepada Buku Program Latihan Tahunan INSTUN

SASARAN

100% daripada 142
Kursus yang Dirancang



- 3 Peratus Skor Markah Kajian Impak Peserta Kursus

SASARAN

80%

YBGH. DATO' HAJI MOHD SHAFIE BIN ARIFIN
Pengarah Institut Tanah dan Ukur Negara (INSTUN)

6 Pencapaian
95% dan
ke atas

1 Pencapaian
85% hingga
94.9%

0 Pencapaian
84.9% dan
ke bawah

6 KPI

1 KPI

0 KPI

KPI 2012

KRA / KPI	Pencapaian 2011	Pencapaian Setengah Tahun 2012			Sasaran 2012	Sasaran Outcome	Catatan
		Sasaran	Pencapaian	Status			
KPI FOKUS							
1. Pemantapan Integriti							
1.1 Bilangan Kursus Pemantapan Integriti kepada semua pegawai yang terlibat dalam pengurusan tanah di Kementerian, Negeri dan Daerah	8	4	4		8	Meningkatkan integriti peserta kursus	<ul style="list-style-type: none"> Program ini dirancang untuk peserta kursus yang mengikuti kursus di INSTUN pada tarikh program dijalankan Jemputan turut dipanjangkan kepada agensi luar di sekitar INSTUN
KPI AGENSI SECARA SPESIFIK							
1. Meningkatkan Kompetensi Modal Insan dalam Bidang Tanah, Ukur dan Pemetaan serta Teknologi Maklumat Melalui Program Latihan							
1.1 Pelaksanaan kursus berdasarkan kepada Buku Program Latihan Tahunan INSTUN	101% (139 daripada 138 kursus yang disasarkan)	91 kursus	84 kursus		142 kursus	Meningkatkan Kompetensi Modal Insan	<ul style="list-style-type: none"> 7 kursus ditangguh kerana: <ol style="list-style-type: none"> Bertindih dengan Hari Pertabalan SPB Yang di-Pertuan Agong Permintaan <i>Stakeholder</i> (JKPTG)
2. Program Latihan yang Komprehensif, Sistematis dan Berkualiti							
2.1 Peratus kajian semula terhadap kandungan modul/kurikulum program latihan	29%	Bengkel Kajian Semula Modul/ Kurikulum	Bengkel Kajian Semula Modul/ Kurikulum telah dijalankan pada 26-28 April 2012		95%	Peningkatan pengetahuan dan produktiviti	<ul style="list-style-type: none"> Input melalui perbincangan bersama <i>stakeholders</i>, maklum balas pelanggan dan Analisis Keperluan latihan Pencapaian ini untuk dimasukkan dalam Program Latihan Tahun 2013
2.2 Purata skor markah penilaian tenaga pengajar	85.2%	85%	87.8%		85%	Peningkatan pengetahuan dan produktiviti tenaga pengajar	<ul style="list-style-type: none"> Skor markah tenaga pengajar dalaman sahaja
2.3 Peratus purata skor markah ujian /peperiksaan peserta kursus pada hari terakhir kursus	70%	75%	75%		75%	Peningkatan pengetahuan dan produktiviti	<ul style="list-style-type: none"> Berbentuk ujian kefahaman / penilaian latihan / tugas berkumpulan
2.4 Peratus skor markah Kajian Impak peserta kursus	80%	Penyediaan maklumat responden kajian	Penyediaan maklumat responden kajian		80%	Peningkatan pengetahuan dan produktiviti	<ul style="list-style-type: none"> Kajian Impak Zon Selatan (Negeri Sembilan/ Melaka/ Johor) pada Ogos 2012 Kajian Impak Zon Pantai Timur (Pahang/ Terengganu/ Kelantan) pada November 2012
3. Penyediaan Bahan Rujukan untuk Masyarakat Umum							
3.1 Bahan rujukan untuk masyarakat umum	KPI Baru	10	10		25	Peningkatan pengetahuan dan produktiviti	<ul style="list-style-type: none"> Bahan rujukan berbentuk penerbitan artikel, rujukan dan bahan percetakan lain

PENCAPAIAN 2011

Pelaksanaan Kursus Berdasarkan kepada Buku Program Latihan Tahunan INSTUN

Institut Tanah dan Ukur Negara (INSTUN) bertanggungjawab dalam membangunkan modal insan yang unggul dalam pentadbiran tanah, ukur dan pemetaan khasnya dan masyarakat sekitar amnya. Bagi mencapai tujuan ini, INSTUN merancang dan melaksanakan program latihan yang komprehensif dalam bidang pentadbiran tanah, ukur dan pemetaan serta teknologi maklumat.

Pada tahun 2011, sebanyak 139 kursus telah dilaksanakan daripada 138 kursus yang dirancang. Kursus-kursus yang dilaksanakan ini telah memantapkan serta meningkatkan pengetahuan, kemahiran dan sahsiah diri kepada 4,575 peserta yang hadir.

Penilaian yang dijalankan INSTUN kepada peserta-peserta juga mendapati tahap kefahaman peserta meningkat dengan purata skor markah ujian dan peperiksaan di akhir kursus sebanyak 70%. *Outcome* bagi latihan juga memuaskan apabila pihak Jabatan/Agensi peserta menilai tahap impak perubahan peserta selepas menghadiri kursus sebanyak 80%.



Latihan praktikal dijalankan di luar bagi mengaplikasikan peralatan serta menggunakan teknik pengukuran yang betul.



Latihan kem pertahanan diri juga dijalankan bagi melatih peserta kursus dengan aktiviti lasak oleh jurulatih pakar yang dilantik.

Purata Skor Markah Penilaian Tenaga Pengajar

Keberkesanan proses pembelajaran banyak dipengaruhi oleh kebolehan dan kecekapan tenaga pengajar dalam teknik penyampaiannya serta pengalaman tenaga pengajar sendiri. INSTUN komited dalam memastikan setiap tenaga pengajar mampu menyampaikan segala pengetahuan, informasi terkini serta maklumat bermanfaat yang berkaitan dalam kadar maksimum.

Skor markah penilaian penceramah oleh peserta kursus yang ditetapkan bagi tahun 2011 adalah sebanyak 80%. Daripada sasaran ini, skor markah yang berjaya dicapai adalah sebanyak 85.2% meliputi seramai 212 orang tenaga pengajar.

Pelbagai latihan dan bimbingan telah diberi terutama kepada tenaga pengajar yang berpotensi bagi membantu meningkatkan kebolehannya dalam mempelbagaikan teknik pengajaran. Latihan yang diberi termasuk '*training for trainers*', program *mentoring*, dan kursus-kursus pemantapan sama ada di dalam atau di luar negara.



Bilik kuliah ICT INSTUN yang dilengkapi peralatan mengajar dengan teknologi terkini

LANGKAH SETERUSNYA

Peningkatan dalam pengetahuan dan kemahiran harus disokong dengan kualiti peribadi yang unggul. Modal insan yang jujur, amanah dan bertanggungjawab diperlukan bagi membentuk imej pentadbiran tanah, ukur dan pemetaan negara yang telus dan berintegriti tinggi.

Oleh itu, INSTUN merancang untuk membangunkan kursus-kursus integriti khas untuk anggota pentadbiran tanah, ukur dan pemetaan negara. Kursus akan memberi pendedahan dan kesedaran meliputi pelbagai aspek seperti kerohanian, perundangan dan motivasi bagi peningkatan sahsiah.

INSTUN juga akan melaksanakan kajian keberkesanan latihan (Impak) bagi kursus yang telah dijalankan untuk menilai perubahan dari segi kemahiran, kualiti kerja dan peribadi peserta. Peserta yang telah tamat berkursus akan dinilai semula setelah kembali bertugas di Jabatan/Agensi. Hasil daripada kajian akan digunakan untuk terus memantapkan kursus-kursus sedia ada dan membangunkan kursus-kursus baru sekiranya diperlukan.

KPI PENGURUSAN ATASAN BAGI BAHAGIAN



YBRS. DR. LIAN KOK FEI

SETIAUSAHA BAHAGIAN PENGURUSAN ALAM SEKITAR & PERUBAHAN IKLIM (BPASPI)

PENCAPAIAN 2011

100%

HIGHLIGHTS 2011

- 1 Pelaksanaan Pengurangan Pelepasan (*Emissions Reduction*) Gas Rumah Hijau (GHG) Sehingga 40% Berdasarkan Intensiti Karbon Menjelang Tahun 2020 Berbanding Tahun 2005

SASARAN

Mengurangkan pelepasan GHG Sebanyak **2 Juta** Tan

PENCAPAIAN

Mengurangkan pelepasan GHG Sebanyak **2 Juta** Tan

- 2 Membangunkan Indeks Prestasi Alam Sekitar Malaysia (EPI)

SASARAN

Menyediakan **1** Laporan Awal EPI Malaysia

PENCAPAIAN

1 Laporan Awal (Kemajuan) EPI Malaysia telah Disediakan

- 3 Pelaksanaan "*Climate Change Learning Programme*"

SASARAN

3 Sesi Diadakan

PENCAPAIAN

3 Sesi Diadakan



HIGHLIGHTS 2012

- 1 Syarikat-syarikat Swasta Tertentu Secara Sukarela Melaporkan Tahap Pelepasan Gas Rumah Kaca (GHG)

SASARAN

Draf Pertama Kertas Kajian

- 2 Pelaksanaan Strategi REDD+ Kebangsaan

SASARAN

- **Handbook** Mengenai REDD+ Diedarkan
- Penyediaan Laporan Akhir bagi *Baseline* Kebangsaan Mengenai REDD+
- Prosedur Kebangsaan Inventori Hutan Diedarkan



YBRS. DR. LIAN KOK FEI
Setiausaha Bahagian Pengurusan Alam Sekitar & Perubahan Iklim (BPASPI)

KPI 2012

9 Pencapaian 95% dan ke atas **0** Pencapaian 85% hingga 94.9% **0** Pencapaian 84.9% dan ke bawah
9 KPI **0 KPI** **0 KPI**

KRA / KPI	Pencapaian 2011	Pencapaian Setengah Tahun 2012			Sasaran 2012	Sasaran Outcome	Catatan
		Sasaran	Pencapaian	Status			
KPI FOKUS							
1. Carbon Disclosure Programme							
1.1 Syarikat-syarikat swasta tertentu secara sukarela melaporkan tahap pelepasan gas rumah kaca	KPI Baru	Menyenarai pendek dan melantik Juru perunding	Juru perunding telah dilantik (100%)		Draf Akhir	Malaysia bersedia untuk melaksanakan <i>National Carbon Disclosure Programme</i> (NCDP)	Langkah pertama NCDP akan melibatkan permohonan dana
KPI AGENSI SECARA SPESIFIK							
1. Masyarakat Karbon Rendah (Low Carbon Society)							
1.1 <i>Long Term Roadmap on the 40% Reduction in GHG intensity</i>	Laporan Interim telah disiapkan	Draf laporan akhir disediakan	Draf laporan akhir dalam proses untuk dimuktamadkan dan dijangka diterima dalam tempoh 2 minggu (95%)		100% (Laporan akhir disiapkan)	Hala tuju dan aktiviti bagi mencapai masyarakat karbon rendah dikenalpasti & boleh dilaksanakan	
1.2 Pelaksanaan pengurangan pelepasan (<i>emissions reduction</i>) gas rumah hijau (GHG) sehingga 40% berdasarkan intensiti karbon menjelang tahun 2020 berbanding tahun 2005	Pengurangan pelepasan GHG sebanyak 2 juta tan (pencapaian sebanyak 26 juta tan)	Mengurangkan pelepasan GHG sebanyak satu juta tan	1 juta tan CO ₂ e telah dikurangkan (100%)		Mengurangkan pelepasan GHG sebanyak 2 juta tan (pencapaian sebanyak 28 juta tan)	Pengurangan Intensiti Pelepasan GHG mengikut jadual	Pemantauan secara berkala termasuk kemaskini senarai syarikat-syarikat swasta dan GLC yang terlibat

YBRS. DR. LIAN KOK FEI
Setiausaha Bahagian Pengurusan Alam Sekitar & Perubahan Iklim (BPASPI)

KPI 2012

9

Pencapaian
95% dan ke
atas

0

Pencapaian
85% hingga
94.9%

0

Pencapaian
84.9% dan
ke bawah

9 KPI

0 KPI

0 KPI

KRA / KPI	Pencapaian 2011	Pencapaian Setengah Tahun 2012			Sasaran 2012	Sasaran Outcome	Catatan
		Sasaran	Pencapaian	Status			
2. Perubahan Iklim							
2.1 Pelaksanaan Strategi REDD+ Kebangsaan	Penyediaan Laporan Interim bagi <i>Baseline</i> Kebangsaan mengenai REDD+	Penyediaan <i>handbook</i> mengenai REDD+	Draf <i>handbook</i> telah disediakan dan sedang menunggu maklum balas YB Menteri sebelum dicetak (95%)	●	<i>Handbook</i> mengenai REDD+ disediakan	<i>Handbook</i> mengenai REDD+ disediakan	
		Pengumpulan data bagi <i>Baseline</i> mengenai REDD+ bagi Semenanjung Malaysia	Data yang diperlukan bagi Semenanjung Malaysia telah berjaya diperolehi (100%)	●	Penyediaan Laporan Akhir bagi <i>Baseline</i> Kebangsaan mengenai REDD+	<i>Baseline</i> untuk aktiviti REDD+ boleh digunakan untuk mengukur pengurangan pelepasan GHG untuk aktiviti REDD+	
		Penyediaan Draf Akhir Prosedur Kebangsaan Inventori Hutan	Draf Akhir telah disediakan dan dikemukakan kepada Sabah dan Sarawak (100%)	●	Prosedur Kebangsaan Inventori Hutan dapat digunakan di Sabah dan Sarawak	Prosedur Kebangsaan Inventori Hutan dapat digunakan di Sabah dan Sarawak	
3. Petunjuk Prestasi Alam Sekitar							
3.1 Memantau pembangunan Indeks Prestasi Alam Sekitar Malaysia (EPI)	EPI 2012 Malaysia <i>Progress Report 1</i> disiapkan	EPI 2012 Malaysia <i>Progress Report 2</i> disiapkan	EPI 2012 Malaysia <i>Progress Report 2</i> (laporan Interim) telah disiapkan (100%)	●	Laporan Akhir EPI Malaysia 2012 disiapkan	Malaysia mempunyai satu instrumen bagi mengukur prestasi alam sekitar negara dengan lebih menyeluruh	Memantau penyediaan supaya selari dengan sasaran akhir
4. Program Pendidikan / Kesedaran Alam Sekitar							
4.1 Pelaksanaan "Climate Change Learning Programme" (CCLP)	Tiga sesi telah diadakan	Dua sesi diadakan	Dua sesi CCLP telah diadakan (100%)	●	Tiga sesi diadakan	Kesedaran perubahan iklim warga NRE dipertingkatkan	
5. Pengurusan Dana GEF							
5.1 Mengenal pasti Projek-projek yang berfaedah kepada alam sekitar global	Dua sesi <i>Stakeholder Consultation</i> diadakan	Penyediaan satu draf <i>Project Identification Form</i> (PIF)	Dua draf PIF telah disediakan (100%)	●	Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu Kebangsaan GEF diadakan	Dana antarabangsa digunakan untuk melaksanakan projek alam sekitar untuk manfaat negara	

PENCAPAIAN 2011

Pelaksanaan Pengurangan Pelepasan (*Emissions Reduction*) Gas Rumah Hijau (GHG) Sehingga 40% Berdasarkan Intensiti Karbon Menjelang Tahun 2020 Berbanding Tahun 2005

YAB Perdana Menteri, semasa menghadiri COP15, UNFCCC di Copenhagen, Denmark telah mengumumkan kesanggupan Malaysia untuk menggunakan indikator nasional bagi mengukur kemajuan negara dalam program perubahan iklim. Beliau telah mengumumkan pengurangan pelepasan gas rumah hijau (GHG) secara sukarela berdasarkan intensiti karbon sehingga 40% menjelang tahun 2020 berbanding tahun 2005 sebagai sumbangan negara di peringkat global dalam menangani isu perubahan iklim. Bagi merealisasikan hasrat tersebut, NRE telah melaksanakan inisiatif pengurangan GHG secara sukarela daripada pelbagai sektor yang melibatkan pelbagai Kementerian, agensi Kerajaan, syarikat swasta dan GLC serta agensi-agensi lain yang berkaitan dengan menyasarkan jumlah pengurangan pelepasan GHG sebanyak 2 juta tan setiap tahun. Pada tahun 2011, sasaran tersebut telah dicapai seratus peratus (100%) dan diharapkan menjelang penghujung tahun 2012 pencapaian yang sama juga dapat dicapai ke arah pengurangan pelepasan GHG secara sukarela berdasarkan intensiti karbon sehingga 40% menjelang tahun 2020.

Membangunkan Indeks Prestasi Alam Sekitar Malaysia (EPI)

Indeks Prestasi Alam Sekitar Malaysia (EPI) telah dibangunkan oleh NRE dengan kerjasama Universiti Teknologi Malaysia (UTM) dan beberapa agensi kerajaan bermula pada Ogos 2011 – Disember 2012. Ia bertujuan untuk menyediakan pendekatan dalam mengukur sasaran prestasi alam sekitar secara sistem skor di antara 14 negeri di Malaysia. Pada tahun 2011, satu Laporan Awal (kemajuan) EPI Malaysia telah disediakan dan sehingga Jun 2012, Laporan Kemajuan (Interim) telah disiapkan manakala Laporan Akhir EPI Malaysia 2012 dijangka siap pada Disember 2012. Dengan pembangunan EPI Malaysia ini, Malaysia akan mempunyai satu instrumen bagi mengukur prestasi alam sekitar negara dengan lebih menyeluruh.



CCLP - Lawatan NRE ke Ladang Organik



CCLP - Lawatan NRE ke tapak pelupusan Bukit Tagar

Pelaksanaan “*Climate Change Learning Programme*”

Isu-isu perubahan iklim dan pemanasan global merupakan cabaran terbesar yang dihadapi oleh manusia sejagat pada masa sekarang. Menyedari kepentingan NRE sebagai *focal point* kepada isu tersebut, YBhg. Datuk KSU telah mengilhamkan *Climate Change Learning Program (CCLP)*. Objektif utama CCLP adalah untuk mendidik warga NRE dan Jabatan di bawahnya mengenai isu-isu semasa dan tanggungjawab warga NRE dalam sebuah organisasi, institusi kekeluargaan dan perseorangan dalam usaha menangani impak perubahan iklim. Sebanyak 3 sesi diadakan setiap tahun dengan pelbagai konsep seperti ceramah, lawatan, demonstrasi secara praktikal dan sebagainya. Pada tahun 2011, CCLP telah mencapai sasarannya dengan penganjuran tiga sesi yang melibatkan pelbagai peringkat kakitangan di NRE.



CCLP - Seminar sempena Hari Belia : *Youth Awareness on Climate Change*

LANGKAH SETERUSNYA

First Stakeholder Consultation Workshop telah diadakan di Hotel Pullman, Putrajaya bertujuan untuk memperkenalkan program *My Carbon*, termasuk kerangka dan spesifikasi cadangan program tersebut, kepada pihak berkepentingan yang berkaitan. Bengkel ini telah dihadiri seramai 69 peserta daripada 38 organisasi yang merangkumi agensi kerajaan, syarikat swasta dan badan bukan kerajaan (NGO). Draf laporan *Development of National Carbon Disclosure Programme* telah disediakan yang mengandungi maklum balas dan pandangan yang telah diberikan oleh peserta bengkel. Spesifikasi program *MyCarbon* akan dimuktamadkan di dalam *Second Stakeholder Consultation Workshop* akan datang. Sebuah laman web draf *My Carbon* juga telah dibangunkan di mana perkembangan program ini boleh dicapai dengan mudah.

Pada tahun 2011, satu Laporan Interim bagi *Baseline* Kebangsaan mengenai REDD+ telah disediakan, manakala pada tahun 2012, penerbitan mengenai REDD+ telah disiapkan. Penerbitan ini memberi penjelasan mengenai REDD+, bagaimana REDD+ akan dilaksanakan di Malaysia dan sistem yang perlu dibangunkan sebelum pelaksanaan REDD+. Prosedur Kebangsaan Inventori Hutan pula memberi panduan kepada tatacara pelaksanaan inventori di Malaysia. Reka bentuk untuk inventori telah diseragamkan. Kaedah yang dipilih adalah berdasarkan pengalaman pihak Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM) dan juga *cost effective*. Sementara itu, penyediaan *baseline* mengenai liputan hutan sedang dijalankan. Kawasan liputan hutan untuk Semenanjung Malaysia telah diverifikasi di lapangan sementara liputan hutan untuk Sabah sedang dijalankan. Penyediaan *baseline* mengenai liputan hutan akan menjadi asas dalam pembangunan Sistem Pemantauan Hutan Kebangsaan bagi tujuan REDD+.

YBRS. DR. AZIMUDDIN BIN BAHARI

SETIAUSAHA BAHAGIAN MINERAL DAN GEOSAINS (BMG)

HIGHLIGHTS 2011

PENCAPAIAN 2011

100%

- 1 Permit Eksport (AP) Mineral dan Semua Jenis Bahan Batuan

SASARAN

100% (3,500 AP)

PENCAPAIAN

108% (3,767 AP)



- 2 Pengurusan Geosains yang Bersepadu

SASARAN Laporan Hala Tuju dan *Terms of Reference* (TOR) Penggubalan Dasar Geosains Negara Disediakan

PENCAPAIAN Pengenalpastian Terhadap Objektif dan Teras-teras Dasar Geosains Negara (DGN) telah Selesai

- 3 Pengurusan *Task Force* Pasir Kebangsaan

SASARAN 1 *Task Force* Pasir Kebangsaan ditubuhkan

PENCAPAIAN

100%

HIGHLIGHTS 2012

- 1 Permit Eksport (AP) Mineral dan Semua Jenis Bahan Batuan

SASARAN

100%
(3,000 AP)

- 2 Pengurusan Geosains yang Bersepadu

SASARAN Satu Dasar Geosains Negara Berserta Pelan Strategik dan Pelan-pelan Tindakan bagi Memantapkan Hala Tuju Tugasan Geosaintis



KPI 2012

5 KPI

0 KPI

0 KPI

KRA / KPI	Pencapaian 2011	Pencapaian Setengah Tahun 2012			Sasaran 2012	Sasaran Outcome	Catatan
		Sasaran	Pencapaian	Status			
KPI FOKUS							
1. Permit Eksport (AP) Mineral dan Semua Jenis Bahan Batuan							
1.1 Menyelesaikan Permohonan Permit Eksport (AP) Mineral dan Semua Jenis Bahan Batuan dalam masa 1 hari bekerja selepas permohonan lengkap diterima	100% (3,767 AP)	100% (1,500 AP)	100% (2,128 AP)		100% (3,000)	Memudahkan urusan pelanggan dengan Kementerian/ jabatan kerajaan	
KPI AGENSI SECARA SPESIFIK							
1. Peningkatan Pelaburan Industri Mineral dan Kuari							
1.1 Kajian Peningkatan Pelaburan Secara Mampan Industri Mineral dan Kuari	1 dokumen disediakan (kajian <i>desktop</i>)	2 insentif baru	33%		6 insentif baru	Meningkatkan kuantiti bahan mentah untuk kegunaan industri melalui pelaburan timbal balik.	
2. Pengurusan Geosains yang Bersepadu							
2.1 Menggubal Dasar Geosains Negara	Laporan Hala Tuju dan <i>Terms of Reference</i> (TOR) Penggubalan Dasar Geosains Negara telah disediakan	50%	50%		100%	Memantapkan hala tuju tugas geosaintis supaya lebih fokus dan dapat menyokong pembangunan negara	
3. Pengurusan Pasir Secara Mampan							
3.1 Pengurusan <i>Task Force</i> Pasir Kebangsaan	1 <i>Task Force</i> Pasir Kebangsaan telah ditubuhkan	3 Mesyuarat <i>Task Force</i> Pasir Kebangsaan	33%		100%	Memastikan pelaksanaan penguatkuasaan pasir dijalankan secara bersepadu dan tiada pertindihan tugas antara agensi.	
4. Pelaksanaan Dasar Mineral Negara 2 dan Pelan-pelan Induk							
4.1 Penyediaan kertas pertimbangan Mesyuarat Majlis Tanah Negara (MTN)	100% (2 kertas)	100%	2 kertas disediakan		100%	Meningkatkan pengurusan secara mampan industri lombong dan kuari dan pemuliharaan alam sekitar	

PENCAPAIAN 2011

Permit Eksport (AP) Mineral dan Semua Jenis Bahan Batuan

Pada awalnya, permohonan permit eksport mineral dan bahan batuan dibuat secara manual dengan sasaran untuk menyelesaikan semua permohonan dalam tempoh masa 5 hari selepas permohonan lengkap diterima. Namun begitu, jumlah permohonan AP kian meningkat dari setahun ke setahun yang mendesak kepada keperluan pewujudan satu sistem untuk mengatasi sebarang kelewatan. Oleh itu, dalam usaha untuk memudahkan dan mempercepatkan urusan permohonan permit seperti memudahkan penyemakan status permohonan, proses janaan laporan dengan lebih cepat, meningkatkan jaminan kerahsiaan dan sekuriti data serta meningkatkan dan menambah baik sistem penyampaian dan kualiti perkhidmatan bagi kementerian ini, satu sistem aplikasi secara atas talian (*online*) iaitu eBMG Permit telah diperkenalkan mulai Februari 2011. Sistem ini pula telah dilancarkan pada Ogos 2011. Memandangkan Bahagian ini menawarkan perkhidmatan secara terus kepada pelanggan menerusi sistem eBMG Permit ini, ia telah dijadikan sebagai KPI Fokus Bahagian.

Berdasarkan rekod, purata permohonan AP permit yang lengkap kian meningkat setiap bulan dan setiap tahun. Bagi tahun 2011, purata anggaran atau sasaran jumlah permohonan yang lengkap adalah 292 AP sebulan, namun pencapaian sebenar adalah sebanyak 314 AP. Pada keseluruhan pencapaian tahun 2011 pula, peratus pencapaian adalah melebihi sasaran sebanyak 8%, di mana sasaran permohonan AP adalah sebanyak 3,500 AP, manakala pencapaian sebenar berjumlah 3,767 AP.

Pengurusan Geosains yang Bersepadu

Dasar Geosains Negara (DGN) telah disasarkan sebagai salah satu program di bawah RMK-10 setelah melihat kepada keperluan dan kepentingan bidang geosains dari aspek pembangunan fizikal negara kita. Secara amnya, geosains merupakan satu bidang yang meliputi dan merentasi lapisan bumi, lautan, dan atmosfera. Dasar ini berpotensi untuk menerajui eksplorasi dan pembangunan lestari sumber bumi seperti minyak, gas, batuan, air, tanah dan mineral; pengurusan kesejahteraan alam sekitar melalui pemuliharaan dan pemulihan ekosistem; pengurusan risiko geobencana seperti gempa bumi, tsunami, banjir, lubang benam, tanah runtuh, penyelidikan dan pembangunan geoteknologi sumber bumi termasuk sumber tenaga hijau seperti geoterma, solar, ombak dan angin.



Pasir silika yang sedia untuk dieksport ke luar negeri



Tapak pemrosesan pasir silika

Penggubalan DGN dilaksanakan menerusi beberapa peringkat dan medium perbincangan seperti sumbang saran (*brainstorm*), bengkel dan mesyuarat bagi menyediakan kertas kerja/kertas konsep, menetapkan hala tuju dan objektif, menetapkan teras-teras dasar dan menghasilkan satu draf akhir dasar. Kementerian mendapat kerjasama dari pelbagai pihak untuk menggubal DGN, antaranya ialah pensyarah dari beberapa buah institusi pengajian tinggi awam (IPTA) tempatan yang pakar dalam bidang-bidang tertentu berkaitan geosains serta khidmat kepakaran dari Jabatan Mineral dan Geosains Malaysia, Akademi Sains Malaysia, Direktorat Oseanografi Kebangsaan, serta lain-lain organisasi yang berkaitan.

Sasaran utama yang ditetapkan bagi penggubalan DGN ini ialah *outcome* KPInya, iaitu pencapaian dalam pengenalpastian terhadap lima (5) objektif dan enam (6) teras utama. Di akhir peringkat penggubalannya, satu draf DGN berserta dengan pelan-pelan strategik dan pelan-pelan tindakan akan terhasil. DGN akan dimuktamadkan sebelum akhir tahun 2012 bagi mencapai sasaran 100% pencapaian KPI kementerian.

LANGKAH SETERUSNYA

Aplikasi atas talian bagi memudahkan proses permohonan dan kelulusan permit berjalan dengan lancar. Sehingga Jun 2012, lebih daripada 50% daripada 399 syarikat yang berdaftar di bawah eBMG Permit aktif mengemukakan permohonan melalui sistem. Dari segi jumlah permohonan, sasaran sebanyak 50% iaitu 1500 permit dikeluarkan pada setengah tahun 2012 telah tercapai dan rekod menunjukkan sebanyak 2,128 permit eksport dikeluarkan sehingga Jun 2012, melebihi sasaran 1500 permit. Ini menunjukkan para pemohon memahami dan mengemukakan permit yang lengkap untuk mempercepatkan proses kelulusan dan pengeluaran permit.

Bagi KPI secara spesifik, Bahagian masih mengikuti sasaran yang ditetapkan. 4 KPI yang digariskan iaitu Peningkatan Pelaburan Industri Mineral dan Kuari, Pengurusan Geosains yang Bersepadu, Pengurusan Pasir Secara Mampan dan Pelaksanaan Dasar Mineral Negara 2 dan Pelan-Pelan Induk dijangka akan mencapai sasaran yang telah ditetapkan.



Sesi pembentangan perbincangan berkumpulan dalam seminar siri 3/2012: Mesyuarat Pemurnian Draft Kedua Dasar Geosains Negara di Avillion Legacy, Melaka pada 26 - 28 Julai 2012



Sesi pembentangan perbincangan berkumpulan dalam seminar siri 2/2012: Mesyuarat Pemurnian Draft Pertama Dasar Geosains Negara di Corus Paradise pada 17-19 Mei 2012

ENCIK AHMAD SHAFEI BIN JAMAL

SETIAUSAHA BAHAGIAN PEMBANGUNAN (BP)

HIGHLIGHTS 2011

PENCAPAIAN 2011

99%

- ① Peratusan Perbelanjaan Peruntukan Pembangunan Tahun 2011

SASARAN **≥95%** | PENCAPAIAN **99.76%**

- ② Laporan Lawatan Tapak Projek kepada ICU, JPM

SASARAN **48** Kali | PENCAPAIAN **74** Kali

- ③ Memastikan Maklumat Mengenai Status Kemajuan Projek Pembangunan dalam SPP II Mencapai 100% bagi Maklumat Aktiviti dan Am

SASARAN
Maklumat Am – **100%**
Maklumat Aktiviti – **100%**

PENCAPAIAN
Maklumat Am – **100%**
Maklumat Aktiviti – **99%**



HIGHLIGHTS 2012

- ① Prestasi Perbelanjaan Siling *Rolling Plan*

SASARAN
Kedudukan ke – **10** Berbanding 25 Kementerian

- ② Peratusan Projek Mengikut Jadual

SASARAN **95%** Projek Mengikut Jadual

ENCIK AHMAD SHAFEI BIN JAMAL
Setiausaha Bahagian Pembangunan (BP)

7

Pencapaian
95% dan
ke atas

0

Pencapaian
85% hingga
94.9%

0

Pencapaian
84.9% dan
ke bawah

KPI 2012

7 KPI

0 KPI

0 KPI

KRA / KPI	Pencapaian 2011	Pencapaian Setengah Tahun 2012			Sasaran 2012	Sasaran Outcome	Catatan
		Sasaran	Pencapaian	Status			
KPI FOKUS							
1. Prestasi Perbelanjaan dan Status Fizikal Projek Pembangunan							
1.1 Prestasi Perbelanjaan Siling <i>Rolling Plan</i> .	Kedudukan ke-5 Berbanding 25 Kementerian	Kedudukan ke-12 berbanding 25 Kementerian	Kedudukan ke-8 berbanding 25 Kementerian		Kedudukan ke-10 teratas berbanding 25 Kementerian	Pelaksanaan Projek Pembangunan mengikut perancangan	Berdasarkan laporan ICU, JPM pada 29 Jun 2012
1.2 Peratusan projek mengikut jadual	98.66% projek mengikut jadual	90% projek mengikut jadual	94.71% projek mengikut jadual		95% projek mengikut jadual		Berdasarkan laporan ICU, JPM pada 29 Jun 2012
KPI AGENSI SECARA SPESIFIK							
1. Pemantauan Projek Pembangunan							
1.1 Peratusan perbelanjaan peruntukan pembangunan tahun 2012	99.76%	30%	33.1%		≥95%		Berdasarkan laporan ICU, JPM pada 29 Jun 2012
1.2 Mengadakan Mesyuarat Jawatankuasa Tindakan Pembangunan (JTPK)	11 Kali	6 Kali	6 Kali		12 Kali	Pemantauan Projek Pembangunan dilaksanakan secara berkesan	Mesyuarat perlu diadakan sekali sebulan selaras dengan Arahan No. 1 Tahun 2010
1.3 Laporan Lawatan Tapak Projek kepada ICU, JPM	74 Kali	24 Kali	40 Kali		48 Kali		Kekerapan lawatan : YB Menteri : 1 lawatan/bulan YBhg KSU : 3 lawatan/bulan
2. Program / Pembangunan Projek melalui SPP II							
2.2 Memastikan maklumat mengenai status kemajuan projek pembangunan dalam SPP II mencapai 100% bagi maklumat aktiviti dan am	Maklumat Am –99.9% Maklumat Aktiviti – 99.2%	Maklumat Am – 90% Maklumat Aktiviti – 90%	Maklumat Am – 99.2% Maklumat Aktiviti – 95.7%		Maklumat Am – 100% Maklumat Aktiviti – 100%	Penggunaan SPP II secara optimum sebagai mekanisme pemantauan Projek Pembangunan	Berdasarkan laporan ICU, JPM pada 29 Jun 2012
3. Amalan Terbaik Pengurusan Projek							
3.1 Penilaian Outcome dibuat terhadap program/projek RMKe-9 yang telah siap.	60 projek RMKe-9 yang telah siap dibuat Penilaian Outcome	Memastikan 20 projek RMKe-9 telah siap dibuat Penilaian Outcome yang memenuhi kehendak pihak berkepentingan dan meningkatkan kecekapan dan integriti agensi	Memastikan 20 projek RMKe-9 telah siap dibuat Penilaian Outcome yang memenuhi kehendak pihak berkepentingan dan meningkatkan kecekapan dan integriti agensi		Memastikan 60 projek RMKe-9 telah siap dibuat Penilaian Outcome yang memenuhi kehendak pihak berkepentingan dan meningkatkan kecekapan dan integriti agensi	Projek Pembangunan yang dilaksanakan mencapai objektif yang disasarkan	

PENCAPAIAN 2011

Peratusan Perbelanjaan Peruntukan Pembangunan Tahun 2011

Selari dengan bidang tugas Bahagian Pembangunan (BP) untuk menyelaraskan dan memantau projek-projek pembangunan di bawah Rancangan Malaysia Lima Tahun (RMLT), BP telah bertekad untuk memastikan semua projek yang dirancang dapat dilaksanakan dalam tempoh yang ditetapkan. Lantas, di dalam tempoh pelaksanaan Rancangan Malaysia ke-10 (RMKe-10), BP telah menetapkan perbelanjaan peruntukan tahunan pembangunan (Tahun 2011) sebagai salah satu KPI yang utama bagi Setiausaha Bahagian Pembangunan.

BP berhasrat untuk memastikan peruntukan tahun 2011 dibelanjakan lebih daripada 95% menjelang pada penghujung tahun 2011 dengan memantau prestasi perbelanjaan projek pembangunan melalui Mesyuarat Jawatankuasa Tindakan Pembangunan Kementerian (JTPK) yang diadakan setiap bulan. Pada permulaan pelaksanaan projek pembangunan di bawah *Rolling Plan* Pertama (RP-1), prestasi perbelanjaan peruntukan tahun 2011 dilihat agak kurang memberangsangkan dan berada di antara Kementerian yang berbelanja terendah. Namun hasil usaha-usaha yang dilaksanakan oleh BP, pada pertengahan bulan Ogos 2011, Kementerian telah berjaya berada dalam kelompok lima teratas bagi Kementerian yang mempunyai perbelanjaan yang tertinggi. Pada penghujung tahun 2011, Kementerian telah berbelanja sebanyak 99.8% daripada jumlah keseluruhan peruntukan.

Laporan Lawatan Tapak Projek kepada ICU, JPM

BP turut menggunakan mekanisme lawatan tapak projek bagi memantau pelaksanaan sesuatu projek. Lawatan projek dibuat oleh YB Menteri dan YBhg. Datuk KSU selaras dengan arahan Keputusan Mesyuarat Majlis Tindakan Negara (MTN) Bil. 2/2009 di mana YB Menteri dikehendaki untuk membuat lawatan sekurang-kurangnya sekali sebulan dan YBhg. Datuk KSU dikehendaki untuk membuat lawatan sekurang-kurangnya tiga kali sebulan di mana jumlah lawatan YB Menteri dan YBhg. Datuk KSU yang perlu dilaksanakan ialah sekurang-kurangnya 48 kali setahun. Setiap lawatan yang dibuat perlulah disediakan laporan untuk dihantar kepada ICU, JPM untuk tujuan pemantauan pelaksanaan projek oleh agensi pusat tersebut. Pada tahun 2011, sebanyak 74 kali lawatan telah berjaya dilakukan (25 kali lawatan oleh YB Menteri dan 49 kali lawatan oleh YBhg. Datuk KSU) dan 74 laporan telah berjaya dihantar kepada ICU, JPM.



Lawatan NRE bersama pihak ICU JPM ke Sungai Solok, Parit Hj. Yusof dan Kolam Takungan Kampung Linggi, Negeri Sembilan



Lawatan NRE bersama pihak ICU JPM ke Kolam Takungan Sungai Linggi, Negeri Sembilan



Lawatan turun padang YB Menteri bersama KSU NRE dan KP JPS di tapak *River of Life* (ROL), Sungai Klang (Pakej 4)

LANGKAH SETERUSNYA

Pada tahun 2012, BP berhasrat mengekalkan prestasi perbelanjaan peruntukan projek pembangunan pada tahap cemerlang seperti yang dicapai pada tahun 2011. Pelbagai usaha telah dan akan dilaksanakan bagi memastikan pencapaian tersebut dapat dikekalkan seperti melaksanakan mesyuarat intervensi perbelanjaan peruntukan tahunan bersama-sama dengan Jabatan/Agensi/Bahagian bagi mengenalpasti projek-projek yang dapat dibelanjakan awal.

Selain itu, bagi memastikan pelaksanaan projek berjalan mengikut perancangan yang dibuat, lawatan tapak projek yang lebih kerap telah dilaksanakan di samping lawatan tapak projek yang dilakukan sendiri oleh BP yang diketuai oleh Setiausaha Bahagian.

Diharapkan dengan pelbagai usaha dan langkah yang dilakukan, projek-projek pembangunan Kementerian dapat dilaksanakan dengan jayanya tanpa menghadapi masalah yang besar.

ENCIK BABA BIN HASAN

SETIAUSAHA BAHAGIAN SUMBER AIR, SALIRAN DAN HIDROLOGI (BSASH)

HIGHLIGHTS 2011

PENCAPAIAN 2011

100%

- 1 Pemantauan Peningkatan Kualiti Air Sungai di 13 Negeri Termasuk Projek *River of Life*

SASARAN 1 Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu dan 2 Mesyuarat Pemantauan

PENCAPAIAN 4 Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu dan 2 Mesyuarat Pemantauan

- 2 Mengadakan Mesyuarat Majlis Sumber Air Negara ke-6 (MSAN 6)

SASARAN 1 Mesyuarat

PENCAPAIAN 1 Mesyuarat



HIGHLIGHTS 2012

- 1 Melengkapkan Kesemua Data untuk Lembangan Sungai bagi Pulau (Labuan, Redang, Perhentian dan Tioman)

SASARAN 2,986 Lembangan Sungai

- 3 Pemantauan Pelaksanaan bagi 15% Keputusan-keputusan MSAN 3-6 Bersama Kerajaan Negeri/ *Stakeholders*

SASARAN 14 Isu Dasar dari MSAN 3-6

- 2 Melengkapkan 20% Nama Lembangan Sungai di Malaysia untuk Dimasukkan dalam Peta

SASARAN Melengkapkan Nama bagi 357 Sungai daripada 1,784 Sungai yang Tidak Bernama



ENCIK BABA BIN HASAN
Setiasaha Bahagian Sumber Air, Saliran
dan Hidrologi (BSASH)

KPI 2012

4 Pencapaian
95% dan
ke atas

4 KPI

1 Pencapaian
85% hingga
94.9%

1 KPI

0 Pencapaian
84.9% dan
ke bawah

0 KPI

KRA / KPI	Pencapaian 2011	Pencapaian Setengah Tahun 2012			Sasaran 2012	Sasaran Outcome	Catatan
		Sasaran	Pencapaian	Status			
KPI FOKUS							
1. Maklumat Asas Lembangan Sungai di Malaysia							
1.1 Melengkapkan kesemua data untuk Lembangan Sungai bagi Pulau (Labuan, Pangkor, Perhentian dan Tioman)	KPI Baru	50%	50%		100%	Melengkapkan data Lembangan Sungai di seluruh Negara	Jumlah Lembangan sungai sehingga 2011 ialah 2,986.
1.2 Melengkapkan 20% nama Lembangan Sungai di Malaysia untuk dimasukkan dalam peta	KPI Baru	50%	46%		100%	357 sungai yang diberi nama untuk kemudahan rujukan	Jumlah Sungai yang tak bernama 1,784.
KPI AGENSI SECARA SPESIFIK							
1. Pemantauan Keputusan-keputusan MSAN							
1.1 Pemantauan pelaksanaan bagi 15% Keputusan-keputusan MSAN3-6 bersama kerajaan negeri/ stakeholders	KPI Baru	50%	50%		100%	Memastikan pengurusan sumber air menepati konsep <i>Integrated Water Resource Management (IWRM)</i>	Bilangan isu Dasar yang dibawa ke MSAN :14 isu dari MSAN 3-6
2. Penyediaan Penerbitan Berkaitan Sumber Air							
2.1 Menyediakan 20 penerbitan berkaitan sumber air	KPI Baru	50%	50%		100%	Meningkatkan data gedung ilmu berkaitan sumber air	Penerbitan JPS dan NAHRIM
3. Pengurusan Lembangan Sungai Bersepadu bagi Sungai Muar							
3.1 Kemajuan pelaksanaan 50% bagi penyediaan Pelan Tindakan IRBM Sg. Muar sebagai Projek Perintis	KPI Baru	50%	50%		100%	Memastikan 4 Objektif IRBM tercapai:- i. Kualiti air yang terjamin ii. Bekalan Air yang mencukupi iii. Mengurangkan Risiko Banjir iv. Konservasi Alam Sekitar	Sasaran Pelaksanaan Pelan Tindakan Lembangan Sg. Muar dijangka siap pada 2013

PENCAPAIAN 2011

Majlis Sumber Air Negara Ke-6 (MSAN 6)

Majlis Sumber Air Negara (MSAN) telah ditubuhkan melalui keputusan Jemaah Menteri pada 29 Jun 1998 sebagai satu forum peringkat Kerajaan Persekutuan dalam menentukan dasar dan panduan dalam pengurusan sumber air negara.

MSAN Ke-6 (MSAN 6) telah diadakan pada 6 Oktober 2011 bertempat di Bilik Mesyuarat Jawatankuasa II, Bangunan Parlimen Malaysia. MSAN 6 telah dipengerusikan oleh YAB Timbalan Perdana Menteri Malaysia.

Kertas-kertas Pertimbangan yang dibentangkan dalam MSAN 6 adalah seperti berikut:

- Dasar Sumber Air Negara (DSAN);
- Komitmen Bersama Menjadikan Sumber Air di Muka Sauk dalam Kategori Minimum Kelas II;
- Pendekatan Konsep Kehidupan dalam Persekitaran Banjir (*Living With Floods*); dan
- Pewartaan Tapak Tasik Ladam Semula Jadi dan Buatan sebagai Rizab Sungai.

Dasar Sumber Air Negara (DSAN)

Mesyuarat MSAN Ke-4 pada 20 Ogos 2008 telah memutuskan supaya satu Dasar Sumber Air Negara (DSAN) diwujudkan.

DSAN telah diluluskan oleh Jemaah Menteri pada 22 Februari 2012 dan dilancarkan pada 24 Mac 2012 oleh YB Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar sempena sambutan Hari Air Sedunia 2012 di Dataran Pinggiran Sungai Kerian, Parit Buntar, Perak.



Sesi *Pre-Council* dan penyerahan cenderahati MSAN 6 di Pejabat YAB Timbalan Perdana Menteri

DSAN bertujuan membantu pihak Kerajaan, badan bukan kerajaan, akademik, institusi penyelidikan, sektor swasta dan masyarakat bagi menterjemahkan pelan tindakan strategik kepada tindakan. Pelaksanaan pelan strategik merentasi jangka masa pendek ke jangka masa sederhana kerana dasar ini akan dikaji semula dari masa ke masa. Ini akan membantu memastikan dasar sentiasa dinamik dan cukup fleksibel kepada keadaan-keadaan yang berubah.

Strategi-strategi dan pelan tindakan strategi telah dirangka bagi menangani dengan segera masalah-masalah dan perkara berkaitan dengan sumber air masa kini. Penekanan adalah untuk menstrukturkan program kerja yang akan memperkasa urus tadbir sumber air sedia ada dan menangani jurang dan kekangan yang wujud. Sumber air akan dijadikan keutamaan di mana penekanan diberi kepada keseragaman peruntukan perundangan. Pelan fizikal yang akan dibangunkan diharap dapat membantu memulihara dan melindungi sumber air.

Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar dan Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air (KeTTHA) selaku urusetia bersama MSAN, akan memudahkan jalinan kerjasama antara pihak-pihak berkuasa dalam melaksanakan Pelan-pelan Tindakan Strategik. Suatu program kerja akan menyusul dasar ini untuk menstrukturkan pelaksanaan dan memantau sasaran-sasaran yang telah ditetapkan.

Program Satu Negeri Satu Sungai (1N1S)


Program 1N1S merupakan program yang telah dilaksanakan oleh Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia (JPS) disebabkan oleh keadaan kualiti air sungai yang semakin merosot setiap tahun. Di dalam program ini, JPS telah memilih satu (1) batang sungai di setiap negeri berdasarkan kepada faktor sungai berhampiran bandar. Objektif utama program ini adalah bagi mencapai kualiti air sungai kepada kelas II pada tahun 2015. JPS juga telah memohon kerjasama daripada semua Kerajaan Negeri untuk sama-sama menjayakan program ini. Sebanyak 14 sungai telah disenaraikan di bawah program ini. Program ini merupakan program perintis dan akan diperluaskan ke sungai yang lain setelah kejayaan program dicapai.

Bil	Negeri	Nama Sungai
1	Perlis	Perlis
2	Kedah	Petani
3	Pulau Pinang	Pinang
4	Perak	Kinta
5	Selangor	Penchala
6	Kuala Lumpur	Penchala
7	Negeri Sembilan	Temiang
8	Melaka	Melaka
9	Johor	Skudai
10	Pahang	Galing
11	Terengganu	Hiliran
12	Kelantan	Pengkalan Chepa
13	Sabah	Papar
14	Sarawak	Bintangor

Senarai nama sungai dalam Program 1N1S

Maklumat Asas Lembangan Sungai

Rekod JPS menunjukkan sebanyak 1,784 batang sungai di Malaysia masih lagi belum mempunyai nama. Kesemua sungai ini hendaklah diberikan nama bagi tujuan perancangan ke arah Pengurusan Lembangan Sungai Secara Bersepadu. Setelah kesemua nama sungai dilengkapkan, ini akan memudahkan pengurusan sungai dari segi pemantauan kualiti sehinggalah kepada perancangan keperluan peruntukan bagi menjamin sungai sentiasa diselenggarakan dan dapat menjalankan fungsinya dengan baik. Sehingga kini, sebanyak 163 batang sungai telah pun siap dinamakan.



Sungai dan Lembangan di Wilayah Persekutuan Labuan.

Melengkapkan Kesemua Data bagi Lembangan Sungai di Pulau-pulau

Perancangan telah dibuat oleh pihak JPS untuk melengkapkan senarai lembangan sungai di empat (4) buah pulau iaitu Pulau Labuan, Pulau Redang, Pulau Perhentian dan Pulau Tioman. Senarai lembangan sungai bagi Pulau Labuan dan Pulau Perhentian telah pun lengkap sepenuhnya. Bagi Pulau Redang dan Pulau Tioman, ianya masih lagi dalam proses penyediaan. Pihak JPS telah pun melengkapkan sepenuhnya senarai lembangan sungai di Pulau Pangkor walaupun pulau ini tiada dalam senarai awal KPI.

PUAN ZURINAH BINTI PAWANTEH (JANUARI 2011 - OGOS 2012)
PUAN WAN HASMAH BINTI WAN MOHD (SEPTEMBER - DISEMBER 2012)
 SETIAUSAHA BAHAGIAN PENGURUSAN BIODIVERSITI DAN PERHUTANAN (BBP)

HIGHLIGHTS 2011

PENCAPAIAN 2011
100%

- 1** Merancang dan Melaksanakan Pelan Tindakan Tanah Gambut Kebangsaan melalui JK Pemandu Kebangsaan Tanah Gambut

SASARAN Pembinaan **10** Check Dams


PENCAPAIAN **15** Check Dams Siap Dibina



- 3** Merancang, Menyelaras dan Memantau Usaha-usaha Menaik Taraf Produk-produk Ekopelancongan ke arah Persijilan *Malaysia Mega Biodiversity Hub* (MMBH)

SASARAN Menaik Taraf **3** Live Sites yang Terpilih dan **2** dalam Pelaksanaan

PENCAPAIAN **3** Live Sites Siap dan **2** dalam Pelaksanaan Naik Taraf



- 2** Menyelaras dan Memantau Kempen Menanam 26 Juta Pokok di Seluruh Negara

SASARAN **5 JUTA** Pokok Ditanam Setahun

PENCAPAIAN **16.3 JUTA** Pokok Telah Ditanam

HIGHLIGHTS 2012

- 1** Memantau Kempen Menanam 26 Juta Pokok di Seluruh Negara

SASARAN **5 JUTA** Pokok Ditanam Setahun

- 2** Pavilion Malaysia di Ekspo Yeosu, Korea Dikunjungi 500,000 Pengunjung Sepanjang Tempoh Expo (12 Mei - 12 Ogos 2012)

SASARAN **500,000** Pengunjung



PUAN ZURINAH BINTI PAWANTEH
Setiasaha Bahagian Pengurusan Biodiversiti dan Perhutanan (BBP)

4 Pencapaian 95% dan ke atas

0 Pencapaian 85% hingga 94.9%






1 Pencapaian 84.9% dan ke bawah

4 KPI

0 KPI

1 KPI

KPI 2012

KRA / KPI	Pencapaian 2011	Pencapaian Setengah Tahun 2012			Sasaran 2012	Sasaran Outcome	Catatan
		Sasaran	Pencapaian	Status			
KPI FOKUS							
1. Kempen Menanam 26 Juta Pokok di Seluruh Negara							
1.1 Memantau Kempen Menanam 26 Juta Pokok di seluruh negara	24,221,125 pokok telah ditanam (Kumulatif daripada April 2010)	3 juta pokok ditanam	7.60 juta pokok telah ditanam		5 juta pokok ditanam pada 2012	Membantu dalam mencapai pengurangan 40% pelepasan intensiti karbon menjelang 2020	
KPI AGENSI SECARA SPESIFIK							
1. Pengurusan Berkekalan dan Konservasi Kawasan Tanah Gambut di Malaysia							
1.1 Merancang dan melaksanakan Pelan Tindakan Tanah Gambut Kebangsaan melalui JK Pemandu Kebangsaan Tanah Gambut	Pembinaan 15 <i>check dams</i> (JPS)	6 <i>check dams</i> siap	11 <i>check dams</i> siap		Pembinaan 15 <i>check dams</i> (JPS)	Meningkatkan keberkesanan pengurusan hutan paya gambut	
	Pembinaan 2 <i>tube wells</i> (JMG)	4 <i>tube wells</i> siap	3 <i>tube wells</i> siap		Pembinaan 8 <i>tube wells</i> (JMG)		
2. Perancangan Pelaksanaan <i>Malaysia Mega Biodiversity Hub</i> (MMBH)							
2.1 Merancang, menyelaraskan dan memantau usaha-usaha menaik taraf produk-produk eko-pelancongan ke arah persijilan MMBH	Menaik taraf 3 <i>live sites</i> yang terpilih dan 2 dalam pelaksanaan	1 <i>live site</i> dalam pelaksanaan di tapak dan 1 <i>live site</i> dalam penyediaan rekabentuk dan penyediaan dokumen tender	1 <i>live site</i> dalam pelaksanaan di tapak dan 1 <i>live site</i> dalam penyediaan rekabentuk dan penyediaan dokumen tender		1 <i>live site</i> siap dan 1 <i>live site</i> kontrak ditawarkan	Mempertingkatkan kemudahan di kawasan ekoplancongan dan memastikan ekoplancongan menyumbang sekurang-kurangnya 5% daripada KDNK pelancongan pada 2015	
3. Ekspo Yeosu 2012, Korea (12 Mei - 12 Ogos 2012)							
3.1 Pavilion Malaysia di Ekspo Yeosu dikunjungi 500,000 pengunjung sepanjang tempoh expo	KPI Baru	Pavilion Malaysia di Ekspo Yeosu dikunjungi 500,000 pengunjung sepanjang tempoh expo	Pavilion Malaysia di Ekspo Yeosu dikunjungi 964,934 pengunjung sepanjang tempoh expo		Pavilion Malaysia di Ekspo Yeosu dikunjungi 500,000 pengunjung sepanjang tempoh expo	Mempromosi negara dan mengetengahkan aktiviti konservasi yang dilaksanakan oleh Malaysia	

PENCAPAIAN 2011

Pengurusan Berkekalan dan Pemuliharaan Kawasan Tanah Gambut di Malaysia

Kebakaran kawasan tanah gambut yang menyebabkan jerebu telah diberi perhatian oleh Kerajaan. Inisiatif mencegah kebakaran gambut dilaksanakan sebagai salah satu usaha untuk menangani pencemaran jerebu di peringkat tempatan di mana usaha ini telah dimulakan sejak tahun 2009 dengan pembinaan tiga jenis infrastruktur, iaitu sekatan saluran, telaga air tanah dan menara tinjau. Pelaksanaan inisiatif ini berpegang kepada semangat 1NRE dengan penglibatan dan kerjasama erat pelbagai agensi di bawah Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar (NRE), iaitu antara Jabatan Alam Sekitar (JAS), Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS), Jabatan Mineral dan Geosains (JMG) dan Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM).

Pada tahun 2011, inisiatif ini diteruskan di bawah Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10) dengan melibatkan kerjasama lebih banyak agensi pelaksana seperti Ikatan Relawan Rakyat Malaysia (RELA) Negeri Pahang, Selangor dan Sarawak, Jabatan Perhutanan Negeri Sabah (JPN Sabah), Majlis Bandaraya Miri, Sarawak serta Jabatan Meteorologi Malaysia (JMM). Sehingga 31 Disember 2011, sebanyak 102 buah sekatan saluran, 21 buah telaga air tanah dan 3 buah menara tinjau telah dibina di kawasan tanah gambut yang mudah terbakar di Negeri Johor, Pahang, Selangor, Kelantan, Sarawak dan Sabah.



Plankwalk di Taman Negara Mulu, Sarawak



Riverstone Path di Taman Negara, Mulu, Sarawak

Merancang, Menyelaras dan Memantau Usaha-usaha Menaik Taraf Produk-Produk Ekopelancongan Ke Arah Persijilan *Malaysia Mega Biodiversity Hub* (MMBH)

Malaysia telah diiktiraf sebagai salah satu daripada 12 negara mega diversiti di dunia yang kaya dengan kepelbagaian spesies flora dan fauna serta habitatnya dan merupakan rumah kepada hutan hujan tropika tertua di dunia. Berdasarkan kepada faktor ini, Malaysia mempunyai pelbagai produk unik yang boleh ditawarkan terutamanya dari segi ekopelancongan dengan ekosistem yang unik dan kepelbagaian spesies yang sesetengahnya tidak ditemui di tempat lain di dunia ini.

Kerajaan Malaysia telah mengenal pasti *Malaysia Mega Biodiversity Hub* atau MMBH untuk menjadi salah satu *Entry Point Project* (EPP) di bawah Bidang Ekonomi Utama Negara (NKEA) bagi sektor pelancongan di bawah Program Transformasi Ekonomi (ETP). Sebagai langkah pertama ke arah memastikan bahawa *live sites* ekopelancongan di Malaysia mempunyai kemudahan dan produk pelancongan yang berkualiti, Kementerian telah mengambil langkah dengan menaiktaraf *live sites* yang telah dikenalpasti. Bagi tahun 2011, kerja-kerja menaiktaraf kemudahan dan produk ekopelancongan telah siap dilaksanakan di tiga lokasi iaitu Pulau Tioman, Pahang, Taman Negara Mulu, Sarawak dan Taman Negeri Royal Belum, Perak.

Melalui aktiviti ini, adalah diharapkan sektor ekopelancongan akan dapat menarik lebih ramai pelancong dan dapat menjana kekayaan baru untuk menjadi satu penyumbang utama kepada pembangunan negara.

Kempen Menanam 26 Juta Pokok yang Dilaksanakan di Seluruh Negara

Bersempena Hari Bumi yang disambut pada 22 April di seluruh dunia, Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar (NRE) telah melancarkan Kempen Menanam 26 Juta Pokok pada tahun 2010. Kempen ini merupakan sebahagian daripada hasrat Kerajaan untuk mewujudkan suasana persekitaran semula jadi yang segar, memberi kesedaran bahawa menghidupkan dan memelihara alam sekitar adalah tanggungjawab semua pihak serta memupuk minat menanam pokok dan mencintai alam sekitar di kalangan rakyat Malaysia. Kempen menanam pokok akan dilaksanakan dalam tempoh 5 tahun iaitu dari 2010 hingga 2014 bagi mencapai sasaran 26 juta pokok melibatkan kawasan hutan terosot, kawasan hutan yang telah dibalok, tanaman pesisiran pantai negara dan lain-lain. Pada tahun 2011, sebanyak 16.3 juta pokok telah ditanam.

Pelaksanaan inisiatif ini berpegang kepada semangat 1NRE dengan penglibatan dan kerjasama erat pelbagai agensi di bawah Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar iaitu Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM), Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia, Jabatan Perhutanan Sabah dan Jabatan Hutan Sarawak. Pelaksanaan kempen ini juga mendapat sokongan dan komitmen yang padu daripada Kerajaan Negeri seluruh Malaysia, organisasi swasta, badan korporat, badan bukan kerajaan (NGOs), masyarakat dan pelajar-pelajar sekolah.

LANGKAH SETERUSNYA

BBP akan terus mengambil langkah-langkah proaktif dalam usaha pemeliharaan dan pengurusan biodiversiti dan perhutanan, selain memastikan khazanah sumber asli ini dapat dimanfaatkan secara mapan untuk faedah semua pihak. Usaha ini perlu diteruskan dengan penglibatan Kementerian, Jabatan dan agensi berkaitan serta sokongan padu daripada pihak swasta dan badan bukan kerajaan (NGOs). usaha penanaman pokok ini adalah selaras dengan komitmen Malaysia untuk memastikan bahawa sekurang-kurangnya 50% daripada keluasan tanah negara dilitupi kawasan berhutan seperti yang dinyatakan semasa Persidangan Rio pada tahun 1992.



Penanaman pokok sempena Sambutan Peringkat Kebangsaan Hari Biodiversiti di Nanga Delok, Batang Ai, Sri Aman, Sarawak pada 22 Mei 2011.

PUAN FUZIAH BINTI ABU HANIFAH

PENGARAH PUSAT INFRASTRUKTUR DATA GEOSPATIAL NEGARA (MACGDI)

HIGHLIGHTS 2011

1 Tahap Ketersediaan Fundamental Dataset Pusat Maklumat Geospasial (GDC) Mengikut Kategori

SASARAN
65%

PENCAPAIAN
65%



2 Penyediaan Dokumen Standard

SASARAN
2 Dokumen

PENCAPAIAN
2 Dokumen

HIGHLIGHTS 2012

1 Tahap Ketersediaan Fundamental Dataset Pusat Maklumat Geospasial (GDC) Mengikut Kategori

SASARAN
75%

PENCAPAIAN 2011

100%

3 Bilangan Metadata yang Diterbitkan

SASARAN **350** Metadata

PENCAPAIAN **1,135** Metadata



2 Penggunaan Standard

SASARAN
100% (5 Agensi)

PUAN FUZIAH BINTI ABU HANIFAH
Pengarah Pusat Infrastruktur Data Geospasial Negara
(MaCGDI)

KPI 2012

5 Pencapaian
95% dan
ke atas

5 KPI

0 Pencapaian
85% hingga
94.9%

0 KPI

1 Pencapaian
84.9% dan
ke bawah


1 KPI

KRA / KPI	Pencapaian 2011	Pencapaian Setengah Tahun 2012			Sasaran 2012	Sasaran Outcome	Catatan
		Sasaran	Pencapaian	Status			
KPI FOKUS							
1. Pembangunan Pusat Maklumat Geospasial Disiapkan Pada Tahun 2015							
1.1 Tahap Ketersediaan fundamental dataset Pusat Maklumat Geospasial (GDC) mengikut kategori	65% secara kumulatif	70% (Peningkatan 5%)	71% (peningkatan 5.5%)		75% secara kumulatif (peningkatan 10%)	Penyampaian perkhidmatan yang berkesan melalui maklumat geospasial	NGDC - Dua kategori SGDC - Tiga negeri Tahap kemajuan pembangunan NGDC dan SGDC bergantung kepada kerjasama dan kesediaan pihak negeri dan data <i>custodian</i>
KPI AGENSI SECARA SPESIFIK							
1. Keberkesanan Projek MyGDI							
1.1 Penyediaan Surat Pekeliling Pelaksanaan MyGDI	100% (1 dokumen)	50%	50%		100% (1 dokumen)	Penyampaian perkhidmatan yang berkesan melalui maklumat geospasial	Surat Pekeliling Pelaksanaan MyGDI-Garis Panduan Pemakaian Standard MyGDI
1.2 Penyediaan dokumen standard	100% (2 dokumen)	50%	50%		100% (2 dokumen)	Penyampaian perkhidmatan yang berkesan melalui maklumat geospasial	i. Dokumen Pindaan dan Penambahan Kod Butiran dan Atribut (Addendum) MS1759 ii. Dokumen Kod dan Nama Sempadan Pentadbiran Tanah (Hakmilik Strata dan Hakmilik Sementara)
1.3 Penggunaan standard	KPI Baru	50%	60%		100% (5 agensi)	Penyampaian perkhidmatan yang berkesan melalui maklumat geospasial	3 agensi (JUPEM, MaCGDI & JPBD)
1.4 Bilangan metadata yang diterbitkan	100% (500 metadata)	50% (250 meta data)	19% (151 metadata)		100% (500 metadata)	Penyampaian perkhidmatan yang berkesan melalui maklumat geospasial	- Agensi pembekal data masih kurang ketersediaan untuk mengisi maklumat metadata - Agensi Pembekal Data tidak membuat pengemaskinian dan penambahan data baru - Tiada akta yang mewajibkan Agensi Pembekal Data untuk mengisi metadata
2. Pengurusan Latihan Berkaitan Geoinformasi							
2.1 Menganjurkan program/kursus pembangunan modal insan berkaitan geoinformasi	44 program/kursus	50% (11 program/kursus)	64% (14 program/kursus)		100% (22 program/kursus)	Membudayakan penggunaan maklumat geospasial	•Taklimat MyGDI (3) •Taklimat Metadata (4) •GIS (2) • <i>Technology Update</i> (5)

PENCAPAIAN 2011

Tahap Ketersediaan Fundamental Dataset Pusat Maklumat Geospasial Mengikut Kategori

Pusat Infrastruktur Data Geospasial Negara (MaCGDI) pada tahun 2009 telah mula membangunkan Pusat Maklumat Geospasial (GDC) iaitu satu pangkalan data yang menempatkan maklumat geospasial secara berpusat yang melibatkan 12 kategori fundamental dataset yang *seamless*. Pengemaskinian GDC yang meliputi pelbagai maklumat geospasial dari Agensi Pembekal Data (APD) peringkat persekutuan, negeri dan kerajaan tempatan ini dilaksanakan berdasarkan standard yang telah ditetapkan bagi memudahkan perkongsian dan penyebaran maklumat geospasial di kalangan agensi-agensi kerajaan.



Framework Data Pusat Maklumat Geospasial (GDC)

Pada tahun 2011, peratus peningkatan pengemaskinian GDC ialah 10% iaitu 65% secara kumulatif yang melibatkan tiga negeri iaitu Johor, Melaka dan Negeri Sembilan dan dua kategori iaitu *built environment* dan *hydrography*.

Pembangunan GDC ini dilihat dapat membantu pencapaian objektif Program Infrastruktur Data Geospasial Negara (MyGDI) dalam menyediakan mekanisme/infrastruktur bagi memudahkan penggunaan dan perkongsian maklumat geospasial di kalangan APD dan pengguna.


Penyediaan Garis Panduan Penyebaran dan Perkongsian Maklumat Geospasial

Sejak tahun 2005, beberapa garis panduan melalui Surat Pekeliling Pelaksanaan MyGDI telah diedarkan kepada agensi-agensi kerajaan bagi menjelaskan mengenai pelaksanaan Program MyGDI. Pada tahun 2011, Surat Pekeliling MyGDI Bilangan 1 Tahun 2011: Garis Panduan Perkongsian dan Penyebaran Maklumat Geospasial melalui MyGDI telah disediakan bagi menjelaskan kaedah pelaksanaan perkongsian dan penyebaran maklumat geospasial dalam usaha kerajaan mengelakkan pertindihan kutipan data dan mengoptimimumkan penggunaannya.

Bilangan Metadata yang Diterbitkan

Metadata adalah maklumat mengenai sesuatu data yang merangkumi kesemua persoalan berkenaan data/maklumat tersebut seperti siapa, apa, bila, di mana, kenapa dan bagaimana (*who, what, when, where, why, and how about*).

Metadata membolehkan APD menerangkan secara menyeluruh mengenai sesuatu dataset bagi membolehkan pengguna memahami keupayaan dan batasan serta menilai keupayaan sesuatu dataset mengikut kegunaan. Sebanyak 1,135 metadata telah berjaya diterbitkan dalam MyGDI *Explorer* pada tahun 2011 dengan kerjasama pihak APD. MaCGDI juga pada tahun yang sama telah berjaya menerbitkan Dokumen Panduan Pengisian Metadata melalui MyGDI *Explorer* bagi memberi panduan terperinci mengenai pengisian dan penerbitan metadata dalam MyGDI *Explorer*.



Contoh Metadata yang terkandung di dalam MyGDI Explorer

LANGKAH SETERUSNYA

Satu draf pelan strategik/*blueprint* pembangunan maklumat geospasial akan dirangka bagi memastikan Program MyGDI menjadi tunjang kepada hasrat kerajaan mewujudkan sistem penyampaian perkhidmatan yang lebih berdaya saing melalui *spatially enabled government*. Pelan ini akan dirangka berteraskan empat teras strategik iaitu pemantapan tadbir urus, pemantapan pengurusan maklumat geospasial negara, pembudayaan penggunaan maklumat geospasial di kalangan pelbagai sektor, dan pengkomersialan maklumat geospasial.

PUAN MARSINEH BINTI JARMIN

SETIAUSAHA BAHAGIAN PENGURUSAN MAKLUMAT (BPM)

PENCAPAIAN 2011

100%

HIGHLIGHTS 2011

- 1 Pelaksanaan NRE*Net (Dikenali Sebagai 1Gov*Net Mulai Jun 2011) Berdasarkan Ketersediaan Perkhidmatan yang Merujuk kepada *Service Level Guarantee (SLG)*

SASARAN

95%

PENCAPAIAN

99.87%

- 2 Ketersediaan Portal NRE

SASARAN

96%

PENCAPAIAN

98.38%



HIGHLIGHTS 2012

- 1 Pengurusan Keselamatan ICT

SASARAN

Pengekalan Pensijilan
ISO/IEC 27001: 2005
*Information Security
Management System (ISMS)*

- 2 Ketersediaan dan Penyediaan Kemudahan Mel Elektronik

SASARAN

95%



- 3 Pengemaskinian Data dalam Portal/Laman Web NRE

SASARAN

95%



PUAN MARSINEH BINTI JARMIN
Setiausaha Bahagian Pengurusan Maklumat (BPM)

KPI 2012

11 Pencapaian
95% dan ke
atas

11 KPI

0 Pencapaian
85% hingga
94.9%

0 KPI

0 Pencapaian
84.9% dan
ke bawah

0 KPI

KRA / KPI	Pencapaian 2011	Pencapaian Setengah Tahun 2012			Sasaran 2012	Sasaran Outcome	Catatan
		Sasaran	Pencapaian	Status			
KPI FOKUS							
1. Keselamatan ICT							
1.1 Tahap keberkesanan pengurusan kemudahan, maklumat siber dan keselamatan ICT	Pensijilan ISO/IEC 27001:2005 – <i>Information Security Management System</i> (ISMS) berjaya dikekalkan	1 sijil dikekalkan	1 sijil dikekalkan		100%	Meningkatkan reputasi Kementerian dan keyakinan rakyat ke atas sistem penyampaian perkhidmatan ICT	
KPI AGENSI SECARA SPESIFIK							
1. Perancangan, Pembangunan dan Pelaksanaan Tadbir Urus ICT							
1.1 Peratus pencapaian prestasi perancangan, pembangunan dan pelaksanaan tadbir urus ICT	100%	55%	53.13%		100%	Pengurusan sistem penyampaian perkhidmatan ICT yang cekap, berkesan dan mematuhi peraturan	
2. Kemudahan Rangkaian							
2.1 Peratus ketersediaan perkhidmatan Rangkaian Luas 1Gov*Net	99.87%	95%	99.15%		95%	Sistem penyampaian perkhidmatan yang sentiasa siap siaga dan efisien dengan tahap gangguan yang minimum	
2.2 Peratus ketersediaan perkhidmatan Rangkaian Setempat NRE	KPI Baru	95%	99.78%		95%	Sistem penyampaian perkhidmatan yang sentiasa siap siaga dan efisien dengan tahap gangguan yang minimum	
3. Kemudahan Komunikasi Mel Elektronik							
3.1 Peratus penyediaan kemudahan komunikasi Mel Elektronik kepada semua pegawai dan kakitangan NRE berkenaan	100%	95%	100%		98%	Meningkatkan kecekapan dan keberkesanan komunikasi yang menyumbang kepada produktiviti, kualiti dan keberkesanan sistem penyampaian Kementerian	837 akaun AD diwujudkan
3.2 Peratus ketersediaan komunikasi Mel Elektronik	KPI Baru	95%	99.50%		95%	Meningkatkan kecekapan dan keberkesanan komunikasi yang menyumbang kepada produktiviti, kualiti dan keberkesanan sistem penyampaian Kementerian	

PUAN MARSINEH BINTI JARMIN
Setiasaha Bahagian Pengurusan Maklumat (BPM)

KPI 2012

11 Pencapaian
95% dan ke
atas

11 KPI

0 Pencapaian
85% hingga
94.9%

0 KPI

0 Pencapaian
84.9% dan
ke bawah

0 KPI

KRA / KPI	Pencapaian 2011	Pencapaian Setengah Tahun 2012			Sasaran 2012	Sasaran Outcome	Catatan
		Sasaran	Pencapaian	Status			
4. Khidmat Sokongan Pengguna							
4.1 Maklum balas ke atas setiap aduan pengguna ICT dalam tempoh tiga (3) hari bekerja	KPI Baru	95%	100%		95%	Pengurusan sistem penyampaian perkhidmatan ICT yang cekap dan berkesan	286 aduan
5. Portal 1NRE 1Maklumat							
5.1 Pembangunan Portal	KPI Baru	75%	100%		1 portal	Meningkatkan kecekapan dan keberkesanan komunikasi yang menyumbang kepada produktiviti, kualiti dan keberkesanan sistem penyampaian Kementerian	Guna pakai dan tambah baik portal dan Sistem Maklumat Asas (SMA) sedia ada
5.2 Peratus ketersediaan portal	98.38%	-	-	-	95%	Meningkatkan kecekapan dan keberkesanan komunikasi yang menyumbang kepada produktiviti, kualiti dan keberkesanan sistem penyampaian Kementerian	
6. Kemudahan Aplikasi Internet, Intranet dan Extranet dalam Portal/Laman Web							
6.1 Pengemaskinian Maklumat	KPI Baru	95%	100%		95%	Meningkatkan reputasi Kementerian dan keyakinan rakyat ke atas ketepatan maklumat yang disalurkan dalam portal	Dilaksanakan pada bulan September/ Oktober
6.2 Jaminan kualiti portal berdasarkan penarafan bintang	KPI Baru	Penarafan portal 5 bintang oleh MDEC dikekalkan	-		100%		
6.3 Bilangan aplikasi baru / penambahbaikan	KPI Baru	1 aplikasi	8 aplikasi		1 aplikasi		
7. Pengemaskinian Data dalam Portal/Laman Web NRE							
7.1 Mengemaskini data dalam Portal/Laman Web NRE	KPI Baru	95%	100%		95%	Meningkatkan reputasi Kementerian dan keyakinan rakyat ke atas ketepatan maklumat yang disalurkan dalam portal	

PENCAPAIAN 2011

Pelaksanaan NRE*Net Berdasarkan Ketersediaan Perkhidmatan yang Merujuk kepada Service Level Guarantee (SLG)

NRE*Net merupakan inisiatif NRE semasa Rancangan Malaysia Ke-9 (RMK-9) ke arah menyedia dan menyatukan kemudahan rangkaian luas bagi NRE dan semua jabatan serta agensinya melalui satu Rangkaian Luas (WAN) yang sama. Perkhidmatan ini meliputi kesemua 345 talian milik Jabatan/Agensi di bawah NRE di seluruh negara. Melalui perkhidmatan ini, pihak Kementerian dan Jabatan/Agensi mendapat kemudahan rangkaian luas untuk pelaksanaan aplikasi-aplikasi di bawah Jabatan/Agensi masing-masing seperti Sistem e-Kadaster, Sistem Info Banjir, Sistem Pengurusan Tanah Persekutuan dan Pembahagian Pusaka (eTaPP) dan Sistem Indeks Pencemaran Udara (API), termasuklah merangkumi semua aplikasi perdana e-Kerajaan seperti e-SPKB, e-Perolehan, SPP II dan HRMIS hanya melalui satu sistem rangkaian yang sama.

Talian ini dilengkapi dengan teknologi seperti *Very Small Aperture* (VSAT), Metro-e dan infrastruktur IPVPN yang telah dibangunkan khusus untuk rangkaian kerajaan bagi mewujudkan perhubungan yang pantas serta dijamin selamat sekaligus membolehkan lokasi-lokasi Jabatan/Agensi yang terletak di lokasi terpencil, mencabar dan di luar liputan rangkaian komunikasi sedia ada dihubungkan dengan dunia luar menggunakan rangkaian satelit.

Pada 1 Januari 2011, NRE telah diiktiraf antara kementerian perintis dengan sebanyak 345 talian Rangkaian Luas NRE*Net telah secara rasmi dimigrasikan kepada Rangkaian Luas 1Gov*Net melalui kerjasama dan inisiatif bersama pihak MAMPU. Ketersediaan perkhidmatan setiap talian ini juga dipantau secara berpusat dan perlu beroperasi di tahap terbaik sepanjang masa berdasarkan peratusan *Service Level Guarantee* (SLG) setiap bulan yang perlu melebihi sasaran minimum 95%.



Lawatan Naziran 1Gov*Net yang turut dihadiri oleh Timbalan Ketua Pengarah MAMPU, YBhg. Dato' Dr. Nor Aliah binti Mohd Zahri di VSAT, Taman Negara Mulu pada 29 – 31 Oktober 2011



Lawatan Naziran 1Gov*Net yang turut dihadiri oleh Timbalan Ketua Pengarah MAMPU, YBhg. Dato' Dr. Nor Aliah binti Mohd Zahri di JPSM Bukit Nanas, Kuala Lumpur pada 21 November 2011

LANGKAH SETERUSNYA

Ketersediaan dan Pengemaskinian Data dalam Portal/Laman Web NRE

Sepanjang tahun 2011, pelbagai usaha untuk menambah baik keberkesanan sistem penyampaian berasaskan ICT supaya semua urusan dapat dilaksanakan dengan lebih mudah, cepat, tepat dan *cost-effective* telah dilaksanakan. Antara kejayaan yang dicapai adalah pelancaran Portal Rasmi NRE

yang berwajah baru. Portal NRE yang dibangunkan menggunakan kepakaran dalaman telah mendapat penarafan lima bintang dalam Penilaian Portal/Laman Web Sektor Awam 2011 oleh *Multimedia Development Corporation* (MDeC). Pengiktirafan tersebut adalah yang terbaik sepanjang tempoh penyertaan NRE. Usaha ini juga menjadi salah satu KPI BPM di mana pencapaian ketersediaan Portal Rasmi NRE pada tahun 2011 adalah 98.38% dengan melebihi sasaran sebanyak 96%.

Bagi tahun 2012, sasaran pencapaian 100% kemas kini portal/laman web menjadi *Key Performance Indicator* (KPI) YBhg. Datuk KSU. Selaras dengan itu, BPM berusaha untuk memantapkan ketersediaan dan meningkatkan reputasi kementerian dan keyakinan rakyat ke atas ketepatan maklumat yang telah disalurkan di dalam Portal Rasmi NRE yang akan menyumbang kepada produktiviti, kualiti dan keberkesanan sistem penyampaian Kementerian. NRE juga telah memperolehi pencapaian 100% kemas kini portal/laman web pada bulan Januari – Ogos 2012 yang telah dipantau oleh MAMPU pada setiap minggu.



Program NKEA di Kangar, Perlis pada 18 – 20 Januari 2012



Program NKEA di Kuantan, Pahang pada 4 Februari 2012



Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal dan Mini Lab Penarafan Portal Lima Bintang 2012 pada 10 April 2012



Karnival Jalur Lebar di Kota Belud Sabah pada 18 – 20 Mei 2012

ENCIK ABDUL WAHID BIN ABU SALIM

SETIAUSAHA BAHAGIAN PENGURUSAN SUMBER MANUSIA (BPSM)

HIGHLIGHTS 2011

PENCAPAIAN 2011

99%

- 1 Peratusan Penempatan Secara Pentadbiran di Bahagian/Unit di bawah Kementerian

SASARAN

<10%

PENCAPAIAN

5.99%

- 2 Pengemaskinian Data Perjawatan HRMIS di Kementerian

SASARAN

99.90%

PENCAPAIAN

99.99%

- 3 Pelaksanaan Mesyuarat Suku Tahun dan Penyelesaian Isu Majlis Bersama Jabatan (MBJ) di Kementerian

SASARAN

≥90%

PENCAPAIAN

96.47%



HIGHLIGHTS 2012

- 1 Kajian Persepsi Orang Ramai Berkaitan Pelaksanaan Peranan Utama Jabatan di NRE

SASARAN

1 Laporan Kajian Awalan Persepsi Orang Ramai Terhadap Jabatan di NRE

- 2 Pelaksanaan Modul LNPT HRMIS di Kementerian

SASARAN

≥95%

ENCIK ABDUL WAHID BIN ABU SALIM
Setiausaha Bahagian Pengurusan Sumber Manusia (BPSM)

KPI 2012

7 Pencapaian
95% dan
ke atas

0 Pencapaian
85% hingga
94.9%

0 Pencapaian
84.9% dan
ke bawah

7 KPI

0 KPI

0 KPI

KRA / KPI	Pencapaian 2011	Pencapaian Setengah Tahun 2012			Sasaran 2012	Sasaran Outcome	Catatan
		Sasaran	Pencapaian	Status			
KPI FOKUS							
1. Pengukuhan Peranan Jabatan dalam Konservasi Biodiversiti di NRE							
1.1 Kajian persepsi orang ramai berkaitan pelaksanaan peranan utama Jabatan di NRE	KPI Baru	Penyediaan satu laporan kajian awalan persepsi orang ramai	Borang soal selidik dan satu (1) laporan awalan mengikut persampelan percubaan di BPSM, JPSM, PERHILITAN & Taman Laut telah dibuat		Satu laporan kajian awalan persepsi orang ramai terhadap Jabatan di NRE	Pemantapan kecekapan dan keberkesanan mutu perkhidmatan Jabatan dalam aspek konservasi biodiversiti	
KPI AGENSI SECARA SPESIFIK							
1. Pemantapan Pengurusan Organisasi Kementerian							
1.2 Peratusan penempatan secara pentadbiran di Bahagian/ Unit di bawah Kementerian	5.99%	<10%	5.99%		<10%	Penempatan dilaksanakan mengikut kedudukan Waran Perjawatan sebenar	
2. Pelaksanaan HRMIS di Kementerian							
2.1 Pengemaskinian Data Perjawatan	99.99%	≥99.7%	100% (data sehingga 27 Jun 2012)		99.9%	Meningkatkan keberkesanan pengurusan sumber manusia	Wajaran JPA 100% = 20 markah
2.2 Pengemaskinian Profil Perkhidmatan & Pengemaskinian Rekod Peribadi	99.55%	≥99.7%	SP=99.77% PR=99.77% (data sehingga 27 Jun 2012)		99.9%	Meningkatkan keberkesanan pengurusan sumber manusia	Wajaran JPA 99-100% = 20 markah
2.3 Pelaksanaan Submodul SKT	KPI Baru	≥85%	86.47% (data sehingga 5 Julai 2012)		≥95%	Meningkatkan keberkesanan pengurusan sumber manusia	Wajaran JPA 90-100% = 20 markah
2.4 Pelaksanaan Modul LNPT	TB	* TB	-	* TB	≥95%	Meningkatkan keberkesanan pengurusan sumber manusia	* Penilaian bermula pada 1 November 2012 Wajaran JPA 90-100% = 20 markah
2.5 Pelaksanaan Modul Perisytiharan Harta	96.06%	≥95%	99.41% (data sehingga 27 Jun 2012)		97%	Meningkatkan keberkesanan pengurusan sumber manusia	Wajaran JPA 90-100% = 20 markah
3. Pelaksanaan Majlis Bersama Jabatan (MBJ) di Kementerian							
3.1 Pelaksanaan Mesyuarat Suku Tahun dan Penyelesaian Isu	96.47%	≥45%	45%		≥90%	Penyelesaian masalah-masalah yang dihadapi oleh pihak pekerja agar organisasi dapat berfungsi dengan lancar dan harmoni	

PENCAPAIAN 2011

Peratusan Penempatan Secara Pentadbiran di Bahagian/Unit di bawah Kementerian

Kerajaan kini dalam usaha untuk mewujudkan perkhidmatan awam yang kejut atau *lean civil service*. Perkara ini diambil kira di dalam kajian Sistem Saraan Malaysia yang sedang dilaksanakan dan bertujuan untuk menjadikan perkhidmatan awam negara kita lebih produktif, berinovasi, kreatif dan berprestasi tinggi. Kajian komprehensif ini bukan sahaja meneliti aspek saraan semata-mata, tetapi juga bakal mewujudkan struktur dan sistem yang dinamik bagi menterjemahkan agenda transformasi kerajaan. Usaha rasionalisasi perkhidmatan awam ini melibatkan penggunaan anggota yang optimum melalui penjajaran semula fungsi-fungsi agensi yang bertindih, pengawalan pengisian jawatan-jawatan kosong, serta pengagihan semula perjawatan ke agensi yang lebih kritikal. Penjajaran semula fungsi dan agensi Kerajaan kelak akan mengambil kira semua keperluan yang meliputi semua agensi.

Pemansuhan jawatan adalah satu mekanisme dalam kawalan saiz perkhidmatan awam. Pemansuhan jawatan di gred lantikan di Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar telah pun dilaksanakan dan sebanyak 544 perjawatan di bawah Kementerian/Jabatan/Agensi telah dimansuhkan. Bilangan perjawatan asal adalah 15,272 dan baki perjawatan setelah dimansuhkan adalah sebanyak 14,728.

Peratusan penempatan secara pentadbiran di Bahagian/Unit di bawah Kementerian pada tahun 2011 ialah 5.99% iaitu melibatkan sejumlah 33 orang pegawai meliputi pelbagai gred jawatan. Peratusan yang kecil ini merupakan satu keperluan semasa bagi memastikan urusan yang berkaitan dilaksanakan seperti matlamat yang ditetapkan.

Pengemaskinian Data Perjawatan HRMIS di Kementerian

Status pengemaskinian maklumat perjawatan Kementerian dan Jabatan/Agensi NRE dalam pangkalan data HRMIS perlu dipastikan sama dengan jumlah rekod perjawatan MyPost (BPO, JPA) bagi memastikan HRMIS dapat dijadikan rujukan tunggal bagi rekod perjawatan dan seterusnya menggantikan waran perjawatan manual sedia ada.

Pencapaian pengemaskinian data perjawatan NRE di dalam sistem HRMIS pada tahun 2011 ialah 99.99% berbanding sasaran sebanyak 99.90%.

NRE telah dianugerahkan Sijil Penghargaan di atas pencapaian KPI HRMIS Tahun 2011 yang Sangat Melempi Sasaran (ST) bagi prestasi keseluruhan HRMIS NRE.



Pelaksanaan Mesyuarat Suku Tahun dan Penyelesaian Isu Majlis Bersama Jabatan (MBJ) di Kementerian

Majlis Bersama Jabatan (MBJ) merupakan satu forum yang dibentuk ke arah mewujudkan keharmonian di antara pihak pekerja dan pengurusan dalam organisasi Kerajaan.

MBJ NRE telah memainkan peranan aktif dalam melaksanakan mesyuarat mengikut suku tahun yang berkenaan, mengemukakan minit mesyuarat dalam tempoh 14 hari yang ditetapkan dan menyelesaikan isu-isu yang dibangkitkan. Pencapaian MBJ NRE bagi tahun 2011 ialah 96.47% dan telah dianugerahkan Sijil Penghargaan kerana telah melaksanakan MBJ Tahun 2011 dengan jayanya.





NRE selaku tuan rumah bagi penganjuran Mesyuarat Jawatankuasa Pelaksanaan HRMIS Bil. 1/2011 pada 13 Jun 2011

LANGKAH SETERUSNYA

Bahagian Pengurusan Sumber Manusia (BPSM) sentiasa komited untuk memastikan sasaran 2012 yang ditetapkan bagi ketiga-tiga KPI tersebut dapat dicapai dengan menetapkan gerak kerja yang komprehensif.

Selain itu, penetapan KPI Fokus yang telah ditetapkan pada tahun 2012 berkaitan pengukuhan peranan Jabatan NRE dalam konservasi biodiversiti juga telah ditetapkan gerak kerja baru berkaitan perluasan pensampelan kepada pelanggan luaran Jabatan.

ENCIK ABDULL RASHID BIN SAAD (2011)
TUAN HAJI SUHAIMI BIN HAJI MAMAT (2012)
SETIAUSAHA BAHAGIAN TANAH, UKUR DAN PEMETAAN (BTUP)

HIGHLIGHTS 2011

- ① Mesyuarat Pemantauan Peluasan Projek e-Tanah

SASARAN

3 Kali
Mesyuarat

PENCAPAIAN

9 Kali
Mesyuarat

- ② Penyediaan Kertas Jemaah Menteri dalam Tempoh 30 Hari Bekerja

SASARAN

90%

PENCAPAIAN

100%

PENCAPAIAN 2011

96%

HIGHLIGHTS 2012

- ① Data Tanah-tanah Persekutuan di Seluruh Negara

SASARAN

Mendapatkan Data daripada
14 Buah Negeri/Wilayah

- ② Tanah Rizab Melayu

SASARAN

Mendapatkan Data daripada
10 Buah Negeri/Wilayah

- ③ Penandaan dan Pengukuran Sempadan antara Negeri-negeri

SASARAN

Memastikan Sekurang - kurangnya **1 MoU** Ditandatangani



TUAN HAJI SUHAIMI BIN HAJI MAMAT
Setiausaha Bahagian Tanah, Ukur dan Pemetaan (BTUP)

KPI 2012

3 Pencapaian
95% dan
ke atas

3 KPI

0 Pencapaian
85% hingga
94.9%

0 KPI

0 Pencapaian
84.9% dan
ke bawah

0 KPI

KRA / KPI	Pencapaian 2011	Pencapaian Setengah Tahun 2012			Sasaran 2012	Sasaran Outcome	Catatan
		Sasaran	Pencapaian	Status			
KPI FOKUS							
1. Data Tanah-tanah Persekutuan di Seluruh Negara							
1.1 Penyediaan dan pengemaskinian Data tanah-tanah Persekutuan di seluruh Negara (Sehingga 2011) mengikut Negeri/Wilayah	KPI Baru	8 negeri	100%		Mendapatkan data daripada 14 buah Negeri/Wilayah)	Perancangan pembangunan yang lebih teratur oleh Kerajaan Persekutuan untuk kesejahteraan rakyat	
KPI AGENSI SECARA SPESIFIK							
1. Tanah Rizab Melayu							
1.1 Penyediaan dan pengemaskinian Data Tanah Rizab Melayu di seluruh Negara mengikut Negeri/Wilayah	KPI Baru	6 negeri	100%		Mendapatkan data daripada 12 buah Negeri/Wilayah	Perancangan pembangunan oleh Kerajaan Negeri yang lebih teratur untuk kesejahteraan rakyat	
2. Penandaan dan Pengukuran Sempadan antara Negeri-negeri							
2.1 MoU bagi penandaan dan pengukuran sempadan antara negeri-negeri ditandatangani	KPI Baru	1 MoU	1 MoU		Memastikan sekurangnya 1 MoU ditandatangani	Dapat menentukan sempadan yang jelas antara negeri	Majlis menandatangani MoU penerimaan jajaran sempadan antara Pahang-Perak telah diadakan pada 26.6.12

PENCAPAIAN 2011

Pemantauan Peluasan Projek e-Tanah

Projek e-Tanah adalah merupakan salah satu daripada program kerajaan ke arah merealisasikan Kerajaan Elektronik. Matlamat projek ini adalah untuk menangani masalah-masalah semasa yang sering dihadapi oleh pentadbiran tanah seperti pentadbiran tanah kurang cekap, tunggakan urusan tanah yang banyak, perkhidmatan kurang mesra, mencegah penipuan, sistem sedia ada tidak bersepadu, penyelesaian kepada masalah data, kod, pelan dan kesukaran memperolehi maklumat tanah.

Dengan penubuhan pasukan Projek e-Tanah di bawah Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian (Persekutuan) [JKPTG] pada 1 Mac 2004, projek perintis e-Tanah ini telah pun dilaksanakan di Pulau Pinang mulai Oktober 2007. Sejak itu, Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah mendapat banyak manfaat daripada projek ini terutamanya dari segi peningkatan pembayaran cukai tanah sepertimana berikut:

- a) Sistem e-Tanah telah diguna pakai dalam pentadbiran tanah di Pulau Pinang mulai Oktober 2007.
- b) Lapan (8) modul utama (Pendaftaran, Hasil, Consent, Strata, Pembangunan, Pelupusan, Pengambilan dan Lelong) telah mula digunakan.
- c) Sehingga 12 Julai 2012, sebanyak 759,169 perserahan urusan niaga dan bukan urusan niaga telah dilakukan.
- d) Sejumlah RM601,070,264.19 cukai telah dikutip secara *online* dan melalui kaunter.
- e) Impak sistem e-Tanah terhadap hasil Kerajaan Negeri

Pada tahun 2008, e-Tanah menyumbang kepada peningkatan kutipan hasil tanah sebanyak 9.28% iaitu RM 92,044,993.32 dari RM 85,423,516.18 pada tahun 2007.

Bil	Tahun	Jumlah Kutipan (RM)
1	2007	85,423,516.18
2	2008	92,044,993.32
3	2009	105,879,962.26
4	2010	109,611,294.64

Jumlah kutipan hasil tanah (2007-2010)

Angka tersebut dapat direalisasikan hasil dari aktiviti-aktiviti yang telah dilaksanakan sepanjang tempoh pelaksanaan e-Tanah iaitu Integrasi Pendaftaran dan Sistem Hasil Pembersihan Data. Ini membawa kepada ketepatan bil hasil, kurang tunggakan dan penambahan saluran pembayaran cukai.

Selaras dengan usaha untuk merealisasikan Kerajaan Elektronik, projek ini sedang diperluaskan ke Negeri Sembilan dan Melaka dan akan diperluaskan ke negeri-negeri lain di Semenanjung Malaysia secara berperingkat.

Selaras daripada pencapaian JKPTG berhubung urusan pentadbiran tanah-tanah persekutuan dan pelaksanaan projek e-tanah, bahagian ini berperanan untuk mengawal selia dan memantau pelaksanaan dasar, undang-undang, peraturan dan keputusan-keputusan kerajaan mengenai tanah, ukur dan pemetaan. Sehubungan itu, mesyuarat-mesyuarat pemantauan diadakan yang bertujuan untuk memaklumkan dan memberi perkembangan terkini kepada Pengurusan Atasan NRE berhubung peluasan e-Tanah ke Negeri Sembilan dan Melaka.

Selain daripada mesyuarat-mesyuarat berskala kecil seperti *War Room* e-Tanah telah diadakan, Bahagian ini telah menyasarkan pada tahun 2011 untuk melaksanakan 3 kali mesyuarat. Walau bagaimanapun, Bahagian ini telah melaksanakan 9 kali mesyuarat pada tahun 2011 bagi mendapatkan keputusan dasar dalam usaha menangani masalah-masalah yang timbul seperti kelewatan mengikut jadual peluasan projek dan ralat-ralat kepada sistem.

LANGKAH SETERUSNYA

Pengurusan Atasan NRE berpandangan bahawa mesyuarat pemantauan projek e-Tanah masih boleh diteruskan tetapi tidak lagi menjadi sebahagian KPI Bahagian ini. Ini kerana melalui pemantauan yang rapi dan mengambil contoh di atas kejayaan di Pulau Pinang, masalah yang timbul telah berjaya ditangani dengan sebaik mungkin bagi peluasan Projek e-Tanah ke Negeri Sembilan dan Melaka.

Selaras dengan matlamat dan usaha NRE untuk memantapkan pengurusan, pentadbiran, fungsi dan aktiviti tanah, ukur dan pemetaan negara secara efektif dan efisien, KPI Bahagian ini telah dipinda kepada tiga (3) KPI seperti berikut:

BIL	KPI	SASARAN	PENCAPAIAN SEHINGGA JUN 2012	SASARAN <i>OUTCOME</i>
1	Penyediaan dan Pengemaskinian Data Tanah-Tanah Persekutuan di Seluruh Negara (Sehingga 2011) Mengikut Negeri / Wilayah	14 Negeri	8 Negeri	Perancangan pembangunan yang lebih teratur oleh Kerajaan Persekutuan untuk kesejahteraan rakyat.
2	Penyediaan dan Pengemaskinian Data Tanah-Tanah Rizab Melayu di Seluruh Negara Mengikut Negeri / Wilayah	10 Negeri di Semenanjung	6 Negeri	Perancangan pembangunan oleh Kerajaan Negeri yang lebih teratur untuk kesejahteraan rakyat
3	MoU bagi Penandaan dan Pengukuran Sempadan antara Negeri-negeri Ditandatangani	1MoU	1MoU	Dapat menentukan sempadan yang jelas antara negeri

KPI Bahagian Tanah, Ukur dan Pemetaan Tahun 2012

TUAN HAJI SUHAIMI BIN HAJI MAMAT (2011)
 ENCIK MOHD ASHRAF BIN MOHD NOOR (2012)
 SETIAUSAHA BAHAGIAN PENTADBIRAN DAN KEWANGAN (BPKN)

HIGHLIGHTS 2011

PENCAPAIAN 2011

100%

- 1 Peratus Pencapaian Perbelanjaan Peruntukan Mengurus Tahun 2011

SASARAN

99%

PENCAPAIAN

99.45%

- 2 Prestasi Pencapaian Pengurusan Aset dan Stor di NRE oleh Audit Negara

SASARAN

BAIK

PENCAPAIAN

BAIK

- 3 Pelaksanaan Pensijilan MS ISO 9001:2008 bagi Kementerian

SASARAN

MENGEKALKAN PENSIJILAN
 MS ISO 9001:2008

oleh SIRIM QAS
 International Sdn. Bhd.

PENCAPAIAN

PENSIJILAN TELAH
 DIKELUARKAN pada
 14 Januari 2011
 sehingga
 13 Januari 2014



HIGHLIGHTS 2012

- 1 Peratus Pencapaian Prestasi Pembayaran Bil & Tuntutan yang Lengkap di NRE dalam Tempoh:

SASARAN

- | | |
|-------------|-----|
| i) 14 Hari | 99% |
| ii) 7 Hari | 99% |
| iii) 3 Hari | 99% |

- 2 Pengauditan Pengurusan Kewangan Berdasarkan Indeks Akauntabiliti Tahun 2011

SASARAN

Mengekalkan
 Penarafan
4 BINTANG

ENCIK MOHD ASHRAF BIN MOHD NOOR
Setiausaha Bahagian Pentadbiran dan Kewangan (BPKN)

KPI 2012

6 Pencapaian
95% dan
ke atas

6 KPI

0 Pencapaian
85% hingga
94.9%

0 KPI

2 Pencapaian
84.9% dan
ke bawah

2 KPI

KRA / KPI	Pencapaian 2011	Pencapaian Setengah Tahun 2012			Sasaran 2012	Sasaran Outcome	Catatan
		Sasaran	Pencapaian	Status			
KPI FOKUS							
1. Pengurusan Kewangan Bahagian/Jabatan/Agensi NRE							
1.1 Peratus pencapaian prestasi pembayaran bil & tuntutan yang lengkap di NRE dalam tempoh 14 hari	KPI Baru	99%	100%		99%	99%-100% (Pengurusan Kewangan yang cemerlang)	
1.2 Peratus pencapaian prestasi pembayaran bil & tuntutan yang lengkap di NRE dalam tempoh 7 hari	KPI Baru	99%	94.39%		99%	99% (Pengurusan Kewangan yang cemerlang)	(Nota: Ketidacapaian adalah disebabkan oleh kekangan pegawai)
1.3 Peratus pencapaian prestasi pembayaran bil & tuntutan yang lengkap di NRE dalam tempoh 3 hari	KPI Baru	99%	40%		99%	99% (Pengurusan Kewangan yang cemerlang)	(Nota: Ketidacapaian adalah disebabkan oleh kekangan pegawai)
KPI AGENSI SECARA SPESIFIK							
1. Perbelanjaan Peruntukan Mengurus Tahun 2012							
1.1 Peratus pencapaian perbelanjaan peruntukan mengurus tahun 2012	99.45%	40%	51.04%		99%	99.4% (Pengurusan Kewangan yang cemerlang)	
2. Pengurusan Mesyuarat Utama NRE							
2.1 Mengurusetikan mesyuarat-mesyuarat utama NRE atas arahan Pengurusan Atasan	KPI Baru	95%	100%		95%	95%-100% (Sistem Penyampaian yang berkesan)	
3. Prestasi Pengurusan Aset dan Stor							
3.1 Prestasi pencapaian Pengurusan Aset dan Stor di Bahagian/ Jabatan/ Agensi NRE	Baik	Mengadakan Mesyuarat JKPAK Sukuan ke 1/2012	Telah mengadakan Mesyuarat JKPAK Sukuan ke 1 2012 pada 13 April 2012		Baik	Pengurusan Aset dan Stor yang cemerlang	
4. Budaya Kerja yang Berkualiti di Kementerian							
4.1 Pelaksanaan pensijilan MS ISO 9001:2008 bagi Kementerian	Pensijilan dikekalkan sehingga 13 Januari 2014	Mengadakan Bengkel Semakan Semula Manual & Prosedur Kualiti MS ISO 9001:2008	Satu Bengkel Semakan Semula Manual & Prosedur Kualiti MS ISO dan Kursus Audit dalam MS ISO 9001:2008 pada 9 -11 Mei 2012		Mengekalkan pensijilan MS ISO 9001:2008 NRE oleh SIRIM QAS International Sdn. Bhd.	Sijil dikekalkan (Budaya kerja yang berkualiti)	
5. Penarafan Berdasarkan Indeks Akauntabiliti (IA)							
5.1 Pengauditan pengurusan kewangan berdasarkan indeks akauntabiliti tahun 2011	KPI Baru	Mengadakan Mini Lab IA dan Audit IA	Telah melaksanakan Mini Lab IA pada 21 - 23 Jun 2012 Audit IA oleh Jabatan Audit Negara telah dijalankan pada 12 Januari hingga 23 Mac 2012		Mengekal - kan penarafan 4 bintang	Pengurusan kewangan yang cemerlang	

PENCAPAIAN 2011

Peratus Pencapaian Perbelanjaan Peruntukan Mengurus Tahun 2011

Peruntukan keseluruhan NRE pada tahun 2011 adalah sebanyak RM968,644,000.00 (setelah pindaan). Sasaran yang telah ditetapkan bagi pencapaian perbelanjaan peruntukan mengurus tahun 2011 adalah 99%. Pencapaian sebenar perbelanjaan peruntukan mengurus pada tahun 2011 adalah sebanyak 99.45% atau bersamaan dengan RM963,269,159.95. Pencapaian ini telah melebihi sasaran yang telah ditetapkan sebanyak 0.45%.

Prestasi Pencapaian Pengurusan Aset dan Stor di NRE oleh Audit Negara

Prestasi pengurusan aset dan stor lazimnya dipantau melalui pengauditan yang dijalankan oleh pihak audit sekurang-kurangnya sekali tahun. Bagi tahun 2011, berdasarkan laporan Pengauditan Kewangan oleh Unit Audit Dalam NRE, pencapaian prestasi pengurusan aset dan stor di NRE adalah dikategorikan sebagai Baik.

Pelaksanaan Pensijilan MS ISO 9001:2008 bagi Kementerian

Kementerian telah berusaha ke arah pensijilan MS ISO 9001:2008 selaras dengan arahan kerajaan. Kementerian telah berjaya mendapat pensijilan MS ISO 9001:2008 pada 14 Januari 2011 dari SIRIM QAS International Sdn Bhd. Sijil tersebut sah selama tiga (3) tahun iaitu sehingga 13 Januari 2014.

Dalam tempoh tiga (3) tahun pensijilan, pengauditan dan pemantauan berjadual perlu dijalankan. Mesyuarat Kajian Semula Pengurusan (MKSP) perlu dijalankan dua (2) kali setahun bagi tujuan mengekalkan pensijilan sehingga 13 Januari 2014.

Peratus Pencapaian Prestasi Pembayaran Bil dan Tuntutan yang Lengkap di NRE

Peratusan pencapaian prestasi NRE adalah 100% berbanding peratusan keseluruhan termasuk Jabatan lain iaitu 99.99%. NRE sedang berusaha untuk meningkatkan peratus pencapaian pembayaran bil dalam tempoh 7 hari dan 3 hari. Bagi merealisasikan hasrat tersebut NRE telah melantik 2 pekerja sambilan harian untuk membantu kerja-kerja memantau pembayaran bil. Perkara ini juga perlu dilaksanakan di PTJ lain sekiranya prestasi pencapaian keseluruhan bagi tempoh 7 hari dan 3 hari hendak ditingkatkan.



Pengurusan stor NRE yang teratur dan disusun rapi



Penyampaian cenderahati daripada KSU NRE kepada Timbalan Ketua Audit Negara Sektor Audit Kerajaan Persekutuan

Pengauditan Pengurusan Kewangan Berdasarkan Indeks Akauntabiliti Tahun 2011

Pada tahun 2011, Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar telah mencapai pencapaian yang paling gemilang dalam Pengauditan Pengurusan Kewangan berdasarkan Indeks Akauntabiliti Tahun 2010 dengan menduduki tempat pertama di kalangan 28 Kementerian di tahap Penarafan 4 Bintang dengan markah keseluruhan 97.43%.



Barisan Panel Penilaian Pengauditan Kewangan berdasarkan Indeks Akauntabiliti Tahun 2011

LANGKAH SETERUSNYA

Bagi tahun 2012, prestasi pengurusan aset dan stor akan terus dipantau melalui pengauditan yang dijalankan oleh Unit Audit Dalam NRE dan Jabatan Audit Negara. Laporan bagi prestasi ini dijangka akan diperolehi pada penghujung tahun 2012.

Bagi Pengurusan Kewangan tahun 2011, Kementerian telah diaudit oleh Jabatan Audit Negara mulai 12 Januari hingga 24 Februari 2012. *Exit Conference* telah diadakan pada 23 April 2012. Laporan penuh pengauditan dijangka akan dikeluarkan selepas Oktober 2012. Pada tahun 2012, Kementerian telah menetapkan sasaran untuk mengekalkan penarafan 4 Bintang.

KPI PENGURUSAN ATASAN BAGI UNIT



TUAN FARIDZ GOHIM BIN ABDULLAH

KETUA UNIT UNDANG-UNDANG (UUU)

PENCAPAIAN 2011

100%

HIGHLIGHTS 2011

- 1 Peratus Nasihat Perundangan Bertulis Dikeluarkan dalam Tempoh 21 Hari Bekerja (dengan Syarat Dokumen dan Maklumat adalah Lengkap)

SASARAN ▶ 82%

PENCAPAIAN ▶ 93.75%
(15 daripada 16 Permohonan)

- 2 Peratus Draf Perjanjian/Memorandum Persefahaman Disemak dalam Tempoh 14 Hari Bekerja (dengan Syarat Dokumen dan Maklumat adalah Lengkap)

SASARAN ▶ 82%

PENCAPAIAN ▶ 88.74%
(205 daripada 231 Permohonan)

- 3 Peratus Draf Perundangan Utama/Perundangan Subsidiari Disemak dalam Tempoh 28 Hari Bekerja (dengan Syarat Isu Dasar dan Polisi telah Diselesaikan di Peringkat Bahagian/Jabatan)

SASARAN
82%

PENCAPAIAN
91.66%
(22 daripada 24 Permohonan)



HIGHLIGHTS 2012

- 1 Peratus Nasihat Perundangan Bertulis Dikeluarkan dalam Tempoh 21 Hari Bekerja (dengan Syarat Dokumen dan Maklumat adalah Lengkap)

SASARAN ▶ 90%

- 2 Peratus Draf Perundangan Utama/Perundangan Subsidiari Disemak dalam Tempoh 28 Hari Bekerja (dengan Syarat Isu Dasar dan Polisi telah Diselesaikan di Peringkat Bahagian/Jabatan)

SASARAN ▶ 88%

TUAN FARIDZ GOHIM BIN ABDULLAH
Ketua Unit Undang-Undang (UUU)

KPI 2012

1

Pencapaian
95% dan
ke atas

1 KPI

1

Pencapaian
85% hingga
94.9%

1 KPI

1

Pencapaian
84.9% dan
ke bawah

1 KPI

KRA / KPI	Pencapaian 2011	Pencapaian Setengah Tahun 2012			Sasaran 2012	Sasaran Outcome	Catatan
		Sasaran	Pencapaian	Status			
KPI FOKUS							
1. Mempercepatkan Penggubalan Perundangan Utama/ Perundangan Subsidiari							
1.1 Peratus Perundangan Utama/ Perundangan Subsidiari yang telah disemak oleh Unit Undang-Undang NRE dalam tempoh 28 hari bekerja dengan syarat isu dasar dan polisi telah diselesaikan di peringkat Bahagian/ Jabatan.	91.66 % (22 daripada 24 permohonan memenuhi tempoh masa yang ditetapkan)	88%	100% (10 daripada 10 permohonan memenuhi tempoh masa yang ditetapkan)		88%	<ul style="list-style-type: none"> • Draf Perundangan Utama dapat diangkat untuk kelulusan Penggubal Undang-Undang Parlimen, seterusnya diangkat untuk perbahasan di Parlimen, diluluskan dan diwartakan. • Draf Perundangan Subsidiari dapat diangkat untuk kelulusan Penggubal Undang-Undang Parlimen dan diwartakan. 	Sasaran 2012 hanya dibuat dalam bentuk peratus memandangkan jumlah sebenar permohonan tidak dapat dimuktamadkan kerana ia berdasarkan jumlah permohonan Jabatan/ Bahagian
KPI AGENSI SECARA SPESIFIK							
1. Memberi Nasihat Perundangan Bertulis							
1.1 Peratus nasihat perundangan bertulis yang dikeluarkan oleh Unit Undang-Undang NRE dalam tempoh 21 hari bekerja dengan syarat dokumen dan maklumat yang diberikan adalah lengkap	93.75% (15 daripada 16 permohonan memenuhi tempoh masa yang ditetapkan)	90%	87.5% (14 daripada 16 permohonan memenuhi tempoh masa yang ditetapkan)		90%	Jabatan/ Bahagian dapat membuat keputusan yang tepat dengan kadar yang cepat.	Sasaran 2012 hanya dibuat dalam bentuk peratus memandangkan jumlah sebenar permohonan tidak dapat dimuktamadkan kerana ia berdasarkan jumlah permohonan Jabatan/ Bahagian
2. Menyemak Perjanjian / Memorandum Persefahaman							
2.1 Peratus draf perjanjian dan draf memorandum persefahaman yang telah disemak oleh Unit Undang-Undang NRE dalam tempoh 14 hari bekerja dengan syarat dokumen dan maklumat yang diberikan adalah lengkap	88.74% (205 daripada 231 permohonan memenuhi tempoh masa yang ditetapkan)	85%	80% (88 daripada 110 permohonan memenuhi tempoh masa yang ditetapkan)		85%	Jabatan/ Bahagian dapat menjalankan projek seterusnya pembayaran dapat dibuat.	Sasaran 2012 hanya dibuat dalam bentuk peratus memandangkan jumlah sebenar permohonan tidak dapat dimuktamadkan kerana ia berdasarkan jumlah permohonan Jabatan/ Bahagian

PENCAPAIAN 2011

Nasihat Perundangan Bertulis yang Dikeluarkan oleh Penasihat Undang-Undang


Perkara 145(2) Perlembagaan Persekutuan menyatakan:-

“Menjadi *kewajipan Peguam Negara menasihati Yang di-Pertuan Agong atau Jemaah Menteri atau mana-mana Menteri mengenai apa-apa perkara undang-undang, dan melaksanakan apa-apa tugas lain yang bersifat undang-undang, yang dari semasa ke semasa dirujuk atau ditugaskan kepadanya oleh Yang di-Pertuan Agong atau Jemaah Menteri, dan menunaikan fungsi yang diberikan kepadanya oleh atau di bawah Perlembagaan ini atau mana-mana undang-undang bertulis yang lain.*”

Merujuk kepada peruntukan di atas, maka adalah jelas bahawa Peguam Negara dipertanggungjawabkan untuk menasihati Yang di-Pertuan Agong atau Jemaah Menteri mengenai apa-apa perkara undang-undang. Di Kementerian, tugas ini dilaksanakan oleh Penasihat Undang-Undang (PUU) bagi pihak Peguam Negara. Bagi menjalankan tugas dan tanggungjawab tersebut, PUU mengambil inisiatif supaya tempoh masa nasihat perundangan bertulis yang dikeluarkan oleh PUU mematuhi tempoh masa yang ditetapkan iaitu 21 hari bekerja, dengan syarat maklumat dan dokumen yang diberikan adalah lengkap. Pada tahun 2011, PUU meletakkan sasaran sebanyak 82% daripada keseluruhan jumlah permohonan mematuhi tempoh masa yang ditetapkan. Sasaran ini dibuat dalam bentuk peratusan memandangkan jumlah sebenar permohonan adalah bergantung kepada keperluan Bahagian/ Jabatan di bawah Kementerian. Berdasarkan laporan akhir tahun 2011, PUU telah berjaya mencapai 93.75% iaitu 15 daripada 16 permohonan untuk nasihat perundangan bertulis berjaya dikeluarkan dalam tempoh masa yang ditetapkan.

Perjanjian/Memorandum Persefahaman yang Digubal/Disemak oleh Penasihat Undang-Undang


Perjanjian/memorandum persefahaman (MoU) adalah dokumen perundangan yang menyatakan secara terperinci mengenai hak dan obligasi pihak-pihak yang terlibat. Bagi perjanjian / MoU yang melibatkan Kerajaan Malaysia yang diwakili oleh Bahagian/Jabatan di Kementerian, dokumen perundangan tersebut akan digubal/disemak oleh PUU bagi memastikan peruntukan-peruntukan lazim dan peruntukan-peruntukan yang bertujuan menjaga kepentingan Kerajaan dimasukkan sebagai klausa perjanjian MoU tersebut. Dalam menjalankan tugas tersebut, PUU mengambil inisiatif supaya tempoh masa perjanjian/MoU yang disemak oleh PUU mematuhi tempoh masa yang ditetapkan iaitu 14 hari bekerja, dengan syarat, maklumat dan dokumen yang diberikan adalah lengkap. Pada tahun 2011, PUU meletakkan sasaran sebanyak 82% daripada keseluruhan jumlah permohonan mematuhi tempoh masa yang ditetapkan. Sasaran ini dibuat dalam bentuk peratusan memandangkan jumlah sebenar permohonan adalah bergantung kepada keperluan Bahagian/Jabatan di bawah Kementerian. Berdasarkan laporan akhir tahun 2011, PUU telah berjaya mencapai 88.74% iaitu 205 daripada 231 permohonan untuk perjanjian / MoU berjaya disemak dalam tempoh masa yang ditetapkan.



Buku ini menyediakan garis panduan asas mengenai mekanisma perundangan berkaitan perlindungan dan pemuliharaan alam sekitar di Malaysia



Kontrak kerajaan digubal dan disemak bagi menjamin kepentingan kerajaan



Perlembagaan Persekutuan merupakan undang-undang utama di Malaysia

Perundangan Utama/Perundangan Subsidiari yang Disemak oleh Penasihat Undang-Undang

Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar merupakan sebuah Kementerian yang mempunyai skop bidang yang meluas kerana terdiri daripada pelbagai jabatan yang besar. Skop bidang yang meluas ini secara tidak langsung, menjadi faktor penyumbang kepada penggubalan perundangan utama/perundangan subsidiari yang bertujuan untuk mengawalselia aktiviti melibatkan sumber asli dan alam sekitar. Bagi tujuan penggubalan/pindaan perundangan utama/perundangan subsidiari ini, PUU adalah bertanggungjawab untuk menyemak draf perundangan utama/draf perundangan subsidiari tersebut sebelum dimajukan kepada Bahagian Gubalan, Jabatan Peguam Negara bagi mendapatkan kelulusan Penggubal Undang-Undang Parlimen. Dalam menjalankan tugas tersebut, PUU mengambil inisiatif supaya tempoh masa perundangan utama/perundangan subsidiari yang disemak oleh PUU mematuhi tempoh masa yang ditetapkan iaitu 28 hari bekerja, dengan syarat, isu dasar dan polisi telah diselesaikan di peringkat Bahagian/Jabatan. Pada tahun 2011, PUU meletakkan sasaran sebanyak 82% daripada keseluruhan jumlah permohonan mematuhi tempoh masa yang ditetapkan. Sasaran ini dibuat dalam bentuk peratusan memandangkan jumlah sebenar permohonan adalah bergantung kepada keperluan Bahagian/Jabatan di bawah Kementerian. Berdasarkan laporan akhir tahun 2011, PUU telah berjaya mencapai 91.66% iaitu 22 daripada 24 permohonan untuk perundangan utama/perundangan subsidiari berjaya disemak dalam tempoh masa yang ditetapkan.

LANGKAH SETERUSNYA

Untuk langkah seterusnya, PUU akan berusaha untuk meningkatkan kadar peratusan yang berjaya mematuhi tempoh masa yang ditetapkan merangkumi bidang tugas utama iaitu nasihat perundangan bertulis yang dikeluarkan, perjanjian/MoU yang digubal/disemak dan perundangan utama/perundangan subsidiari yang disemak. Bagi langkah penambahbaikan, PUU mengambil inisiatif untuk melaksanakan sistem pemantauan bagi setiap pegawai oleh Ketua Jabatan, sistem *alert* tempoh masa yang dikendalikan oleh kakitangan Unit Undang-Undang dan penganjuran kursus berkaitan undang-undang terutamanya kursus asas dalam pengurusan kontrak Kerajaan supaya pengetahuan berkaitan undang-undang kontrak dapat dikongsi bersama Bahagian/Jabatan. Bagi tahun 2012, YB Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar telah mencadangkan supaya penggubalan perundangan utama/perundangan subsidiari dipercepatkan. Bagi memenuhi cadangan YB Menteri, PUU akan berusaha untuk menyemak draf perundangan utama/perundangan subsidiari ini kurang daripada tempoh masa yang ditetapkan.

PUAN YAMUNA A/P PERIMALU

KETUA UNIT KOMUNIKASI KORPORAT (UKK)

HIGHLIGHTS 2011

PENCAPAIAN 2011

100%

- 1 Bilangan Penyelesaian Aduan Kementerian/
Jabatan/Agensi dalam Tempoh 15 Hari

SASARAN

92%

PENCAPAIAN

100%

- 2 Bilangan Pelaksanaan Hari Bertemu
Pelanggan dalam Masa Setahun

SASARAN

6 Kali

PENCAPAIAN

8 Kali

- 3 Bilangan Nota kepada Pengarang/
Media Massa yang Dikeluarkan oleh
Unit Komunikasi Korporat

SASARAN

60 Nota

PENCAPAIAN

60 Nota



HIGHLIGHTS 2012

- 1 Penerbitan Artikel/Berita Positif di Akhbar
Berkenaan Usaha-usaha NRE

SASARAN

24 Artikel

- 2 Bilangan Program Kembara Bersama Media
Diadakan dalam Masa Setahun

SASARAN

8 Kali



**PUAN YAMUNA A/P PERIMALU
Ketua Unit Komunikasi Korporat (UKK)**

5 Pencapaian
95% dan
ke atas

0 Pencapaian
85% hingga
94.9%

0 Pencapaian
84.9% dan
ke bawah

5 KPI

0 KPI

0 KPI

KPI 2012

KRA / KPI	Pencapaian 2011	Pencapaian Setengah Tahun 2012			Sasaran 2012	Sasaran Outcome	Catatan
		Sasaran	Pencapaian	Status			
KPI FOKUS							
1. Meningkatkan Imej Kementerian (<i>Higher Publicity/ Article</i>)							
1.1 Penerbitan artikel/berita positif di akhbar berkenaan usaha-usaha NRE	40 artikel/berita	12 artikel/berita	12 artikel/berita		24 artikel/berita setahun	Meningkatkan imej Kementerian melalui artikel/berita positif di akhbar	2 artikel/berita sebulan
KPI AGENSI SECARA SPESIFIK							
1. Pengurusan Aduan Awam							
1.1 Penyelesaian aduan Kementerian/ Jabatan/ Agensi dalam tempoh 15 hari	99%	95%	99.5%		95%	Penambah-baikkan sistem penyampaian perkhidmatan melalui pengurusan aduan yang efektif	
2. Hari Bertemu Pelanggan							
2.1 Bilangan melaksanakan Hari Bertemu Pelanggan dalam masa setahun	8 kali setahun	3 kali	5 kali		6 kali setahun	Mendekati rakyat secara bersemuka (turun padang)	
3. Menyelaras Liputan Media Massa bagi Majlis-Majlis Rasmi Kementerian/Jabatan/Agensi							
3.1 Bilangan Nota Kepada Pengarang/ Media Massa yang dikeluarkan oleh Unit Komunikasi Korporat	60 Nota	30 Nota	103 Nota		60 Nota Kepada Pengarang dihantar kepada media massa	Liputan media massa terhadap Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar meningkat	
4. Program Kembara Bersama Media							
4.1 Bilangan program Kembara Bersama Media diadakan dalam masa setahun	KPI Baru	4 kali	4 kali		8 kali	Mengeratkan hubungan dengan rakan media di samping mempromosi kawasan-kawasan eko-pelancongan	

PENCAPAIAN 2011

Pengurusan Aduan Awam

Pengurusan aduan awam merupakan elemen penting dalam Program Transformasi Kerajaan ke arah meningkatkan sistem penyampaian perkhidmatan kerajaan. Ini kerana pengurusan aduan memberikan kesan kepada imej organisasi samada kerajaan mahupun swasta. Unit Komunikasi Korporat, Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar diberikan mandat untuk menyelaraskan aduan-aduan berhubung bidang dan tanggungjawab sumber asli dan alam sekitar.

Pengurusan Aduan di NRE dikendalikan secara berpusat dan dipantau melalui Mesyuarat Jawatankuasa Pegawai-pegawai Perhubungan Aduan yang dilaksanakan sebanyak tiga kali setahun. Jawatankuasa terdiri daripada Pegawai-pegawai di Bahagian/Jabatan dan Agensi yang bertanggungjawab dalam urusan pengendalian aduan. Jawatankuasa Pengurusan Aduan NRE ini dipengerusikan oleh Setiausaha Bahagian Kanan (Khidmat Pengurusan), NRE.

Keperluan ini selaras dengan arahan Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bilangan 1 Tahun 2009: Penambahbaikan dalam Pengurusan Aduan antara yang paling penting ialah penyelesaian aduan dalam tempoh 15 hari bekerja.

Bagi tempoh 2011, NRE telah berjaya mencapai 100% penyelesaian aduan. Pengiktirafan yang ini telah dikeluarkan oleh Biro Pengaduan Awam melalui Surat Penghargaan BPA No. Ruj BPA.PA 87/463/1-1 Jld 2 (34).

Hari Bertemu Pelanggan NRE

Menyedari kepentingan untuk meningkatkan sistem penyampaian perkhidmatan kerajaan, NRE telah meneruskan inisiatif lagi dengan mengadakan program Hari Bertemu Pelanggan (HBP) sebanyak 7 kali bagi tahun 2011. Pelaksanaan HBP merupakan usaha untuk meningkatkan kefahaman masyarakat dan kumpulan sasar seterusnya memenuhi ekspektasi *stakeholder*. Program berbentuk *outreach* ini juga antara lainnya untuk mempromosikan perkhidmatan dan meningkatkan imej kementerian serta mendekati khalayak di negeri-negeri dan daerah. Lokasi yang telah dipilih pada tahun 2011 antaranya ialah sekitar Lembah Kelang (Zoo Negara, *Putra World Trade Centre*, *Putrajaya International Convention Centre*), Pahang (*Pekan Waterfront*), Sarawak (*Kuching Waterfront*) dan Johor (Dataran Tanjong Mas, Muar). Antara aktiviti yang diadakan ialah pameran, ceramah, kaunter aduan dan maklumbalas pelanggan serta pendaftaran Rakan Alam Sekitar.



Bengkel Pengurusan Aduan dan Ekspektasi Pelanggan NRE 2011 telah diadakan pada 28 hingga 30 Disember 2011 bertempat di Hotel Bayview Beach Resort, Pulau Pinang dengan kerjasama Biro Pengaduan Awam (JPA) dan Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU) bagi menambahbaik dan meningkatkan kepakaran serta kemahiran pegawai yang bertanggungjawab dalam pengurusan aduan



Petugas NRE bersama Pelanggan di Hari Bertemu Pelanggan NRE yang diadakan pada 19 hingga 21 Mei 2011 bertempat di *Putra World Trade Centre*, Kuala Lumpur. Program yang diadakan sempena Sambutan Malaysia Tourism Fair memberi peluang kepada khalayak dan pihak NRE untuk bertemu dan berkongsi pandangan dalam pengurusan sumber asli dan alam sekitar



Peserta Kembara Bersama Media Siri 3/2012 memberikan aksi yang menarik sewaktu lawatan peserta ke Pulau Payar Langkawi, Kedah pada 19 Mei 2012.

Kembara Bersama Media

Kembara Bersama Media (KBM) telah dimulakan sejak tahun 2010 sebagai usaha untuk meningkatkan kerjasama di antara Kementerian dan pihak Media. Selaras dengan arahan YB Menteri sewaktu mempengerusikan Mesyuarat *Work Camp* 2012 telah memutuskan bahawa program KBM NRE boleh dijadikan sebagai satu wadah kerjasama pintar di antara media massa dengan NRE bagi membantu memaparkan usaha-usaha yang dibuat oleh NRE, Jabatan dan Agensi ke arah menerajui pengurusan sumber asli dan pemuliharaan alam sekitar secara lestari. Sehubungan itu, Di samping itu, YB Menteri telah mengarahkan agar program KBM dianjurkan sebanyak 8 kali siri bagi tahun 2012.

LANGKAH SETERUSNYA

Penerbitan Artikel/Berita Positif

Selaras dengan keperluan untuk memenuhi keperluan Pelan Strategik NRE 2010-2015, Unit Komunikasi Korporat memberikan fokus utama dalam penerbitan artikel/berita positif dalam akhbar-akhbar utama di Malaysia sebagai usaha untuk meningkatkan imej NRE. Sehubungan itu, bagi tahun 2012 sebanyak 24 artikel disasarkan untuk diterbitkan sebagai usaha untuk mempromosikan usaha-usaha pihak kerajaan dalam bidang sumber asli dan alam sekitar.

ENCIK ABD GHANI BIN SULAIMAN

KETUA UNIT AUDIT DALAM (UAD)

PENCAPAIAN 2011

100%

HIGHLIGHTS 2011

- 1 Pre-audit di Kementerian Supaya Mencapai Sekurang-kurangnya 3 Bintang dalam Penarafan Indeks Akauntabiliti (AI)

SASARAN

3 Bintang (70% - <89%)

PENCAPAIAN

4 Bintang (97.4%)



- 2 Pengauditan Pengurusan Kewangan

SASARAN

8 PTJ (4 PTJ Negeri dan 4 PTJ Ibu Pejabat)

PENCAPAIAN

10 PTJ (5 PTJ Negeri dan 5 PTJ Ibu Pejabat)



- 3 Pengauditan Prestasi Terhadap Program/ Aktiviti yang Dipilih dan Diluluskan oleh KSU

SASARAN

4 Program/Aktiviti

PENCAPAIAN

4 Program/Aktiviti

HIGHLIGHTS 2012

- 1 Ke arah Sifar Teguran daripada Ketua Audit Negara Tahun 2015 bagi Penarafan Indeks Akauntabiliti (AI)

SASARAN

80% Kriteria Audit Dipatuhi

- 2 Pengauditan Prestasi Terhadap Program/Aktiviti yang Dipilih dan Diluluskan oleh KSU

SASARAN

4 Program/Aktiviti

ENCIK ABD GHANI BIN SULAIMAN
Ketua Unit Audit Dalam (UAD)

KPI 2012

6 Pencapaian
95% dan
ke atas

0 Pencapaian
85% hingga
94.9%

2 Pencapaian
84.9% dan
ke bawah

6 KPI

0 KPI

2 KPI

KRA / KPI	Pencapaian 2011	Pencapaian Setengah Tahun 2012			Sasaran 2012	Sasaran Outcome	Catatan
		Sasaran	Pencapaian	Status			
KPI FOKUS							
1. Ke arah Sifar Teguran daripada Ketua Audit Negara Tahun 2015 bagi Penarafan Indeks Akauntabiliti (AI)							
1.1 Pencapaian sifar teguran audit di Kementerian/ Jabatan/ Agensi	KPI Baru	Pengauditan Susulan di Kementerian	Pengauditan Susulan selesai pada 9 Januari 2012	●	80% kriteria audit dipatuhi	Pengurusan Kewangan yang cemerlang di Kementerian/ Jabatan/ Agensi dalam setiap kawalan	Pengauditan Susulan kali kedua di 4 Jabatan/ Agensi pada Nov/ Disember 2012
		Pengauditan di 2 Jabatan/ Agensi	Pengauditan Susulan di INSTUN dan JTLM	●			
KPI AGENSI SECARA SPESIFIK							
1. Pengauditan Dokumen Tender							
1.1 Dokumen tender diaudit sebelum ditandatangani	KPI Baru	100% (18 pra dokumen tender)	100% (18 pra dokumen tender)	●	100%	Pematuhan terhadap peraturan pengurusan tender	
2. Pengauditan Kewangan di Kementerian/ Jabatan/ Agensi di NRE							
2.1 Pre-audit di Kementerian untuk mengekalkan 4 bintang dalam Penarafan Indeks Akauntabiliti (AI)	4 bintang (97.4%)	Tindakan Kementerian	TB	TB	4 bintang (95% - 100%)	Mengekalkan kecemerlangan dalam Penarafan AI	Tindakan membuat penambah-baikkan
2.2 Pre-audit di Jabatan/ Agensi supaya mencapai sekurang-kurangnya 3 bintang dalam Penarafan Indeks Akauntabiliti (AI)	3 Jabatan dan 1 Agensi mencapai 3 bintang	Tindakan Jabatan/ Agensi	TB	TB	3 bintang (85% - 89%)	Memastikan kecemerlangan Kementerian dalam Penarafan AI turut dicapai oleh Jabatan/ Agensi	Tindakan Jabatan membuat penambah-baikkan
2.3 Pengauditan Pengurusan Kewangan	10 PTJ (5 PTJ Negeri & 5 PTJ Ibu Pejabat)	4 PTJ	4 PTJ	●	4 PTJ Ibu Pejabat dan 4 PTJ di negeri	Memastikan tahap pengurusan kewangan yang semakin baik	2 PTJ akan diaudit pada bulan Oktober 2012
2.4 Penampilan Audit di Pusat Tanggungjawab (PTJ)/Pusat Kos peringkat negeri	5 negeri melibatkan 16 PTJ	4 negeri (12 PTJ /Pusat Kos)	6 negeri (19 PTJ/ Pusat Kos)	●	6 negeri melibatkan 19 PTJ/Pusat Kos	Memastikan tahap pengurusan kewangan yang semakin baik di setiap PTJ	
2.5 Pengauditan Interim	KPI Baru	2 kali	2 kali	●	4 kali	Pematuhan ICT	
3. Pengauditan Prestasi di Kementerian/Jabatan/Agensi di NRE							
3.1 Pengauditan Prestasi terhadap program/ aktiviti yang dipilih dan diluluskan oleh KSU	4 program/ aktiviti telah diaudit	2 program/ aktiviti	2 program/ aktiviti	●	4 program/ aktiviti	Objektif program dicapai serta adanya <i>value for money</i>	Pemerhatian Audit pada bulan Sept dan Nov 2012
3.2 Pengauditan sistem ICT di bawah Kementerian/ Jabatan/ Agensi diaudit	1 Sistem ICT	1 Sistem ICT	0 Sistem ICT	●	1 Sistem ICT	Sistem ICT beroperasi dengan baik	Pengauditan dimulakan pada bulan Julai 2012

PENCAPAIAN 2011

Pre-audit di Kementerian Supaya Mencapai Sekurang-kurangnya 3 Bintang dalam Penarafan Indeks Akauntabiliti (AI)

Sistem Penarafan Indeks Akauntabiliti (AI) oleh Jabatan Audit Negara dapat meningkatkan budaya akauntabiliti dan integriti dalam perkhidmatan awam dan mengubah persepsi umum tentang ketidakcekapan Kementerian/Jabatan/Agensi menguruskan wang awam melalui tindakan proaktif untuk memperbaiki kualiti pengurusan dari segi pematuhan terhadap undang-undang, peraturan dan prosedur kewangan. Kementerian/Jabatan/Agensi yang diberi penarafan yang cemerlang boleh dijadikan sebagai tanda aras kepada Kementerian/Jabatan/Agensi yang lain.

Bermula dengan pencapaian kedudukan kedua terbawah bagi AI tahun 2006, NRE telah menetapkan sasaran untuk mencapai sekurang-kurangnya 3 bintang iaitu bertaraf baik bagi AI tahun 2007. Selaras dengan sasaran NRE, UAD mula menjalankan pre-audit melalui Pengauditan Susulan di peringkat Kementerian bagi memastikan tindakan pembetulan dan penambahbaikan telah dilaksanakan serta penarafan 3 bintang dicapai bagi tahun 2007 dan 2008. Adalah menjadi hasrat NRE bagi tahun 2009 tahap 4 bintang dapat digapai. Justeru itu langkah *preventive* dijalankan oleh UAD melalui pre-audit dan penarafan cemerlang bagi NRE buat julung-julung kalinya iaitu pada kedudukan keempat.

Hakikatnya kecemerlangan pengurusan kewangan bukanlah sesuatu yang mustahil untuk dicapai. UAD turut memainkan peranan bagi membantu NRE mengekalkan penarafan 4 bintang dan usaha giat dijalankan melalui pre-audit telah menyumbang kepada pengekalan 4 bintang dan di kedudukan pertama bagi AI tahun 2010. Kita berharap kecemerlangan NRE dalam AI yang turut dijadikan KPI YBhg. Datuk KSU dan KUAD dapat dikekalkan pada tahun-tahun mendatang.

Pengauditan Pengurusan Kewangan

Kecemerlangan NRE dalam pengurusan kewangan tidak bermakna jika Jabatan/Agensi di bawahnya tidak cemerlang. Justeru itu, Pengauditan Pengurusan Kewangan di Ibu Pejabat Jabatan dan Jabatan di negeri turut dijadikan KPI KUAD. 4 Ibu Pejabat yang dijangka terpilih bagi AI tahun 2010 oleh Jabatan Audit Negara telah dijalankan pre-audit bagi memastikan teguran audit tidak berulang dan meminimalkan kelemahan yang akan dibangkitkan di dalam Laporan Ketua Audit

Negara dengan sasaran sekurang-kurangnya 3 bintang. Jabatan di negeri tidak ditinggalkan begitu sahaja oleh UAD. 4 Jabatan dirancang untuk dilawati bagi menilai tahap pengurusan kewangan.

Bagi tahun 2011 UAD telah berjaya menjalankan pengauditan di 10 Pusat Tanggungjawab melebihi 2 daripada sasaran yang ditetapkan. Selain itu, sasaran AI yang ditetapkan telah dicapai di mana 4 Jabatan/Agensi telah mendapat 3 bintang. Bagaimanapun, kecemerlangan Kementerian perlu dijadikan tanda aras bagi memastikan Ibu Pejabat Jabatan turut mendapat tahap cemerlang dalam AI.

Pengauditan Prestasi Terhadap Program/Aktiviti yang Dipilih dan Diluluskan oleh Ketua Setiausaha (KSU)

Pengauditan adalah suatu kaedah untuk menilai semula sistem dan proses yang sedia ada, agar apa jua kelemahan yang timbul dapat diperbaiki dan diatasi iaitu proses *check and balance*. Ini amat penting bagi mengekang penyalahgunaan kuasa, pembaziran dan penyelewengan dana awam, yang sekiranya tidak dibendung pastinya mempunyai implikasi negatif terhadap imej dan proses pembangunan negara.

Prinsip *value for money* hendaklah sentiasa ditekankan di samping *outcome* atau impak positif bagi setiap perbelanjaan yang dilakukan. Setiap projek atau aktiviti hendaklah dirancang terlebih dahulu dan diuruskan secara efisien, ekonomik dan berkesan. Justeru itu, Pengauditan Prestasi juga merupakan *core business* UAD. 4 Kajian Audit telah dirancang untuk dilaksanakan sepanjang tahun 2011 dan ianya telah dapat dilaksanakan oleh UAD dan telah dibentang di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Audit NRE. Hasil penemuan audit telah dapat membantu pihak Kementerian/Jabatan/Agensi membuat penambahbaikan yang sewajarnya dan memberi nilai tambah terhadap pengurusan program dan aktiviti masing-masing.



Kajian Audit Terhadap Program Satu Negeri Satu Sungai (1N1S) - *Inflatable Rubber Dam* di Sungai Kinta, Perak.



Kajian Audit Terhadap Program Rakan Alam Sekitar (RAS) - Program Penghijauan di SMK Teloi Kanan, Kedah

LANGKAH SETERUSNYA

Pencapaian sasaran KPI tahun 2011 tidak harus menjadikan warga UAD berpuas hati dengan tahap tersebut sahaja. Kecemerlangan NRE dalam AI perlu diteruskan agar pencapaian 4 bintang tetap dalam genggaman dan pematuhan terhadap kriteria audit dipertingkatkan oleh NRE. Sehubungan itu, bagi merealisasikan hasrat tersebut, KPI Fokus bagi KUAD telah ditetapkan bagi tahun 2012 iaitu ke arah pencapaian sifar teguran audit di Kementerian/Jabatan/Agensi. UAD telah menetapkan sasaran 80% kriteria AI dipatuhi dan ini merupakan satu tugas yang berat bagi UAD. Usaha dan kerjasama semua warga NRE dapat memastikan impian dan hasrat kecemerlangan AI berterusan.

Pengauditan Prestasi terhadap program/aktiviti tetap menjadi sasaran KPI KUAD tahun 2012 memandangkan ianya adalah salah satu agenda utama UAD. Dasar-dasar awam yang diperkenalkan oleh Kerajaan pada hakikatnya mempunyai niat yang murni, iaitu manfaat serta kesejahteraan rakyat dan negara. Namun jika program dan projek bagi menterjemahkan dasar tersebut tidak dirancang dengan teliti, tidak dilaksanakan dengan cekap dan tidak dipantau dengan berkesan maka akan timbul *implementation gap* yang boleh mencalarakan perkhidmatan awam. Justeru itu, pemilihan Kajian Audit yang menjurus kepada objektif untuk mempertingkatkan kecekapan dan keberkesanan program/aktiviti menjadi keutamaan UAD.

ENCIK MOHD ASHRAF BIN MOHD NOOR (2011)
ENCIK NORMAN ANAK PETER (2012)
KETUA UNIT KEY PERFORMANCE INDICATORS (UKPI)

HIGHLIGHTS 2011

1 Menyelaras Pelaksanaan KPI YB Menteri Tahun 2011

SASARAN ▶ 100% (1 Dokumen KPI, Pelan Tindakan dan Proses Pemarkahan Disediakan)

PENCAPAIAN ▶ **100%**

2 Menyelaras pelaksanaan Kamus KPI KSU Tahun 2011

SASARAN ▶ 100% (1 Dokumen KPI, Pelan Tindakan dan Proses Pemarkahan Disediakan)

PENCAPAIAN ▶ **100%**

PENCAPAIAN 2011

100%

3 Penilaian Pencapaian Petunjuk Prestasi Utama Tahun 2011 bagi Semua Pengurusan Atasan Kementerian dan Jabatan/Agensi

SASARAN

(30 Dokumen KPI, Pelan Tindakan dan Proses Pemarkahan Disediakan)

PENCAPAIAN

100%



HIGHLIGHTS 2012

1 Menyelaras Pelaksanaan KPI YB Menteri Tahun 2012

SASARAN ▶ 100% (1 Dokumen KPI, Pelan Tindakan dan Pemarkahan Disediakan)

2 Menyelaras Pelaksanaan Kamus KPI KSU Tahun 2012

SASARAN ▶ 100% (1 Dokumen KPI, Pelan Tindakan dan Pemarkahan Disediakan)

ENCIK NORMAN ANAK PETER
Ketua Unit *Key Performance Indicators* (KPI)

KPI 2012

3 Pencapaian
95% dan
ke atas




3 KPI

0 Pencapaian
85% hingga
94.9%

0 KPI

0 Pencapaian
84.9% dan
ke bawah

0 KPI

KRA / KPI	Pencapaian 2011	Pencapaian Pertengahan Tahun 2012			Sasaran 2012	Sasaran Outcome	Catatan
		Sasaran	Pencapaian	Status			
1. Program Transformasi Kerajaan (GTP) untuk NRE							
1.1 Menyelaras pelaksanaan KPI YB Menteri Tahun 2011	1 dokumen KPI, Pelan Tindakan dan proses pemarkahan disediakan	Pencapaian pelaksanaan KPI sehingga bulan Jun 2012 disediakan	Pencapaian pelaksanaan KPI sehingga bulan Jun 2012 telah disediakan		1 dokumen KPI, Pelan Tindakan dan Pemarkahan disediakan	Memastikan objektif pelaksanaan bagi semua KPI tercapai	
1.2 Menyelaras pelaksanaan Kamus KPI KSU Tahun 2011	1 dokumen KPI, Pelan Tindakan dan proses pemarkahan disediakan	1 dokumen KPI disediakan	Pencapaian pelaksanaan KPI pertengahan tahun telah disediakan		1 dokumen KPI, Pelan Tindakan dan Pemarkahan disediakan	Memastikan objektif pelaksanaan bagi semua KPI tercapai	
1.3 Penilaian Pencapaian Petunjuk Prestasi Utama Tahun 2011 bagi semua Pengurusan Atasan Kementerian dan Jabatan/Agensi	30 dokumen KPI, Pelan Tindakan dan proses pemarkahan disediakan	Pencapaian pelaksanaan KPI sehingga pertengahan tahun disediakan	Pencapaian pelaksanaan KPI sehingga pertengahan tahun telah disediakan		30 dokumen KPI, Pelan Tindakan dan Pemarkahan disediakan	Memastikan objektif pelaksanaan bagi semua KPI tercapai	

PENCAPAIAN 2011

Program Transformasi Kerajaan (GTP) untuk NRE

Petunjuk Prestasi Utama (KPI) telah dimulakan oleh Perdana Menteri, YAB Dato' Sri Mohd Najib Tun Razak pada bulan April 2009 bagi memantau prestasi dan pencapaian penjawat selari dengan bidang tanggungjawab dan keutamaan strategik negara (berfokuskan kesejahteraan rakyat) selaras dengan gagasan 1Malaysia, "Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan". Susulan itu, KPI telah mula dipraktikkan di Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar (NRE) dan YB Menteri telah mengarahkan satu unit ditubuhkan bagi menyelaras KPI di NRE.

Asas penubuhan Unit KPI ini ialah untuk mewujudkan budaya penggunaan KPI di kalangan Pegawai Pengurusan Atasan Kementerian dan semua Jabatan/Agensi di bawah NRE selaras dengan Program Transformasi Kerajaan atau *Government Transformation Programme* (GTP). Unit KPI NRE ditubuhkan bagi menyelaras penilaian dan pelaporan KPI YB Menteri kepada pihak Unit Pengurusan Prestasi dan Pelaksanaan (PEMANDU), KPI YB Timbalan Menteri, penilaian KPI KSU oleh pihak Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA), 29 KPI Pengurusan Atasan NRE yang lain iaitu KPI TKSU (SA), TKSU (AS), SUBK (KP), Ketua Jabatan di bawah NRE dan Setiausaha Bahagian/Pengarah dan Ketua Unit.

Unit KPI telah menyelaras pelaksanaan KPI YB Menteri sebanyak 100% (1 dokumen KPI, Pelan Tindakan dan Proses Pemarkahan telah disediakan). Pencapaian KPI YB Menteri dipantau oleh PEMANDU setiap bulan. Unit KPI bertanggungjawab untuk mengemukakan laporan tersebut dan menghadiri mesyuarat yang ditetapkan oleh PEMANDU berkaitan penyelarasan KPI YB Menteri tersebut.

Unit KPI juga telah menyelaras pelaksanaan KPI KSU sebanyak 100% (1 dokumen KPI, Pelan Tindakan dan Proses Pemarkahan telah disediakan). Pencapaian KSU akan dipantau oleh JPA setiap setengah tahun. Unit KPI turut berperanan dalam menyediakan laporan pencapaian KSU dan dikemukakan kepada pihak JPA.

KPI semua Pengurusan Atasan Kementerian dan Jabatan/Agensi di bawah NRE turut dipantau bagi setiap sukuan tahun oleh YB Menteri dan YBhg. KSU. Unit KPI telah menyelaras 100% (30 dokumen KPI, Pelan Tindakan dan Proses Pemarkahan disediakan).

Pada 26 September 2011, program *NRE KPI Gallery Walk* telah julung-julung kali diadakan di peringkat kementerian. Tujuan utama program ini diadakan adalah bagi mewujudkan budaya yang berorientasikan KPI di kalangan Pegawai Pengurusan Atasan/Pengurusan Pertengahan dan kakitangan Bahagian/Jabatan/Agensi di bawah NRE. Program ini juga telah memberi peluang kepada semua Bahagian/Jabatan/Agensi di bawah NRE untuk meuar-uarkan dan berkongsi maklumat dengan lain-lain Bahagian/Jabatan/Agensi tentang bidang tugas masing-masing, di samping sebagai satu kaedah bagi mempromosi dan meningkatkan imej Kementerian serta sistem penyampaian kerajaan di NRE.



Perbincangan bersama Unit KPI dan PERHILITAN semasa pemantauan fizikal di Taman Negara Kuala Tahan, Pahang



Pemantauan kemajuan projek di bawah KPI Menteri : pembinaan *boardwalk* di Taman Negara Kuala Tahan, Pahang



Lawatan turun padang Unit KPI bersama JPS di Tapak *River of Life* (ROL), Sungai Klang (pakej 2)

NRE juga turut mengadakan Sesi Pertemuan Empat Mata YB Menteri bersama Pengurusan Atasan NRE bermula 13 – 30 Jun 2011. Sesi ini merupakan inisiatif yang dilaksanakan untuk memberi peluang kepada YB Menteri dan Pengurusan Atasan NRE berdialog secara empat mata bagi membincangkan KPI masing-masing secara lebih terperinci.

Bagi meningkatkan keberkesanan pemantauan, lawatan tapak juga telah dilaksanakan pada tahun 2011 di Betong, Kuantan, Sepang, Cyberjaya, Taman Negara Pahang dan sebagainya.

LANGKAH SETERUSNYA

Unit KPI NRE akan terus memantau dan menyelaras pelaksanaan KPI YB Menteri sebanyak 100% (1 dokumen KPI, Pelan Tindakan dan Proses Pemarkahan disediakan), memantau dan menyelaras pelaksanaan KPI KSU sebanyak 100% (1 dokumen KPI, Pelan Tindakan dan Proses Pemarkahan disediakan) dan turut menyelaras dan memantau semua KPI Pengurusan Atasan Kementerian dan Jabatan/Agensi di bawah NRE setiap sukuan tahun 2012.

Sebagai salah satu usaha untuk menjadikan pemantauan yang lebih berkesan, Unit KPI telah mengadakan lebih banyak lawatan berbanding dengan tahun sebelum selaras dengan seruan YB Menteri yang lebih mengutamakan pendekatan turun padang.

ENCIK MURALITHARAN A/L PARAMASUA

UNIT ANTARABANGSA (UAB)

HIGHLIGHTS 2011

- 1 Mewakili NRE dalam Pelbagai Rundingan Perjanjian Bebas antara Malaysia dengan Negara-negara Lain Berkaitan Isu-isu Alam Sekitar

SASARAN

2 Rundingan

PENCAPAIAN

4 Rundingan

PENCAPAIAN 2011

Tiada Markah Disebabkan Unit Baru Ditubuhkan pada Tahun 2012

- 2 Pelaksanaan Perjanjian FTA yang Telah Ditandatangani oleh Malaysia dengan Negara-negara Lain berkaitan Isu-isu Alam Sekitar: Malaysia dan New Zealand

SASARAN

1

PENCAPAIAN

0

(Mesyuarat Ditangguhkan oleh Pihak New Zealand)



HIGHLIGHTS 2012

- 1 Mewakili NRE dalam Pelbagai Rundingan Perjanjian Bebas antara Malaysia dengan Negara-negara Lain Berkaitan Isu-isu Alam Sekitar

SASARAN 100% Kehadiran

- 2 Pelaksanaan Perjanjian FTA yang Telah Ditandatangani oleh Malaysia dengan Negara-negara Lain Berkaitan Isu-isu Alam Sekitar: Malaysia dan New Zealand

SASARAN 1KALI Mesyuarat Jawatankuasa Alam Sekitar Diadakan



**ENCIK MURALITHARAN A/L PARAMASUA
Unit Antarabangsa (UAB)**

KPI 2012

2 Pencapaian
95% dan
ke atas



2 KPI

0 Pencapaian
85% hingga
94.9%

0 KPI

0 Pencapaian
84.9% dan
ke bawah

0 KPI

KRA / KPI	Pencapaian 2011	Pencapaian Setengah Tahun 2012			Sasaran 2012	Sasaran Outcome	Catatan
		Sasaran	Pencapaian	Status			
KPI FOKUS							
1. Rundingan MOU/FTA dan Pelbagai Bentuk Perjanjian antara Malaysia dengan Negara-negara Lain untuk Kementerian							
1.1 Mewakili NRE dalam pelbagai rundingan perjanjian perdagangan bebas di antara Malaysia dengan negara-negara lain berkaitan isu-isu Alam Sekitar	4 rundingan	100%	100% Sehingga kini, sebanyak 10 rundingan telah dihadiri.		Menghadiri 100% perundingan perjanjian dua hala/ pelbagai hala yang melibatkan isu-isu alam sekitar	Rundingan FTA dimuktamadkan dan ditandatangani	
1.2 Pelaksanaan perjanjian yang telah ditandatangani oleh Malaysia dengan negara-negara lain berkaitan isu-isu Alam Sekitar : Malaysia dan New Zealand	Pihak New Zealand telah meminta untuk menangguhkan mesyuarat	1 kali Mesyuarat Jawatan-kuasa Alam Sekitar diadakan	1 Mesyuarat Jawatan-kuasa Alam Sekitar telah diadakan pada bulan Mac 2012		1 kali Mesyuarat Jawatan-kuasa Alam Sekitar diadakan	Program kerjasama di antara Malaysia dan New Zealand dikenalpasti dan dilaksanakan	

PENCAPAIAN 2011

Kehadiran ke Sesi-sesi Rundingan Perjanjian Perdagangan Bebas (FTA) dan Perjanjian Kerjasama Perkongsian (PCA)

Secara amnya Unit Antarabangsa (UAB) NRE merupakan wakil utama bagi pihak Kementerian di dalam kesemua sesi rundingan FTA dan PCA samada di dalam atau luar negara. Kehadiran wakil NRE di dalam setiap sesi rundingan adalah penting bagi menjaga dan memelihara hak serta kepentingan Kementerian dan juga Negara di dalam isu-isu berkaitan sumber asli dan alam sekitar

Pada masa ini terdapat beberapa sesi rundingan yang masih lagi berjalan (belum dimuktamadkan) iaitu *Malaysia-European Union Free Trade Agreement (MEUFTA)*, *Malaysia-European Union Partnership Agreement (MEUPCA)* dan *Trans Pacific Partnership Agreement (TPP)*. Kekekapan sesi-sesi rundingan tersebut adalah lebih kurang sebanyak 2 hingga 3 bulan sekali dan bergantung kepada keperluan dan berdasarkan kepada persetujuan negara ahli.

Pada tahun 2011, pihak UAB telah menghadiri sebanyak 4 sesi rundingan termasuk sesi rundingan *Malaysia-Australia Free Trade Agreement (MAFTA)* yang telah dimuktamadkan pada tahun ini. Bagi pencapaian 2012 bagi sepanjang bulan Januari hingga Jun, sebanyak 10 sesi rundingan telah dihadiri. Kekekapan ini adalah disebabkan terdapatnya sesi rundingan intersesi (di luar jadual) bagi rundingan TPP.



YB Timbalan Menteri Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Kurup dan Menteri Perdagangan New Zealand Mr. Tim Groser sebelum Majlis Perasmian Perjanjian Kerjasama Alam Sekitar Malaysia - New Zealand



Upacara Pertukaran Cenderahati semasa Majlis Perasmian Perjanjian Kerjasama Alam Sekitar Malaysia - New Zealand

Pelaksanaan Perjanjian Kerjasama Alam Sekitar Malaysia-New Zealand

Perjanjian ini merupakan satu perjanjian tambahan (*side agreement*) di bawah *Malaysia-New Zealand Free Trade Agreement (MNZFTA)* yang merangkumi kerjasama berkaitan dengan alam sekitar. Mengikut kandungan perjanjian, satu Mesyuarat Jawatankuasa Alam Sekitar Malaysia-New Zealand (NZ) perlu diadakan selepas MNZFTA dimuktamadkan bagi membincangkan bidang-bidang yang berpotensi untuk kerjasama.

Mesyuarat Pertama Jawatankuasa Alam Sekitar Malaysia-NZ telah dijadualkan berlangsung pada Oktober 2011. Walau bagaimanapun, pihak NZ telah memohon supaya mesyuarat tersebut ditangguhkan ke tahun 2012.



YBhg. Datuk Dr. Abdul Rahim bin Nik (TKSU Alam Sekitar) mempengerusikan Mesyuarat Sesi Konsultasi bersama Kerajaan Negeri berkaitan perjanjian *Trans Pacific Partnership Agreement* (TPP)

LANGKAH SETERUSNYA

Sasaran utama UAB adalah untuk mempercepatkan proses rundingan bab alam sekitar supaya perjanjian FTA dapat dimuktamadkan bagi membantu dalam meningkatkan ekonomi Negara. Kehadiran wakil NRE di dalam setiap sesi rundingan FTA sebagai ketua delegasi Malaysia di bawah Kumpulan Kerja Alam Sekitar adalah amat penting bagi memastikan hak serta kepentingan Malaysia berkaitan alam sekitar sentiasa terpelihara.

Kerjasama di antara UAB dengan bahagian dasar, jabatan dan agensi lain adalah amat penting bagi mendapatkan maklumat, maklumbalas serta sokongan di dalam persediaan menghadapi sesi rundingan. Oleh yang demikian, adalah amat penting bagi UAB untuk mewujudkan dan mengekalkan hubungan baik dengan setiap bahagian, jabatan dan agensi berkaitan.



Kementerian Sumber Asli Dan Alam Sekitar

Wisma Sumber Asli

No.25 Persiaran Perdana

Presint 4

62574 Putrajaya, Malaysia

Tel :03 8886 1111 / Fax : 03 8889 2672

Toll Free :1-800-88-27 27

Email : webmaster@nre.gov.my / aduanre@nre.gov.my

Website : <http://www.nre.gov.my>